

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA****Bil. 67****Isnin****13 Disember 2004****K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1) –**Bank-bank Komersial Mengaut Keuntungan Berlipat Ganda Dengan
Mengenakan Caj Keterlaluan Kepada Pelanggan
- Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)

(Halaman 24)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004 (Halaman 26)

Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan (Pindaan) 2004 (Halaman 87)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 13 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menurunkan had umur pengundi kepada usia 18 tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menurunkan had umur pengundi daripada 21 kepada usia 18 tahun berdasarkan rasional seperti berikut:

- (i) pemilih lebih matang dalam membuat pilihan untuk wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri kalau sekiranya mereka berumur 21 tahun;
- (ii) mereka yang berumur 18 tahun ini kebanyakannya masih lagi di bangku sekolah; dan
- (iii) kebanyakan negara di Asia masih lagi mengamalkan umur 21 tahun sebagai kelayakan mengundi.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih kepada Berhormat Menteri atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya hendak timbulkan ialah jika kita merasakan seseorang yang berumur 18 tahun itu sudah cukup matang untuk diberi lesen memandu dan membuat pertimbangan untuk memandu yang kadangkala terdedah kepada ancaman nyawa. Apakah alasan kementerian bahawa umur 18 tahun ini belum matang untuk memilih siapakah pemimpin mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan di antara memandu motosikal dan memandu kereta dengan memilih kerajaan. Ini kerana, banyaklah pertimbangannya kalau kita hendak memilih kerajaan,

maka memerlukan kepada seseorang yang benar-benar sudah pun matang dan tahu apa yang dilakukan oleh beliau. Kalau setakat motosikal dan motokar, itu di antara dia dengan enjin itu sahaja. *[Ketawa]* Jadi sebab itu, kerajaan masih merasakan iaitu bahawa kita perlu mempertahankan umur 21 tahun ini dan jangan lupa, apabila kalau boleh mengundi, bermakna kita juga boleh menjadi calon. Jadi, bermakna di peringkat sekolah pun, kalau kita bagi budak 18 tahun, dia boleh jadi calon dan dia juga boleh jadi menteri. Jadi, saya tidak fikirlah kita boleh turun kepada 18 tahun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan tambahan saya, saya ingin merakamkan selamat datang kepada Imam dan Bilal daripada Pejabat Agama Daerah Dungun. *[Tepuk]* Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan dakwaan dalam pilihan raya yang lalu, berkaitan dengan pengundi juga iaitu bagaimanakah pendirian kerajaan ataupun SPR tentang pendirian kita berkenaan dakwaan terhadap pengundi-pengundi hantu dan juga penggunaan wang yang berleluasa yang mendakwakan kemenangan Kerajaan Barisan Nasional ini adalah faktornya kerana wang. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa tuduhan yang dibuat berkenaan dengan dakwaan bahawa ada pengundi hantu, saya rasa yang mendakwa itu dia pun hantu raya kot. Sebab, untuk menangkap pencuri, kita perlu pencuri. Jadi, untuk mengenali sama ada, ada pengundi hantu, bermakna yang boleh mendakwa itu hantulah juga. Saya tidak fikir iaitu bahawa ada pengundi hantu yang dalam pilihan raya yang lepas dan soal sama ada kita Kerajaan Barisan Nasional main duit, menang dalam pilihan raya, ini saya percaya datang daripada pemikiran seorang yang mudah di rasuah. Sebab, kalau dia merasakan wang boleh menang dalam pilihan raya, bermakna dia sendiri memikirkan wang itu boleh beli undi orang dan dia juga memandang rendah terhadap pengundi-pengundi yang memilih Barisan Nasional, seolah-olah yang memilih itu semua boleh dirasuah.

Jadi, saya rasa ini satu tuduhan yang liar, yang tidak tepat dan tidak betul dan saya kira datangnya daripada orang yang kalah, yang tidak mahu terima hakikat dan juga tidak mahu terima takdir daripada Allah S.W.T. Lebih baiklah dia duduk diam dan terus cuba lawan kita di masa-masa akan datang, tetapi saya percaya rakyat tidak mudah dirasuah untuk memberi sokongan kepada Barisan Nasional.

[Soalan No. 2 – Y.B Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian] tidak hadir]

3. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh manakah perkembangan yang dicapai oleh kerajaan dalam menukarkan sebahagian Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRI) di Sungai Buloh kepada kawasan perumahan dan komersial.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan Lembaga Getah Malaysia telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi untuk mencari kaedah dan cara terbaik untuk membangunkan kawasan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRI) di Sungai Buloh secara komprehensif dengan berkonsepkan *rubber city* dengan izin, bertaraf dunia. Ia bukanlah setakat kawasan perumahan dan komersial tetapi juga akan antara lain dilengkapi dengan maklumat penyelidikan, ibu pejabat yang moden dan serba lengkap, sebuah taman teknologi getah, unit-unit inkubator untuk industri kecil dan sederhana, *living museum* dengan izin, penebatan banjir dan perumahan termasuk 12,000 unit rumah-rumah kos rendah dan sederhana.

Untuk tujuan ini, kerajaan telah bersetuju untuk melantik sebuah syarikat perunding bagi menyediakan pelan induk *rubber city* tersebut secara menyeluruh. Memandangkan projek mengkomersialkan kawasan di Sungai Buloh ini adalah satu projek yang sangat besar, penyediaan pelan induk ini adalah sangat penting dan dengan itu, perbincangan-perbincangan yang lebih mendalam dan lebih teliti dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat perlu diadakan sebelum sebarang keputusan lanjut dapat dibuat bagi menjamin supaya segala usaha kerajaan akan memberi kebaikan dan faedah kepada industri getah negara dan juga negara keseluruhannya untuk tempoh jangka panjang. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRI) telah ditubuhkan semenjak akhir 70-an lagi. Sehingga sekarang, sedikit sahaja kita mengetahui kejayaan dan kematangan pusat penyelidikan ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah penemuan-penemuan yang telah didapati dan telah juga diguna pakai secara peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini merangkumi jenis-jenis pertemuan penyelidikan yang sudah tercapai oleh RRI ini. Ia memang banyak Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau hendak saya sebut, memang ia agak panjang.

Tetapi, memadailah untuk saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sekarang, kalau kita melawat Sungai Buloh, di mana kita mempunyai satu dewan pameran berkenaan produk-produk yang dihasilkan oleh industri *rubber* atau getah ini, ia banyak. Hampir 2,000 lebih pertemuan tetapi yang ada memang bukan pertemuan di Malaysia ini tetapi hari ini, produk-produk ini dibuat di kilang-kilang di Malaysia. Banyaklah Yang Berhormat untuk saya sebutkan. Sebenarnya, penyelidikan RRI ini yang terkenal ialah dari segi *upstream* iaitu pokok getah sendiri, di mana klon-klon yang baru itu ditemui dan hari ini kita mempunyai satu klon yang amat berfaedah kepada negara iaitu *latex timber clone* iaitu di mana klon ini boleh menghasilkan susu getah tetapi dari segi kayu untuk industri kayu-kayan kita di masa akan datang. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Daripada jawapan ini, jelas bahawa projek perumahan dan komersial dan juga apa dikenali sekarang sebagai projek *rubber city* akan dilaksanakan di kawasan ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu isu yang saya berpendapat adalah penting iaitu tentang pandangan penduduk-penduduk khususnya di kawasan RRI ini dan umumnya di sekitarnya, seperti Yang Berhormat kita telah menegaskan beberapa kali, kita perlu bekerjasama di antara pihak kerajaan dan penduduk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya harap bukan memberi ucapan, ya.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Saya sekejap, sedikit sahaja lagi. Tetapi, pihak kerajaan dan dengan penduduk-penduduk bila Perdana Menteri menyatakan "*Kerja dengan saya, bukan kerja untuk saya*".

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya kesal apa yang diperhatikan dalam isu ini adalah sebaliknya. Sejak beberapa tahun beberapa cadangan untuk membangunkan kawasan RRI telah dibincangkan di beberapa peringkat atasan tetapi sehingga kini tidak ada sebarang perbincangan dengan penduduk-penduduk. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian masih mengambil satu inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan rakyat di kawasan RRI ini dan persekitarannya

untuk mendapat pandangan mereka dan perasaan mereka atas projek ini. Langkah ini penting kerana ini seiring dengan seruan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat yang prihatin dengan isu ini, memang kerajaan berhasrat untuk mendapatkan satu pelan induk atau *master plan* yang menyeluruh iaitu dapat mengambil kira semua pandangan dari segi *traffic* dari segi kawasan yang di mana sekarang menghadapi masalah banjir dan juga kehendak-kehendak RRI ini sebagai satu badan penyelidikan. Semua ini akan diberi tumpuan tetapi kita belum ada pelan induk lagi. Setakat ini kita banyak cadangan. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita terdapat sebelas cadangan daripada semua pihak iaitu pihak swasta dan lain-lain lagi. Tetapi kita rasa itu tidak memadai dan tidak cukup. Kita perlu satu pelan induk yang cukup komprehensif supaya kita boleh merancang satu pembangunan yang cukup indah dan cukup canggih dan sebagainya.

4. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah warga asing yang menggunakan perkhidmatan kesihatan awam di Malaysia. Apakah nilainya dalam erti kata wang ringgit. Apakah kesan golongan ini kepada sistem kesihatan dan apakah rancangan untuk mengurangkan beban kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah warga asing yang menggunakan perkhidmatan kesihatan kerajaan pada tahun 2003 ialah seramai 42,361 orang dengan jumlah bayaran sebanyak RM19.7 juta. Bebanan dari segi warga asing yang menerima rawatan tetapi tidak mampu untuk menjelaskan bayaran dan berlakunya tunggakan hasil berjumlah RM6.12 juta pada tahun 2003. Rakyat Malaysia terpaksa berkongsi kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan dengan warga asing dan kerajaan pula terpaksa menanggung kos perkhidmatan kesihatan yang juga diberi kepada warga asing. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dua tiga hari yang lalu Timbalan Menteri Kesihatan mengumumkan ura-ura hendak mengenakan bayaran kepada ubat-ubatan yang selama ini percuma kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita bincang tentang warga asing.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak tanya... ada kaitan Tuan Yang di-Pertua. Ini penting, apakah rasionalnya hendak kenakan bayaran kepada rakyat. Ubat yang diambil hanyalah panadol, ubat batuk dan ubat demam ini ialah penyakit rakyat miskin. Apa fasal hendak dibayar? Apakah akan bankrap kerajaan kalau memberi percuma, ini persoalannya. Kementerian Kesihatan jangan hendak mengada-ngadalah. Kita menang besar disokong oleh rakyat yang deman dan yang batuk inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini merosakkan masa depan Barisan Nasional kita. Kementerian Kesihatan saya ulang sekali lagi jangan hendak mengada-ngadalah. Apakah rugi kerajaan jika kita beri percuma kepada rakyat? Apa yang rakyat nikmati hari ini jangan diubah. Kalau hendak mengenakan bayaran kena cari isu-isu yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apakah soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan. Tuan Yang di-Pertua, rakyat semua membantah. Kementerian jangan hendak memandai-mandai. Tolong dengar kemahuan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat adakah percuma itu dikekalkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kekalkan jangan diubah apa yang telah rakyat terima. Kalau hendak cari duit carilah jalan lain. Jangan diubah, rakyat marah. Rakyat marah nanti besok dia tidak mengundi Barisan Nasional, yang kalah nanti siapa? Barisan Nasional. Saya harap Menteri Kesihatan tarik balik ura-ura hendak mengenakan bayaran ke atas ubat-ubat yang diberi percuma kepada rakyat hari ini. Terima kasih. Jawab 'ya' sahaja sudah. *[Ketawa]*

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Apa yang dikatakan tadi itu adalah cuma satu cadangan di mana kita perlu lagi banyak masa untuk mengkaji dan sepatutnya kita memang bersetuju seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana polisi kerajaan setakat ini selama 46 tahun ini memang kita bagi jagaan kesihatan yang percuma dan kita akan kekalkan jikalau kita mampu.

Itu adalah satu dan kalau kerajaan mampu memang kita bersedia jalankan itulah. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan bagaimana hendak mengurangkan bebanan kerajaan kerana ini adalah warga asing yang mungkin bekerja di sini dan mendapat pendapatan dari negara ini. Tetapi kita beri mereka perkhidmatan perubatan yang percuma. Saya rasa bolehkah kita mengadakan satu tindakan bahawa majikan mereka membayar bayaran kesihatan ini ataupun rawatan ini. Adakah ini akan dijalankan supaya kita mempunyai lebih sumber wang untuk rakyat sendiri. Untuk rakyat sendiri bolehlah diberi percuma tetapi bukan untuk warga asing. Apakah pendirian kementerian?

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi Kementerian Kesihatan kita memang sentiasa hendak menanam idea bahawa kesihatan pekerja-pekerja-pekerja asing ini adalah tanggungjawab majikan mereka dan kita telah *review* semua *charge* yang hendak kita kenakan kepada pekerja-pekerja asing ini seperti dahulu *out patient* RM1, sekarang kita telah menaikkan kepada RM15 dan bagi *in patient* dahulu kita *charge* RM3 dan setelah dinaikkan menjadi RM40 dan bagi *emergency* pula, dahulu kita *charge* RM3 sekarang kita telah naikan kepada RM50. Kita akan sentiasa mengkaji supaya perkhidmatan perubatan yang kita berikan kepada pendedatang asing ini tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang kita bagi kepada rakyat Malaysia. Sekian.

5. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah "*Immigration Check Point*" di Ba'Kelalan akan didirikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan *Immigration Check Point* di Ba'Kelalan akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke 9. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, Ba'Kelalan merupakan pintu masuk bagi rakyat Indonesia khususnya Kalimantan Indonesia ke daerah Lawas dan Sarawak amnya. Dengan ketiadaan *Immigration Check Point* di kawasan ini kemasukan rakyat Indonesia..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberi jawapan iaitu di dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Tuan Henry Sum Agong: Kemasukan rakyat Indonesia dikendalikan oleh pihak askar dengan memberi pas lintas batas sahaja. Saya ingin bagi pihak rakyat menyeru agar pihak kerajaan serius dengan perkara ini dengan cepat *melaksanakan Immigration Check Point* di Bak'Kelalan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ba'Kelalan adalah salah satu laluan tradisional yang terdapat di sempadan negara kita dengan Indonesia di negeri Sarawak. Jalan tradisional ini juga dikenali sebagai laluan tikus atau jalan tikus. Jawapan saya tadi sebenarnya menunjukkan bahawa kerajaan serius. Mengikut perjanjian sempadan tahun 1967, rakyat di antara dua negara dibenarkan *cross border* dengan izin untuk tujuan melawat sanak-saudara masing-masing ataupun menjalankan perniagaan *barter trade*. Terima kasih.

6. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menambah baik perkhidmatan menghantar surat-surat kepada orang ramai sekali gus meningkatkan tahap kepercayaan orang ramai terhadap Pos Malaysia Berhad.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan menghantar surat-surat kepada orang ramai dan sekali gus menambah baik keberkesanan perkhidmatan pos, antara rancangan yang diambil oleh Pos Malaysia Berhad atau PMB adalah seperti berikut:

- (i) Kakitangan Pos telah dihantar untuk berkursus mengikut program berkala. Kursus-kursus ini adalah berkaitan bagaimana meningkatkan taraf kualiti kerja, tatatertib, disiplin, khidmat pelanggan dan kursus-kursus berkaitan insaniah
- (ii) PMB telah menyusun semula jadual kerja-kerja khususnya penghantaran surat oleh posmen supaya tidak dibebani dengan kapasiti dan kemampuan seseorang posmen.
- (iii) Peralatan dan kenderaan telah ditukar dan diperbaiki bagi mencapai tahap amat memuaskan untuk melaksanakan penghantaran surat.

- (iv) PMB telah mengambil tindakan mengedarkan dengan izin *leaflet* yang mengandungi nama, nombor telefon pejabat dan nombor telefon bimbit posmen yang terlibat. Ketua Penyelia Posmen, Pengurus Serahan Mel, Pengurus Perniagaan Kaunter dan Pengurus Negeri berkenaan. Edaran maklumat ini bertujuan memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat aduan tentang perkhidmatan pos ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Soalan tambahan saya ialah agaknya bila kaunter-kaunter post office ini di seluruh negara terutamanya di luar bandar sama taraf, sama tahapnya dengan kaunter-kaunter dari segi sistem dan suasana dengan bank-bank di seluruh Malaysia misalnya tidak perlu Q, suasana dingin, ada sistem digital dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tentulah Yang Berhormat, perkhidmatan di bandar dan di luar adalah tidak sama sekali yang mana kalau sesuatu orang sahaja jaga pos di sesuatu tempat di luar bandar kita tidak melengkapkan dengan semua kemudahan seperti *air-cond* atau lain-lain alat. Tetapi kita cuma mengurangkan kebimbangan kepada orang yang bekerja di dalam pos dan kita cuba sedaya upaya untuk mengadakan lebih kaunter pos atau stesen pos kepada banyak tempat luar bandar lagi yang memerlukan perkhidmatan pos itu.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya selain daripada langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah rancangan untuk mengkaji semula sistem yang sedia ada di mana *collecting center* tertumpu kepada beberapa bandar besar sahaja. Ini telah menyebabkan kelambatan surat dan apakah caranya untuk pos ini memastikan tidak berlakunya perkara di mana posmen tidak mengedarkan surat seperti yang berlaku baru-baru ini di mana 21,000 lebih surat yang tidak diserahkan. Apakah caranya pos ini untuk mengadakan satu langkah di mana boleh pastikan perkara macam itu tidak boleh berlaku lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan. Inilah dalam sesuatu syarikat yang banyak orang bekerja tentulah ada satu atau dua, dengan izin, *black sheep* dan melalui kursus-kursus yang saya sebutkan tadi, kita cuba

untuk meningkatkan disiplin atau tatatertib kepada semua posmen dan kalau ada orang yang buat salah, kita mengambil tindakan.

Dari Januari hingga Jun tahun ini seramai sembilan orang kakitangan *posmen* telah diberi amaran bertulis, 17 ditangguhkan kenaikan gaji, 5 turun gaji, 9 dibuang kerja dan 1 ditamatkan perkhidmatan. Dengan itu kita pun ada percubaan melalui pos yang pos sendiri menghantar surat dan kita kaji berapa lama surat itu sampai dari satu tempat ke tempat yang lain. Kalau dia lama, kita akan periksa dan kaji mengapa terjadi demikian sama ada di atas kekurangan pusat untuk mengutip dan mengedarkan surat-surat dan ini menentukan pusat itu mesti bergantung kepada berapa pelanggan dan berapa surat pergi ke sesuatu tempat.

Saya tahu banyak kawasan memohon supaya kita mengadakan lebih pusat untuk mengutip surat di dalam kawasannya mengedarkan surat tetapi dalam mengambil kira atau menentukan bila kita meletakkan pusat ini, bergantung pada *traffic post* atau *traffic* surat yang ada di mana-mana kawasan itu.

7. Tuan Raime bin Unggi [Tenom] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilakah projek mini stadium bagi setiap kawasan Parlimen dapat dilaksanakan khususnya bagi kawasan Parlimen Tenom.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan S. Vigneswaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk membina mini stadium bagi setiap kawasan Parlimen. Pembinaan mini stadium pada dasarnya menelan belanja yang tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa kemudahan sukan sedia ada adalah mencukupi untuk digunakan sama bagi persatuan-persatuan sukan, sekolah ataupun penduduk persekitaran bagi mengadakan aktiviti sukan.

Pada masa ini selain daripada pembinaan Kompleks Rakan Muda yang mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang mengikut piawai antarabangsa, kementerian juga bercadang untuk membina Kompleks Sukan Komuniti bagi setiap Dewan Undangan Negeri di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah dengar jawapan tadi. Tetapi Menteri memang ada umumkan mini sukan untuk semua kawasan Parlimen. Saya minta penjelasan tentang perkara itu.

Satu lagi yang dimaksudkan oleh Menteri diumumkan tetapi saya tidak melihat sebarang mekanisme untuk pelaksanaan yang telah diset oleh kementerian. Apakah mekanisme pelaksanaan mini-mini sukan masyarakat ini untuk setiap kawasan Parlimen agar ia *clear* cara pelaksanaannya sama ada melalui negeri, melalui Kementerian Belia dan Sukan Negeri ataupun melalui Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan atau melalui Pejabat-pejabat Daerah.

Mekanisme pelaksanaan harus diperjelaskan untuk setiap kawasan Parlimen agar projek ini tidak jadi macam projek Komuniti Kolej diumumkan oleh Menteri tetapi tidak dilaksanakan sepenuhnya sehingga sekarang. Terima kasih.

Tuan S. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mini stadium, nama sebenarnya ialah Kompleks Sukan Komuniti dan bukannya mini stadium dan Kementerian Belia dan Sukan mengadakan satu taklimat pada hari ini yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan cara pelaksanaan dan bagaimanakah Kompleks Sukan Komuniti ini akan dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Soalan pokok adalah berkenaan dengan mini stadium dan saya telah menjawab berkenaan dengan mini stadium. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahulah sama ada kita salah dengar ataupun Setiausaha Parlimen salah memberi penjelasan. Soalannya mini kompleks sukan ini yang telah diumumkan oleh Menteri untuk dilaksanakan di seluruh kawasan Parlimen, termasuk di Senai, Kinabatangan, Sri Gading

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Senai tidak adalah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tenom

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Senai tidak adalah Yang Berhormat. Senai tak ada, Kulai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kulai, saya hendak masuk Kulai. Masalahnya ialah kita bina kompleks ini, kita keluarkan wang begitu banyak, tetapi bagaimana cara pelaksanaannya, pengurusannya siapa yang hendak jaga. Siapa yang hendak *maintain*, adakah Wakil Rakyat, adakah kerajaan negeri, ketua kampung atau bagaimana? Atau umum-umum sahaja. Minta sedikit penjelasan kepada Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Tuan S. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, Kompleks Sukan Komuniti ini selepas pembinaannya akan dijaga oleh Kementerian Belia dan Sukan, bukan oleh ADUN atau sesiapa, oleh Pejabat Daerah (Sukan) di semua daerah.

Saya ingin mengulangi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan satu taklimat secara menyeluruh kepada semua Ahli Parlimen bagaimana cara pelaksanaan yang akan dijalankan. Saya berharap semua Ahli Parlimen dapat datang pada taklimat ini. Terima kasih.

8. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengapa terdapat kekurangan diesel untuk nelayan. Adakah masalah ini berpunca dari kekurangan stok, kelemahan perancangan atau masalah logistik yang menjejaskan hasil pendapatan nelayan kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pemerhatian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak terdapat masalah kekurangan diesel untuk nelayan. Ini dapat ditunjukkan dengan peratus penggunaan minyak diesel bersubsidi berbanding jumlah kuota yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Jun 2004 oleh persatuan-persatuan nelayan kawasan adalah sebanyak 69% dan bagi tahun 2003 pula adalah sebanyak 81%.

Apa yang mungkin terjadi rungutan ialah kaedah penyaluran subsidi diesel kepada nelayan yang mengakibatkan ada nelayan yang tidak mendapat faedah subsidi diesel sepenuhnya. Perkara ini mungkin berlaku kerana kuota subsidi diesel ditetapkan mengikut kawasan atau jeti yang diluluskan berdasarkan bilangan, saiz *vesse/* serta peralatan menangkap ikan yang digunakan. Kadangkala pada musim-musim tertentu terdapat kadar penggunaan diesel melebihi bulan-bulan yang lain menyebabkan kuota subsidi tidak mencukupi dan nelayan terpaksa mendapat bekalan diesel pada harga pasaran tanpa subsidi.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih. Soalan tambahan saya, saya dapat tahu bahawa ramai nelayan-nelayan, pemandu-pemandu daripada negara jiran kita termasuklah Thailand dan Myanmar telah menggunakan diesel kita yang lebih murah oleh kerana subsidi dan yang dibandingkan dengan negara mereka. Soalannya, apakah cara yang kerajaan kita boleh

menghentikan keadaan ini yang sepatutnya subsidi diesel ini patut cukup dari segi pembekalannya dan patut dirasai oleh rakyat khususnya nelayan kita.

Kenapa tidak kalau kita boleh ada satu harga yang berlainan untuk warganegara asing oleh kerana nelayan kita kadang-kadang itu bila nelayan daripada jiran itu datang, dia guna kapal yang bukan kecil, besar. Nelayan-nelayan kita pula botnya kecil. Apabila hendak isi itu memang tidak ada misalnya di Kuala Perlis. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu seperti Yang Berhormat cadangkan mengenai harga untuk orang asing ini pertamanya kita cubalah kalau dapat nikmat ini untuk nelayan kita terdahulu. Oleh yang demikian, kita hendak memastikan bahawa nelayan kita betul-betul mendapat faedah daripada harga subsidi diesel ini, bukan banyak negara yang beri subsidi diesel ini. Kita memang *special* sedikit dan oleh yang demikian, memang kita hendak agensi-agensi tertentu yang terlibat di dalam pengagihan subsidi ini untuk betul-betul membuat pemantauan iaitu melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebab permit ini memang daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama dengan Jabatan Kastam.

Mereka bertiga ini harus bersama-sama memastikan bahawa tidak ada penyelewengan dan penipuan dan sebenarnya Yang Berhormat memang kita ada juga mendapat tahu bahawa memang berlaku macam ini yang subsidi ini dijual keadaan negara di sebelah itu. Tetapi pada masa yang sama inilah yang kita hendakkan pegawai-pegawai kita lakukan iaitu lawatan dan pemeriksaan serta menyemak dokumen-dokumen PNK dan NIKMAT untuk memastikan tidak ada penyelewengan berlaku. Lawatan dan pemeriksaan oleh Jabatan Kastam dari semasa ke semasa untuk sama-sama memerhatikan bahawa dokumen belian dan jualan, kita *check* juga dan pemantauan ketiga adalah LKIM sebagai pendaftar kepada persatuan nelayan supaya memastikan bahawa tidak berlakunya penjualan kepada orang lain sebab ini adalah khas dan khusus untuk mereka. Terima kasih.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang] tidak hadir]

10. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilangan sumber pengambilan air minuman mineral bawah tanah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan tiada pencemaran kualiti air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, air mineral semula jadi ialah air tanah yang diperolehi dari telaga tanah yang berpunca dari mata air, dengan izin, *spring*. Terdapat sebanyak 30 punca air mineral berlesen tempatan di Malaysia iaitu 28 di Semenanjung, 1 di Sabah dan 1 di Sarawak.

Punca air mineral dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut Akta Makanan 1983, *Food Regulation 1985 (Regulation 3, 60(a))* setelah dipertimbangkan dan diluluskan Jawatankuasa Teknikal Air Minum. Kualiti air tanah yang *disampel* dari telaga air tanah dianalisis oleh Jabatan Kimia bagi kandungan kimia dan Institut Teknologi Nuklear Malaysia (*MINT*) bagi kandungan radioaktif bagi memastikan kandungan air tanah memenuhi piawaian air mineral semula jadi *Schedule 26* dan kualitinya juga setanding dengan kualiti air yang diimport. Bagi memastikan kualiti air mineral semula jadi sentiasa terjamin, pemantauan dijalankan oleh pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Negeri seperti berikut:

- (i) menerusi mikro-organisma iaitu sebanyak sekali bagi setiap tiga bulan,
- (ii) analisis kimia iaitu sebanyak sekali bagi tempoh enam bulan,
dan
- (iii) analisis radioaktif setahun sekali.

Sekian, terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa terdapat banyak kesan daripada perbuatan manusia yang memberi kesan kepada kualiti sumber air bawah tanah dan terutama sekali akibat daripada pembuangan dan pelupusan sampah yang tidak teratur, yang juga melibatkan pembuangan sisa toksik berjadual yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian berpuas hati dengan kualiti air mineral yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha air mineral tempatan

buat masa ini, kerana kebanyakan daripada punca air terutama sekali di kawasan pedalaman mendapat kesan yang sangat teruk daripada pembuangan sisa daripada buatan manusia ini. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kualiti air yang dibotolkan, air semula jadi yang dijual di pasar-pasar raya dan sebagainya adalah tidak termasuk di dalam bidang kuasa kementerian kita, tetapi bagi punca air semula jadi yang mereka ini dapat untuk dibotolkan itu memang kita memantau dengan Jabatan Mineral dan Geosains tahap pencemaran seperti yang saya nyatakan tadi. Pihak kementerian juga akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan punca-punca air tersebut tidak dicemari dengan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada kualiti alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada kebimbanganlah berhubung dengan ketelusan kementerian untuk membuat pemantauan berhubung dengan pembekalan air mineral bersih ini sebab ada *mineral water* di pasaran yang kita lihat. Namanya *No Name*, harganya lebih murah 50% daripada *mineral water* yang lain. Jadi, tidakkah kementerian membuat kajian memberi lesen kelulusan kepada mereka yang berhasrat mengeluarkan *mineral water* dengan nama *No Name*. Apa itu? Apakah alasan-alasan yang kementerian buat dan apakah kementerian mempunyai perancangan supaya air mineral ini dapat di lihat di pasaran dengan *standard* yang begitu baik. Ini, *packingnya* pun *very simple packing*. Kita tidak tahu mungkin dia simpan air biasa sahaja dan tutup, habis. Tidak ada pemantauan. Kalau ini berlaku, kalau sudah ada yang mati baru kementerian membuat pemantauan, apa langkah pihak kementerian? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa fasal *packing label* itu tidak masuk dalam kementerian saya [*Ketawa*] tetapi yang menjaga punca air itu memang kementerian saya. Tetapi saya berpendapat bahawasanya banyak juga air tersebut kadang-kadang datangnya daripada air paip biasa sahaja tetapi ia mungkin dilabelkan sebagai air mineral dan semula jadi. Saya pun berharap pihak kementerian berkenaan yang menjaga fasal botol-botol air ini mengambil tindakan. Bagi pihak kami Jabatan Mineral dan Geosains, kami sentiasa memantau punca air tersebut bukannya yang telah dibotolkan, yang telah dibotolkan itu bukan dalam bidang kuasa kementerian kami. Sekian, terima kasih.

11. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berkaitan aduan orang ramai bahawa IWK tidak membekal apa-apa perkhidmatan langsung tetapi mengutip bayaran perkhidmatan kumbahan.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pembedungan turut merupakan suatu perkhidmatan asas yang diperlukan sama seperti perkhidmatan bekalan air dan tenaga. Perkhidmatan yang diberikan oleh IWK sehingga Jun 2004 adalah menyelenggara sejumlah 13,600 kilometer rangkaian paip pembedungan supaya tidak tersumbat dan kumbahan dapat mengalir dengan baik, mengendalikan lebih 7,700 buah loji rawatan kumbahan dan membersihkan tangki septik *individual* serta merawat enap cemar dari tangki tersebut.

Memandangkan rangkaian paip pembedungan berada di bawah tanah dan loji rawatan kumbahan pula terletak di pinggir kawasan perumahan, maka segala perkhidmatan pembedungan yang diberikan oleh IWK tidak dapat dilihat secara terus oleh orang ramai seperti perkhidmatan bekalan air dan tenaga. Oleh kerana inilah ramai yang merasakan bahawa IWK tidak memberi apa-apa perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, kementerian telah menetapkan bahawa caj akan hanya dikenakan oleh IWK kepada pelanggan setelah perkhidmatan diberikan, dengan izin, *no service no charge*.

Di samping itu kementerian sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan IWK supaya ianya dapat ditingkatkan. Untuk itu, satu indeks prestasi telah dibentuk oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan yang dijadikan asas bagi mengukur perkhidmatan termasuk semua aduan yang diterima oleh IWK. Indeks pengukuran yang digunakan adalah bersimbolkan *quality affluent*, aduan dan perkhidmatan pemaju serta komunikasi dan pendidikan.

Kementerian juga sedang bekerjasama dengan IWK supaya penerangan berkaitan perkhidmatan daripada IWK dapat ditingkatkan supaya masyarakat lebih memahami perkhidmatan yang disediakan oleh IWK. Saya sendiri pun sudah bercadang kepada IWK, saya ingat lebih baik tukar namanya, *brand* ini sudah kotor. *[Ketawa]* Orang tidak ada berkepercayaan lagi. *[Disampuk]* Ada? Kalau ada baguslah, bayarlah caj. Saya pun sudah bercadang tetapi kita masih....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apakah nama barunya?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nama baru yang dicadangkan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak tahulah. Saya minta dia carilah. *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat ada nama baru saya boleh terimalah. Tetapi IWK ini saya ingat orang sudah tidak terima untuk memakainya lagi. Saya berharap pada suatu masa akan datang perkhidmatan ini akan dipertingkatkan. Saya sendiri meminta kalau boleh adakan nama baru lebih baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sungguhpun kita kurang percaya kepada IWK tetapi kita mempunyai kepercayaan penuh terhadap Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]*

Soalan tambahan saya ialah oleh kerana kadar yang berbeza telah dikenakan kepada kedai-kedai di kawasan yang berlainan, jadi, pengguna-pengguna merasa tidak puas hati. Mereka hendak tahu apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan sesuatu kadar itu.

Yang kedua, kebelakangan ini ada sebilangan pengguna telah diheret ke mahkamah kerana tidak membayar bil IWK. Mereka tidak membayar kerana pada masa itu satu cadangan telah dikemukakan kepada IWK untuk menimbang semula kadar yang dikenakan, yang dianggap terlalu tinggi sehingga sekarang pun RM26 bagi sebuah kedai biasanya setiap tahun. Mereka merasakan ia terlalu tinggi, sebab itu mereka berfikir bahawa oleh kerana cadangan kadar itu sedang ditimbang oleh kementerian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: dan mereka pun tidak bayar. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang semula untuk membatalkan saman-saman yang telah dikeluarkan kepada pengguna-pengguna ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, caj kepada kedai komersial telah diubah pada dua tiga bulan yang lalu. Caj yang dikenakan adalah berlainan di antara satu kedai dengan kedai yang lain dan tidak sama atas kegunaan oleh kedai-kedai itu. Saya sudah cuba mengurangkan bagi caj di kedai-kedai komersial tetapi ramai yang tidak mahu membayar. Saya katakan tadi bahawa dasar

kementerian ialah tidak ada perkhidmatan tidak ada caj, tetapi kalau ada perkhidmatan, tolong bayarlah. Tolong bayar! Kalau semua orang tidak bayar, susah. Nanti kumbahan ini siapa yang bawa? Siapa yang bawa, hah? *[Ketawa]*

Ini bukan senang. Ini kerana ada orang, dalam bahasa Inggerisnya, ramai orang yang ingat 'call of nature' ini mestilah percuma punya, manalah ada. "Call of nature" memang percumalah tetapi selepas "call of nature" itu kenalah rawat. Kutipan dan rawatan dikenakan kos yang mana kumbahan ini tidak akan mengotorkan atau mencemarkan alam sekitar khususnya sungai-sungai yang ada dalam negara. Akhirnya apa yang masuk ke dalam sungai kita kena makan balik pada satu hari nanti. Kalau semuanya ini masuk ke sungai tanpa rawatan, susah Yang Berhormat. Betul! Susah juga, inilah yang dikenakan kos, kalau ada kos kena bayarlah.

Umpamanya, orang yang berhutang kepada IWK sebanyak RM40 juta, kita makan tiga fees, RM20 juta untuk kutip RM40 juta, kalau macam ini IWK matilah.

Seorang Ahli: *Bankrap.*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *[Ketawa] Bankrap.* Yang Berhormat, saya tahu sangat popular kalau 50 ribu orang yang kena saman dibebaskan. Ini senang cakap tetapi susah hendak dibuat. So, saya harap Yang Berhormat....

Tuan Teng Boon Soon: Fasal ada kekeliruan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Hah?

Tuan Teng Boon Soon: Mereka fikir oleh kerana kadar itu berubah dari masa ke semasa, dia orang fikir sedang ditimbangkan mungkin kena bayar ...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya tidak umumkan bahawa caj akan berubah. *You* tunggulah tetapi bayar dahulu. Boleh tunggu, tetapi bayar dahululah. Janganlah tunggu sehingga tidak mahu bayar. Ini tidak boleh, Yang Berhormat. Mestilah ada banyak caj yang akan dikaji dari masa ke semasa. Kita patut *review* caj-caj ini dari masa ke semasa tetapi jangan lupa *review* tidak semestinya caj akan turun. *Review* adalah dikaji semula – kena naik juga, nanti kena bayar lebih! So, bayar yang sekarang ini dahulu, kemudian belakang cakaplah. Bayar dahulu belakang cakap. Jangan tunggu sehingga surat saman datang baharu pergi membayar caj itu.

Saya tahu IWK ini kena jelas – kena ada promosi yang lebih. Ramai orang ingat tidak nampak

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, kenapa bangun? Duduklah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kenapa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tanya, apa fasal dia bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya pun tidak tahu apa fasal dia bangun. *[Dewan riuh]* Dia bangun jadi saya jelaskanlah. Tidak tahu pun jelaskan sahajalah. Jadi, saya gunakan ini untuk menjelaskan dan harap mendapat kerjasama dan pertolongan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mana kalau ada caj dikeluarkan tolonglah minta pengundi-pengundi bayar. Saya tahu sangat popular kalau caj ini dilepaskan. Saya tahu, popular. Kalau *you* mahu menjadi popular IWK akan menjadi *bankrap*. *[Ketawa]*

So, caj ini mesti tetapi saya jamin kalau tidak ada perkhidmatan kita, kita tidak akan mengenakan caj – *no service no charge*. Ada *service*, caj tetapi caj yang rendah bukan banyak atau tinggi. Caj untuk rumah-rumah sekarang bukannya banyak cuma RM2, kurang dari satu paket rokok.

So, saya tahu ramai tidak hisap rokok, bukan contoh yang baiklah. Saya harap Yang Berhormat boleh tolong bekerjasama, tolong kementerian saya untuk jalankan apa-apa perkhidmatan yang telah dijalankan oleh IWK. Berapa ini? Loji rawatan RM7,700, banyak dia punya peralatan pun sudah hilang, orang sudah curi dan alat ini bila mahu rawat kumbahan itu, dia menggunakan elektrik dan TNB kena caj dia, kalau tidak tahu, kena potong elektriknya. Potong elektrik, baunya sangat tinggi.

Baru-baru ini saya melihat di surat khabar, di suatu tempat, seorang Singh, dia menyatakan bau banyak sehingga dia tidak boleh tahan, dia tutup dia punya *window*. Saya pergi periksa, loji rawatan itu bukan IWK punya, ini orang persendirian punya, *condominium*, sendiri punya, pengurusan *condominium* tidak merawat, dia menyalahkan IWK pula. Ini tidak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak salahkan Menteri jugalah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ha! Termasuk salahkan Menteri. *[Ketawa]* Menteri bukan orang kotor, orang baik. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Menjaga masalah kotoran sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, apa hendak sebut? Boleh sebutlah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, nanti Yang Berhormat Menteri tolong jawablah, berulang kali jawapannya. Saya ingin bertanya soalan tambahan. Sebelum itu Yang Berhormat Menteri ada minta cadangan IWK nama baru, mungkin di sini ada cadanganlah, 'indahkan *water* kotor'. *[Ketawa]*

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kata, *no service, no charge*. Jadi, kita nampak banyak kawasan bila bangunan sudah siap, CF sudah dikeluarkan tetapi penghuni, orang tidak masuk bangunan lagi dan masalah-masalah lain, mungkin masalah telekom, elektrik dan sebagainya. Tidak masuk lagi, setahun tidak masuk, tetapi caj telah dikenakan. Mana ada *no service, no charge!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan-soalan.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua, soalannya ialah bagaimanakah pihak kementerian dapat memberi kepastian bahawa *no service, no charge?* Itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih, Yang Berhormat. Patutlah saya cakap, *no service, no charge*, kalau ada perumahan baru, CF diberikan, orang belum masuk dan IWK, dia caj juga. You bagi saya tahu. Orang belum masuk, tidak ada orang pergi '*pangsai*' apa dia mahu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu '*pangsai*', Yang Berhormat? *[Ketawa]* Apa itu *pangsai*?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You tanya dia, apa itu '*pangsai*'? Semua orang tahulah apa itu. *[Ketawa]* Tidak ada orang pergi *toilet*, tandaslah, '*pangsai*'. Apa ia caj? Betul. Yang Berhormat, kalau ada kes sebegini beritahu saya, saya akan minta IWK tarik balik dia punya caj.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup untuk soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

11.04 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. Sebenarnya semalam saya ada periksa *internet* mengenai Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan saya dapati bahawa antara lain hari ini adalah risalah-risalah yang dibawa ke dalam mesyuarat ini, 13 Laporan Ketua Audit Negara bagi akaun tiap-tiap negeri selain daripada lima laporan yang dibentangkan. Sebenarnya ini pun, saya ada Aturan Urusan Mesyuarat di pejabat saya di tingkat 14, Pejabat Ketua Pembangkang tetapi bila saya turun saya tengok bahawa Pemberitahu ini sudah dikeluarkan dan semua laporan yang saya dapati bahawa sebenarnya ada bentang dalam Dewan yang mulia ini, pagi ini semua diundur, dikeluarkan balik dan saya tengok di luar semua laporan ini dikeluarkan. Apa yang berlaku? Melanggari Peraturan Mesyuarat, Parlimen *independence*, utuh, tidak boleh menjadi *play thing* mengenai sama ada Barisan Nasional kerajaan atau pembangkang, tidak tahu bahawa baru-baru ini ada laporan mengenai kerajaan negeri sudah menjadi muflis, Johor, Kedah dan lain-lain dan sama ada....

Oleh kerana itu takut bentangkan Laporan Ketua Audit Negara 2003 untuk semua negeri, tetapi apa yang mustahak ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: ini sudah di dalam notis, ada di *internet*, dan ini satu bukti bagaimana boleh di'*arbitrary*' ditukar semacam ini. Bolehkah satu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *direstored*, bahawa ini *direstored* dan semua laporan dibentangkan semula mengikut yang dijadualkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, saya memang bersetujulah risalah itu memang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat sebagaimana yang Setiausaha Parlimen menjalankan tugas mengikut Peraturan Mesyuarat 20, akan tetapi ditarik balik. Mungkin Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh memberikan penjelasan. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Dewan, iaitu laporan itu ditarik balik, disabitkan oleh kerana setiap laporan yang hendak dibentangkan di dalam Dewan Rakyat mestilah diluluskan oleh Jemaah Menteri terlebih dahulu. Jemaah Menteri akan bersidang pada hari Rabu

yang akan datang dan di dalam agendanya itu baru ada kelulusan laporan ini. Insya-Allah sebaik sahaja diluluskan oleh Jemaah Menteri, ia akan dibentangkan. Ini pun kerana seperti desakan Yang Berhormat juga supaya kita ikut prosedur. Ya, jadi itu penjelasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, laporan daripada tiap-tiap negeri yang diperlukan mengikut undang-undang perlu diluluskan oleh Kabinet. Adakah kuasa Kabinet untuk pinda laporan-laporan Ketua Audit Negara?

Yang kedua, kenapa ambil masa yang begitu panjang? Oleh kerana ada laporan-laporan yang disiapkan oleh Ketua Audit Negara mengikut laporan-laporan itu, saya ada masa di luar, saya ada semak dengan cepat, dalam bulan Ogos, Melaka -13 Ogos sudah siap, dia *sign*, ditandatangani oleh Ketua Audit Negara, sudah tiga, empat bulan.

Kalau begitu, Kabinet tidak cekap, tidak memberi satu teladan yang baik dan bukankah ini perlu satu kajian yang mendalam supaya satu teladan yang ditunjuk oleh Kabinet, efisien, *first class, first world* Kabinet dan bukan *third world* Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Saya fahamlah, Yang Berhormat tidak faham kerana DAP tidak pernah jadi kerajaan, jadi, sebab itu dia tidak tahu tentang apa yang berlaku dalam Jemaah Menteri. Pertamanya saya hendak maklumkan iaitu bahawa Kabinet tidak boleh meminda laporan yang telah pun disediakan. Itu pertama.

Keduanya, *by convention*, memang selalunya mesti dibawa ke Jemaah Menteri dahulu, baru boleh dibentang ke Dewan Rakyat, itu merupakan *convention*. Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat bangkitkan, Yang Berhormat tidak faham, saya tidak marah walaupun dia menjerit tadi sebab saya tahu dia tidak faham.

Kemudian, yang kedua, Yang Berhormat sebut, kita kumpulkan semua dahulu, kita kumpulkan semua dahulu kemudiannya dibentang sekali, sebab itu ada bulan Ogos, bulan macam-macam. Ini dilakukan pada tiap-tiap tahun. Sebenarnya kalau perkara ini tidak berlaku, Yang Berhormat pun tidak tahu iaitu bahawa laporan terlambat sampai ke Jemaah Menteri ataupun tidak, tetapi kita kena ikut prosedur. Jadi, prosedur ini mengatakan *by convention* mesti diluluskan oleh Jemaah Menteri sebagai memorandum, kemudian baru boleh dibentang di dalam Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* yang lain. *Point of order* yang lain ialah mengenai Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) saya mahu meminta satu *ruling*, oleh kerana pada 30 November semasa menjawab.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26.....

Tuan Lim Kit Siang: 36(1)(p)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26(1).....

Tuan Lim Kit Siang: Oh! 26.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 1?

Tuan Lim Kit Siang: 1(p)! *'P' for Poland*. Oleh kerana pada 30 hari bulan November apabila menggulung perbahasan Kementerian Belia dan Sukan, Setiausaha Parlimen ada memberi jaminan bahawa pada hujung minggu lalu akan memberi maklumat, butiran mengenai semua yang mendapat (*recipient*) - sama ada melalui pinjaman atau melalui geran, *Sports Trust Fund*, yang kalau tidak silap RM30 juta, tetapi sampai sekarang saya belum terima apa-apa, iaitu satu jaminan yang dibuat dalam Parlimen, kita perlu satu sikap yang serius di mana semua jaminan yang dibuat dalam Parlimen, sama ada oleh Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen akan ditunaikan, bukan kata, akan diambil tindakan, akan jamin, tetapi semua tidak diendahkan. Ini *breach of privilege*, sebenarnya ini *breach of privilege* dan saya minta satu nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, di bawah 26(1)(p) sama ada elok satu usul dikemukakan terhadap beliau bahawa rujuk beliau kepada *Committee of Privileges* atau mahu satu usul dengan notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), Yang Berhormat memang boleh membuat cadangan itu tetapi pada masa kejadian itu berlaku. Jadi pada masa itu, Yang Berhormat tidak mengemukakan perkara ini, jadi saya tolaklah usul di bawah 26(1)(p)

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang: ...bahawa perjanjian di buat pada 30 November 2004 bahawa butir-butir akan diberi selewat-lewatnya hujung minggu lalu. Hari ini hari yang pertama, *this is the first opportunity...*

Tuan Lim Hock Seng: *Point of order*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: cukup, Yang Berhormat cukup. Saya fikir itu tidak perlu, tetapi apa yang diminta dijanjikan mungkin Yang Berhormat boleh bekalkan. Tidak perlulah rujuk kepada Jawatankuasa. Cukuplah

Tuan Lim Kit Siang: Itu yang akan ditunaikan kalau tidak saya akan mengemukakan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik

Seorang Ahli: Setuju

Cik Fong Po Kuan: Peraturan mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat

Tuan Lim Hock Seng: 26 (1) (p), saya pun menghadapi masalah yang sama. Ada dua kementerian apabila menjawab perbahasan dalam dewan ini, berjanji akan memberi jawapan secara bertulis, tetapi sampai hari ini belum. Besok akhir persidangan. Tidak tahulah sampai bulan Mac mereka hendak memberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Lim Hock Seng: Jadi saya berharap Yang Berhormat Speaker boleh mengarahkan supaya perjanjian-perjanjian yang diberi dalam Dewan ini dipatuhi.

Seorang ahli: Sila duduk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta pihak kementerian berkenaan kalau sudah beri janji, saya minta menunaikan janji itu. Baik.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Bank-Bank Komersial Mengaut Keuntungan Berlipat Ganda
Dengan Mengenakan Caj Keterlaluan Kepada Pelanggan**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang

11.13 pg

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya ahli dari Bukit Bintang ingin memberi notis bagi mengemukakan usul di bawah 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi

meminta kebenaran menangguhkan majlis mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan seperti berikut.

Saya ahli dari Bukit Bintang bangun untuk memberi notis untuk mengemukakan Usul 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi meminta kebenaran menangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merunding perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan.

Perkara tertentu ialah berkaitan dengan bank-bank komersial di Malaysia yang mengenakan caj dan surcharge secara berlebihan dan keterlaluan ke atas para pelanggan dan orang ramai menjadikan mereka mengaut keuntungan berlipat gali ganda yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Contohnya MayBank telah mengenakan caj *subscription fees* bagi perkhidmatan *online banking* yang mana pengguna 'Maybank2u.com' sejak Jun 2000 dikenakan bayaran RM12 setahun. Caj RM0.50 bagi setiap pengeluaran di mesin ATM selepas pengeluaran keempat dalam sebulan dan sebagai caj-caj yang lain.

Ini berkenaan kepentingan orang ramai kerana pada setiap hari, para pelanggan dan orang ramai terpaksa membuat lebih bayaran kepada bank, sedangkan bank telah membuat keuntungan yang banyak. Misalnya tahun 2003 keuntungan sebelum cukai pihak bank komersial lebih RM6.9 bilion, tahun 2002 sebanyak RM6.4 bilion, tahun 2001 sebanyak RM2.5 bilion. Dengan keuntungan yang meningkat ini tidak sewajarnya bank-bank komersial Malaysia memeras wang rakyat menerusi khidmat yang disediakan. Ini perlu disediakan kerana walaupun rungutan dan keluhan orang ramai terhadap caj-caj yang berlebihan, yang keterlaluan ini dikenakan oleh bank-bank, namun Bank Negara Malaysia tidak menunjukkan keprihatinan untuk mengarahkan pihak bank menghentikan atau menarik balik caj-caj tersebut.

Pengerusi Persatuan Bank-bank Malaysia, Dr.Rozairi Mohd Ali berkata bahawa ABM tidak akan menasihatkan bank kerana ia adalah hak *prerogative* mereka. Oleh itu Bank Negara Malaysia harus diarahkan supaya semua bank komersial membatalkan semua caj tersebut sepenuhnya atau digantikan dengan caj lebih berpatutan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1)

daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Bukit Bintang pada 9 Disember 2004 lalu. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ali Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- i. Bahawa perkara itu tertentu;
- ii. Bagi kepentingan orang ramai; dan
- iii. Ia hendak disegerakan

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Isu mengenai caj dan surcaj yang keterlaluan oleh pihak bank telah mendapat perhatian pihak Bank Negara yang mana akan menetapkan garis panduan untuk menangani isu ini. Garis panduan tersebut akan diimplementasikan dalam masa terdekat. Dengan garis panduan ini institusi perbankan akan perlu menawarkan perkhidmatan perbankan asas bagi kos yang minimum dan berkuat kuasa pada 1 Februari 2005. Malahan Bank Negara pada 10 Disember 2004, lalu telah mengeluarkan pekeliling berhubung dengan *fee* dan caj ke atas produk dan perkhidmatan perbankan kepada institusi perbankan.

Oleh yang demikian saya menolak Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN BURUH SARAWAK (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[9 Disember 2004]**

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 113 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 113 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.21 pagi

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk menubuhkan Tabung Pembangunan Kemahiran untuk memperbadankan Tabung Pembangunan Kemahiran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengannya", dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pembangunan Kemahiran pada masa ini adalah satu Kumpulan Wang Amanah yang diluluskan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957. Tabung ini telah mula beroperasi sejak 2 Januari 2001. Tabung Pembangunan Kemahiran diwujudkan untuk memberi pinjaman kepada pelatih-pelatih yang mengikuti Program Latihan Kemahiran yang mengurniakan Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Dari tahun 2001 hingga 2004, kerajaan telah memperuntukkan RM619.5 juta bagi Tabung Pembangunan Kemahiran dan lebih daripada 100,000 pelatih telah menikmati pinjaman dari tabung ini.

Walau bagaimanapun, oleh kerana sambutan yang terlalu baik terhadap Tabung Pembangunan Kemahiran dan kekurangan peruntukan, permohonan baru terpaksa dibekukan mulai 10 Mac 2003 sehingga tunggakan permohonan 2002 dan tanggungan 2003 dapat dijelaskan terlebih dahulu. Oleh kerana ia beroperasi sebagai suatu kumpulan Wang Amanah yang bergantung kepada kerajaan untuk kesemua perbelanjaannya, Tabung Pembangunan Kemahiran telah menghadapi masalah memperoleh peruntukan tambahan untuk memenuhi permohonan pelatih.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah memutuskan supaya Tabung Pembangunan Kemahiran diperbadankan di bawah Akta tersendiri. Sebagai sebuah perbadanan, Tabung Pembangunan Kemahiran akan dapat meminjam wang tambahan dari agensi kewangan tertentu untuk membiayai pinjaman latihan jika kerajaan tidak dapat membekalkan dana yang mencukupi. Tabung yang akan diperbadankan ini akan menggantikan tabung yang diwujudkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mewujudkan Tabung Pembangunan Kemahiran yang baru, memperbadankan Tabung Pembangunan Kemahiran dan memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dengan wujudnya sebuah perbadanan maka dapatlah diatasi beberapa kepincangan yang telah disebutkan sebentar tadi. Bahagian I Rang Undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Bahagian ini juga mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan di dalam akta yang dicadangkan.

Bahagian II Rang Undang-undang memperuntukkan tentang penubuhan kumpulan wang yang dinamakan Tabung Pembangunan Kemahiran yang telah ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan yang akan ditubuhkan. Antara lain, kumpulan wang hendaklah terdiri daripada apa-apa wang yang diperuntukkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa, wang yang dipinjam oleh perbadanan, wang bayaran balik pinjaman latihan kemahiran, serta semua wang lain yang diterima secara sah oleh Perbadanan.

Bahagian II juga memperuntukkan apakah jenis perbelanjaan yang boleh ditanggungkan pada kumpulan wang. Antara perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan ialah pemberian pinjaman latihan kepada pelatih, perbelanjaan pentadbiran termasuk saraan dan faedah persaraan pegawai dan pekhidmat Perbadanan. Di samping itu, Bahagian II membolehkan penubuhan satu kumpulan wang rizab atau kumpulan wang Tabung Pembangunan Kemahiran yang hanya boleh digunakan untuk tujuan pendahuluan pinjaman latihan kemahiran dan untuk pelaburan dalam bon dan sekuriti kerajaan.

Bahagian III Rang Undang-undang mempunyai peruntukan bagi penubuhan Tabung Pembangunan Kemahiran yang bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan wang yang ditubuhkan. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa perbadanan

hendaklah mempunyai meterainya sendiri untuk memberi kuasa kepada Perbadanan dalam segala perkara. Bahagian III Rang Undang-undang juga memperkatakan fungsi utama perbadanan untuk mengenal pasti dan meluluskan program latihan kemahiran, memberikan pinjaman latihan kemahiran, memberikan perkhidmatan dalam mentadbir, mengawas dan memungut pembayaran balik pinjaman.

Selain daripada perkara-perkara yang telah disebutkan tadi, perbadanan diberi kuasa untuk melakukan semua perkara yang sesuai manfaat bagi menjalankan tugas-tugasnya. Perbadanan juga diberi kuasa melabur wang dalam kumpulan wang di dalam instrumen kewangan tertentu sahaja. Sebagai langkah kawalan, perbadanan dilarang mengeluarkan apa-apa surat pinjaman atau tanggung rugi tanpa kelulusan bertulis Menteri dan Menteri Kewangan. Perbadanan dikehendaki menyediakan akaun dan laporan tahunan untuk dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini memperuntukkan penubuhan sebuah Lembaga Pengarah yang dikehendaki menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi Perbadanan. Lembaga ini dianggotai oleh sembilan orang ahli yang terdiri dari wakil-wakil kerajaan dan sektor swasta. Pengerusi yang dicadangkan ialah Ketua Setiausaha bagi kementerian yang bertanggungjawab tentang sumber-sumber manusia tetapi Dewan ini telah menerima Usul untuk meminda perenggan berkaitan perkara ini dan ia akan dibahaskan di peringkat Jawatankuasa nanti.

Untuk membolehkan Perbadanan berfungsi, Bahagian V Rang Undang-undang ini memperuntukkan pelantikan Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif serta pegawai dan pekhidmat Perbadanan. Rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada perbadanan tersebut untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah kementerian sekarang membenarkan mana-mana penyedia latihan yang telah ditauliahkan oleh MLVK mengemukakan permohonan pinjaman bagi pelantikannya. Kelonggaran ini telah mengakibatkan wujudnya terlalu banyak penyedia latihan yang bergantung kepada Tabung Pembangunan Kemahiran sahaja sebagai sumber pendapatan mereka. Oleh yang demikian, mutu pembelajaran telah menjadi masalah apabila penyedia latihan menghadapi masalah kewangan.

Untuk mengatasi masalah ini, Bahagian IV Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya tiap-tiap penyedia latihan yang berminat memperoleh

kemudahan pinjaman latihan kemahiran bagi pelatih-pelatih, perlu juga berdaftar dengan perbadanan dan perbadanan mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan serta untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran jika didapati melanggar peraturan.

Sebagai salah satu syarat pendaftaran, semua penyedia latihan hendaklah ditauliahkan oleh MLVK terlebih dahulu dan menjalankan program latihan yang diluluskan oleh perbadanan sebelum dia boleh memohon sebelum didaftarkan.

Dengan kuasa yang diberi oleh rang undang-undang ini, perbadanan akan dapat mengawal penyedia latihan dan memastikan bahawa penyedia latihan yang berwibawa sahaja layak didaftarkan dengan perbadanan untuk memohon pinjaman bagi pelatih-pelatihnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terlalu banyak program latihan kemahiran layak diberi pinjaman latihan. Ini telah mengakibatkan penyedia latihan memilih program yang mudah dan murah dikendalikan tanpa mengambil kira sama ada bilangan pelatih yang mengambil sesuatu program itu melebihi permintaan di pasaran kerja atau tidak.

Sehubungan dengan itu, Bahagian VII Rang Undang-undang memberi kuasa kepada perbadanan untuk mengenal pasti dan meluluskan program latihan yang layak dibiayai pinjaman. Dengan peruntukan ini, Perbadanan akan dapat mempengaruhi perjalanan industri latihan kemahiran selaras dengan keperluan negara.

Bahagian VIII Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa semua permohonan pinjaman latihan hendaklah didaftarkan dengan Perbadanan berserta dokumen dan yuran yang akan ditentukan. Selain daripada itu, bahagian ini memperkatakan tatacara pengurusan pinjaman seperti keperluan menandatangani perjanjian pinjaman oleh pelatih dan Perbadanan, bayaran pinjaman dan kewajipan untuk menyelenggara rekod pinjaman oleh Perbadanan.

Berkenaan dengan bayaran balik pinjaman latihan kewangan, Bahagian IX Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa Perbadanan adalah bertanggungjawab bagi pemungutannya. Perbadanan hendaklah melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai ejen pungutan. Walau bagaimanapun, ejen lain daripada LHDN boleh juga dilantik sebagai ejen tambahan. Perbadanan akan memberi senarai peminjam yang patut membuat bayaran balik pinjaman kepada LHDN. Adalah menjadi kewajipan majikan kepada seseorang penerima pinjaman dan

kewajipan seseorang yang menggaji diri sendiri untuk memotong gaji penerima pinjaman bagi menjelaskan pinjaman latihan dan mengirim amaun yang dipotong kepada LHDN yang kemudiannya akan *remitkan* amaun berkenaan kepada Perbadanan.

Sehubungan dengan itu, Perbadanan hendaklah berusaha untuk memungut bayaran balik pinjaman supaya dana sentiasa ada untuk memberi pinjaman kepada pelatih baru. Mengikut pengalaman kementerian, amaun bayaran balik pinjaman meningkat apabila tempat bayaran balik ditambah seperti di pejabat Bank Simpanan Nasional yang telah pun dilantik sebagai ejen pemungutan.

Sebagai salah satu langkah untuk memantau pematuhan kepada syarat-syarat pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran, Perbadanan adalah diberi kuasa di bawah Bahagian X Rang Undang-undang untuk melantik inspektor memeriksa rekod-rekod pelatih di premis penyedia latihan dari masa ke semasa.

Bagi mengukuhkan pengurusan pinjaman latihan kemahiran, Bahagian XI Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa kepada Perbadanan untuk mengambil tindakan perundangan terhadap penyedia latihan yang melanggar syarat. Penalti denda atau penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan bagi beberapa kesalahan berkaitan dengan permohonan pendaftaran sebagai penyedia latihan, pendaftaran program latihan atau permohonan bagi pinjaman latihan kemahiran.

Dengan peruntukan ini, kementerian yakin bahawa insiden penyelewengan oleh penyedia latihan akan berkurangan dan kepentingan pelatih akan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XII Rang Undang-undang ini memperuntukkan pelbagai perkara seperti memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau penyedia latihan daripada semua atau mana-mana peruntukan rang undang-undang ini, memberi perlindungan daripada tindakan guaman kepada pekhidmat-pekhidmat Perbadanan bagi apa-apa perkara yang telah dilakukan dengan suci hati serta memberi kuasa kepada Perbadanan untuk membuat peraturan yang sesuai untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini juga di bawah Bahagian XIII mempunyai peruntukan peralihan dan kecualian supaya aktiviti-aktiviti latihan kemahiran oleh penyedia latihan sedia ada dapat diteruskan sambil memohon pendaftaran di bawah peruntukan rang undang-undang ini.

Di samping ini, rang undang-undang ini memperuntukkan supaya segala harta Kerajaan Malaysia dan segala hak atau liabiliti Kerajaan Malaysia berpindah kepada dan terletak hak kepada Perbadanan tanpa apa-apa pemindahannya, penyerahan dan pemindahan hak milik.

Akhirnya, jadual kepada subseksyen 16(5) Rang Undang-undang ini memperuntukkan prosedur-prosedur terhadap pelantikan ahli Lembaga, mesyuarat-Lembaga dan penzahiran kepentingan seseorang anggota Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Tabung Pembangunan Kemahiran, untuk memperbadankan Tabung Pembangunan Kemahiran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya. Saya percaya bahawa dengan Perbadanan dan Tabung Pembangunan Kemahiran yang akan ditubuhkan di bawah akta ini, peruntukan dana akan lebih mudah diperolehi dan anak-anak muda kita akan dapat pembiayaan untuk mengikuti latihan kemahiran dalam keadaan yang lebih terjamin. Di samping itu, penyedia latihan juga dapat dikawal dengan lebih baik supaya kepentingan pelatih dapat terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seorang penyokong?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Tabung Pembangunan Kemahiran untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.37 pagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 ini, saya ada beberapa pandangan saya dan pertanyaan supaya dapat penjelasan.

Yang pertamanya ialah berhubung dengan seperti mana yang telah disebut tadi iaitu jawatan pengerusi kepada Perbadanan ini iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia sebagai pengerusi. Ini adalah merupakan sedikit kelainan daripada perbadanan-perbadanan yang lain yang memberi kuasa kepada pengerusi dan melantik pengerusi itu ataupun jawatan pengerusi itu dipegang oleh individu yang asing daripada kementerian yang berkenaan sebab ini boleh membawa kesan-kesan tertentu sekiranya individu itu terasing, maka dia boleh memberi pandangan-pandangan lain dan tidak terikat dengan cita rasa daripada pihak kementerian ataupun daripada Kementerian Sumber Manusia ataupun kementerian yang berkenaan.

Jadi di sini saya seperti mana yang telah disebutkan oleh Menteri sebentar tadi bahawa ini telah menimbulkan sedikit sungutan. Saya bersetuju supaya ini diambil kira dan dibuat sedikit pindaan ke atas akta yang telah disebut sebentar tadi.

Perkara yang kedua yang saya ingin tarik perhatian ialah tentang pembayaran balik pinjaman iaitu Bahagian IX yang telah disebut sebab ini adalah merupakan punca-punca yang boleh membawa kepada masalah-masalah dari segi *cash flow*, dari segi masalah-masalah yang berkaitan dengan *non-performing loan* (NPL) dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan budaya pembayaran balik pinjaman yang boleh mengancam dan menimbulkan isu dan masalah yang besar kepada Perbadanan ini sebab saya lihat masalah ini adalah masalah yang ada kaitannya dengan isu sosial, *physiological*, moral dan juga kredibiliti peminjam itu.

Seperti mana yang telah dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini daripada peruntukan yang diberi kepada belia niaga, didapati terpaksa ditangguhkan kerana masalah-masalah pembayaran balik. Demikian juga baru-baru ini ada isu berhubung dengan pinjaman daripada JPA, daripada MLVK sendiri dan baru-baru ini ada isu-isu yang berkaitan dengan pungutan daripada PTPTN.

Jadi ini adalah merupakan satu isu yang harus diberi perhatian yang begitu serius supaya kita dapat mengikat peminjam-peminjam itu dan pastikan mereka dapat membayar balik. Di sini juga dicadangkan beberapa usaha-usaha untuk pungutan balik pinjaman-pinjaman itu dan ada beberapa isu yang hendak saya bangkitkan di sini, bagaimanakah peminjam-peminjam yang mempunyai pekerjaannya sendiri ataupun disebut sebagai *self employ*, ini kadang-kadang sukar untuk kita kesan hendak dikesan melalui LHDN tidak dapat dikesan, hendak dikesan melalui EPF pun tidak dapat, melalui PERKESO pun demikian juga, sebab dia tidak ada majikan-majikan

untuk membekalkan maklumat-maklumat pada kita, lebih-lebih lagi dalam dunia sekarang ini orang boleh bekerja sendiri, orang boleh bekerja di rumah, beroperasi dengan menggunakan kemudahan-kemudahan *net working, internet* sebab sekarang ini manusia zaman sekarang ini adalah manusia yang *smart, smart desing, net desing*, mereka boleh menggunakan kaedah-kaedah yang baru untuk bekerja.

Jadi, ini adalah merupakan satu perkara yang boleh menimbulkan masalah untuk kita mencari mereka . Oleh hal yang demikian, perlu saya rasa difikirkan apakah strategik-strategik carian supaya kita dapat mengesan di manakah mereka berada supaya wang kerajaan yang diberikan kepada mereka itu dapat dipungut balik, jadi ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang besar dan di sini juga saya ingin mencadangkan supaya tanggungjawab membayar ini bukan sahaja dibebankan kepada peminjam itu tetapi kepada majikannya juga.

Selama ini dilihat tanggungjawab untuk membayar balik itu kepada peminjam itu tetapi bila dia sudah bekerja saya cadangkan di sini supaya majikannya melaporkan dan ini adalah merupakan satu tanggungjawab sosial kepada majikan itu untuk melaporkan dengan segera dan pantas kepada agensi yang memberi pinjaman supaya dapat dikesan mereka supaya pulangan balik dapat dibuat dengan kadar yang segera.

Saya kira itu beberapa pandangan saya berhubung dengan usaha undang-undang baru ini, Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

11.44 pagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan rang undang-undang ini. Terutamanya saya ingin tahu apakah model yang diambil oleh kementerian bagi menjalankan program ini di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran ini, sebab setahu saya Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melawat Jerman dan pernah melihat cara pelaksanaan semacam program ini bagi membantu melatih semula graduan-graduan dan pekerja-pekerja bagi membolehkan mereka mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Jadi, saya ingin tahu apakah model yang diambil oleh kementerian di dalam aspek ini.

Perkara kedua, ialah berkenaan sebelum ini kita sering membaca di dalam surat khabar di mana program-program yang dijalankan di bawah Majlis Latihan

Vokasional Kebangsaan ini terdapat penyelia-penyelia latihan ini yang tidak bertanggungjawab dan menyebabkan bukan sahaja yuran yang dikenakan teramat tinggi tetapi menjalankan program - dikatakan akan menjalankan program tetapi program itu tidak dijalankan selepas menerima pinjaman daripada tabung ini.

Jadi, apakah mekanisme yang sedia ada oleh kementerian. Saya ada baca bawah rang undang-undang ini bahawa akan perbadanan ini boleh membatalkan mana-mana penyelia pada bila-bila masa jika tidak mematuhi syarat-syarat. Tetapi masalah yang kita sering kali sekarang lihat kita membuat perbandingan dengan kolej-kolej dan institusi swasta yang sedia ada. Walaupun, 'Kementerian Pengajian Tinggi sering kata akan mengawal, akan memeriksa tetapi kita boleh lihat institusi dan kolej tidak bertanggungjawab ini menggunakan taktik tipu helah terhadap para pelajar.

Apakah kementerian mempunyai mekanisme yang memastikan perkara ini tidak berlaku selepas tabung ini diperbadankan. Kita boleh ambil contoh daripada Kementerian Pengajian Tinggi dalam memantau masalah pertumbuhan kolej-kolej swasta yang tidak bertanggungjawab sehingga ada pelajar dari negara China juga tertipu dan memalukan atau menjatuhkan imej negara ini.

Selain itu saya hendak bangkitkan apakah program yang akan diperdekatkan, digalakkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan sebab saya pernah ketika saya melawat semacam ini program ini di Jerman, saya nampak mereka ada *gender balance* ada bidang kesenian di mana penekanan bagi membantu melatih semula pekerja-pekerja wanita persolekan, mendandan rambut yang begitu kemas sekali, saya nampak yang mereka jalankan dan dalam aspek tabung ini Perbadanan Tabung ini saya ingin tahu apakah kementerian akan menggalakkan akan ada satu *balance* dalam aspek ini. Melatih pekerja wanita dan juga pekerja lelaki, bagi menggalakkan penglibatan penyelia-penyelia latihan menyediakan program mempunyai *gender balance*. Sebab sering kali kita baca adalah yang menekankan terhadap latihan kemahiran menggunakan jentera berat dan jentera-jentera mesin. Saya ingin tahu apakah aspek ini akan ditekankan dan mendapatkan balik pinjaman, saya ada baca dalam rang undang-undang ini, tadi seorang Yang Berhormat juga membangkitkan kerisauan mengutip balik pinjaman ini.

Ada dalam rang undang-undang ini memperuntukkan memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi kita baca dalam surat khabar bukan sahaja PTPTN mengalami masalah mengutip balik bayaran pinjaman tetapi juga Lembaga

Hasil di mana terdapat lebih daripada RM50 bilion belum dikutip dan akan menjadi sasaran. Jadi ini bukannya akan menambah berat lagi tanggungjawab Lembaga Hasil. Sendiri punya cukai di bawah satu lembaga juga menghadapi satu masalah. Memang benar boleh kata akan seperti kata dalam rang undang-undang peruntukkan akan boleh memberi kuasa kepada ejen-ejen, lantik ejen-ejen untuk mengutip tetapi masalahnya kita boleh mengurangkan kos pengutipan.

Apakah mekanisme yang ada ada bawa kementerian? Kalau tolak kepada lembaga, lembaga sendiri mempunyai sasaran mereka juga, RM50 bilion. Jadi ini masalahnya, setahu saya juga yang saya lawat itu saya membuat perbandinganlah agar kita boleh pelajari yang baik daripada negara yang telah melaksanakan. Apakah kementerian ini ada menggalakkan majikan pihak swasta bagi menghantar pekerja mereka bagi dilatih semula dan pada masa yang sama membayar gaji kepada mereka dan bukannya tanggungjawab melatih pekerja ini ditolak keseluruhan kepada kerajaan sebab pada masa ini ialah tabung memberi lima ribu pinjaman setakat ini.

Bagaimana *responsibility* pihak majikan yang sedia ada, bagi mereka satu *awareness*, kesedaran bahawa kalau mereka hendak tingkatkan produktiviti, pekerja mereka juga haruslah digalakkan untuk dilatih semula kemahiran mereka. Apakah kementerian ada memberi penekanan dalam aspek ini melibatkan majikan bersama untuk melatih mereka dan di mana pihak majikan boleh membayar gaji pada masa yang sama. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja yang saya ingin bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang.

11.47 pagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun berjaya menggubal Akta ini dan akhirnya dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dan satu perkara yang menarik perhatian saya ialah akta ini telah pun ditulis 100 peratus dalam bahasa Malaysia. Ini menggambarkan bahawa kementerian prihatin dengan agenda bahasa Malaysia yang perlu dimartabatkan di Dewan yang mulia ini. Dengan penubuhan akta ini saya yakin juga telah menafikan tuduhan daripada pihak-pihak tertentu bahawa pihak kerajaan tidak fokus kepada masalah atau isu kemahiran yang telah menjadi topik penting di dalam masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya juga ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pertamanya kita sudah akan ada akta tetapi penting ialah penguatkuasaan. Satu perkara yang penting di dalam akta ini penguatkuasaan mesti menjadi perkara yang utama kerana kita tidak mahu ada syarikat-syarikat yang tertentu yang dilantik oleh pihak kerajaan untuk mengendalikan urusan latihan kemahiran tetapi mengambil keuntungan dengan sewenang-sewenangnya.

Syarikat-syarikat yang berkenaan mestilah juga mempunyai agenda sosial iaitu tanggungjawab untuk melatih seberapa ramai generasi muda khususnya untuk memiliki kemahiran yang paling sempurna mengikut peredaran masa. Oleh yang demikian, sekiranya syarikat-syarikat ini ada tanggungjawab sosial, saya yakin hasrat kerajaan yang murni khususnya di dalam konsep Persyarikatan Malaysia akan berjaya di mana tanggungjawab tersebut dikongsi bersama antara syarikat dan juga kerajaan.

Adalah menjadi tanggungjawab kementerian juga supaya diperluaskan kesedaran kemahiran di kalangan generasi muda. Dalam konteks ini saya juga mengesyorkan supaya kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran supaya generasi muda, pelajar-pelajar di peringkat sekolah lagi tahu hala tuju mereka sekiranya mereka minat untuk menjurus kepada kemahiran mereka telah pun diberi satu pendedahan bahawa ada kursus-kursus, ada latihan-latihan tertentu dalam bidang kemahiran yang boleh mereka masuki selepas mereka tamat bersekolah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya saya juga menerima fahaman bahawa Perbadanan Tabung ini akan memperoleh peruntukan daripada beberapa sumber tetapi saya lebih bimbang sekiranya sesuatu pelaburan yang akan dibuat oleh tabung ini nanti lari dari matlamat asal. Kita pernah menerima suatu pengalaman dahulu iaitu RISDA melabur di dalam pembelian pinggan mangkuk yang menyimpang daripada matlamat RISDA. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada kementerian supaya sentiasa memantau Perbadanan ini supaya tidak lari daripada matlamat asal walaupun dalam bentuk pelaburan.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi bahawa ada jawatan-jawatan tertentu yang dikhususkan kepada seseorang. Saya telah pun mengemukakan suatu notis di mana jawatan Pengerusi boleh dilantik di kalangan pihak lain dan saya berpendapat bahawa perlu ada *flexibility*, dengan izin, di dalam jawatan-jawatan tersebut kerana saya yakin ramai lagi di kalangan rakyat

Malaysia yang mampu untuk memegang jawatan-jawatan tertentu dan kita juga menerima maklum dan menerima kefahaman bahawa di peringkat awal, di peringkat bertatih, Tuan Yang di-Pertua, bertatih, bahasa Johor....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa itu Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Bahasa Johor, bertatih.

Seorang Ahli: Baru hendak belajar berjalan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Baru hendak belajar jalan, *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri juga boleh mengesyorkan sesiapa yang difikirkan layak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kesimpulan saya ialah, walau apa pun akta yang kita ada, tetapi sekiranya pemantauan tidak dibuat secara rapi, akta akan tinggal akta, perbadanan yang kita wujudkan nanti, yang mempunyai wawasan yang jelas akan gagal sekiranya tidak diambil perhatian dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

11.54 pagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar setiap langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah semata-mata untuk melihat kesejahteraan rakyat di dalam mengejar impian kemajuan dan pembangunan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang membentangkan rang undang-undang ini, sudah banyak kali, jarang kita jumpa Menteri macam ini tetapi kalau bersentuh bahu, tegur-tegurlah kawan-kawan supaya kita lebih eratkan lagi silaturahim. Mungkin Yang Berhormat jarang datang sebab itu tidak kenal, tidak kenal maka tidak cinta.

Pada tahun 2003 hingga akhir tahun ini iaitu bulan yang lalu, jumlah kerugian pengusaha pusat bertauliah (PB) yang keseluruhannya adalah usahawan Melayu bumiputera dengan jumlah *business turn over*, dengan izin, tidak kurang RM1.9 bilion. Ini berpunca daripada pembekuan Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) sejak 10 Mac 2003 di samping dasar pengurusan pengagihan dan pembayaran yang tidak konsisten dan tidak telus.

Tuan Yang di-Pertua, kerugian mencakupi modal penubuhan pendapatan tahunan, emolumen, kos prasarana dan perbelanjaan harian pelajar. Setiap PB terpaksa membelanjakan sekurang-kurangnya RM300 ribu hingga RM500 ribu. Ada pusat bertauliah yang melabur sehingga RM3 juta. Dengan jumlah anggaran 800 PB bumiputera dengan sejumlah RM400 juta yang dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Pada dua tahun yang lalu iaitu pada tahun 2002, PB bumiputera yang telah melatih sekitar 52,000 pelajar dengan belanja sekitar RM250 juta setahun. Sejak tabung ini ataupun TPK dibekukan selama hampir dua tahun, kerugian mencecah sekurang-kurangnya RM500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, justeru sesuai dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, suka saya mencadangkan agar langkah-langkah berikut diambil:

- (i) Menteri Sumber Manusia perlulah prihatin kepada PB bumiputera;
- (ii) mohon jika boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan dana khas seberapa segera secara *One-Off* sebanyak RM150 juta untuk 100 PB bumiputera yang sedang sakit tenat;
- (iii) kalau sesuai, kerajaan wajar sediakan dana khas latihan kemahiran bumiputera sahaja di masa terdekat ini. Kalau sesuai juga, Pengerusi dan Lembaga Pengarah Tabung perlulah melihat ada keseimbangan keadilan di dalam pelantikan sebagaimana yang dilakukan di dalam PERKESO dan juga badan-badan profesional yang lain;
- (iv) agihan pinjaman tabung ini hendaklah adil walaupun PB bumiputera adalah banyak iaitu kira-kira 23 ribu orang mengikut perangkaan berbanding dengan kaum bukan bumiputera iaitu kaum Cina iaitu hanya seramai 1,300 sahaja tetapi bidang yang dilibatkan oleh PB Melayu adalah merupakan kursus-kursus yang paling mudah seperti komputer, *business and financing*, dengan izin, *tourism and travel*, hotel dan ICT Multimedia. Berbanding dengan PB bukan bumiputera meliputi bidang-bidang yang agak sukar dengan perbelanjaan yang begitu tinggi

seperti dengan izin, *mechanical, welding, fabrication, plastic industry* dan *electrical*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, hendak tanya? Ini bukan pasal ubat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan? Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Dalam negara ini, ada dua bidang besar di mana rakyat boleh berpeluang mencari nafkah. Satu bekerja dengan kerajaan, satu lagi bekerja dengan swasta. Bidang yang bekerja dengan kerajaan terhad, tetapi di bidang swasta begitu luas.

Soal keadilan, soal keadilan. Saya tidak tahu sama ada Menteri Sumber Manusia dan kementerian sedar atau tidak sedar bahawa pekerja-pekerja Melayu selalunya tidak diberi keadilan yang secukupnya. Ini bukan menjadi perkara yang tidak diketahui, soal naik pangkat, soal gaji yang lebih rendah, dalam kerja yang sama, dalam skill yang sama tetapi kerana dia Melayu maka dia tidak dilayan seperti orang lain yang mempunyai kemahiran yang sama, masa bekerja yang sama, ini jadi keluhan. Mereka hendak bertindak, takut dibuang kerja, mereka hendak bersuara takut ada diskriminasi yang menyebabkan mereka akan kehilangan dan sebagainya. Ini dirasai, jadi tidak tahulah macam mana Larut, adakah memahami atau tidak hasrat saya dan tujuan saya ini? Dan bolehlah agaknya menteri menjawab, ini bukan menjadi rahsia umum lagi. Tetapi keadilan, keadilan kepada semua pekerja tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Biarlah kita sebagai *Malaysian* yang melayan semua pekerja secara adil, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Sri Gading, macam Sri Gading, bercakap di sebelah pagi tadi dalam soal jawab. Inilah yang saya hendak bangkitkan kita tidak mahu 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan' kerana telah menjadi dasar kita, sebab itulah kita ketengahkan perkara ini supaya kita dalam Kerajaan Barisan Nasional melihat dengan lebih dekat dan dengan lebih telus supaya tidak ada dipesongkan oleh mungkin pekerja-pekerja kita dan yang tidak dapat meluahkan perasaan dan kemusykilan kita. Dan juga dipergunakan pula

untuk tujuan politik oleh parti-parti pembangkang, maka sebab itu ada baiknya kita terutamanya daripada dalam melihat ketelusan kerajaan dalam mengatasi masalah ini daripada pembangkang menanggung di air yang keruh. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sri Gading tadi dan sebab itulah kita mahu ada keadilan yang telah menjadi dasar, bukan sengaja dituntut pada masa ini. Ini adalah merupakan satu sejarah di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan perkara ini amat serius dan perlu diperbetulkan kalau ia adalah satu langkah yang tidak dapat dielakkan demi masa hadapan pekerja-pekerja dan rakyat Malaysia yang mahukan kemahiran sebagaimana sahabat saya di Parlimen Taiping.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beliau juga menghadapi masalah dengan kemusykilan, masalah-masalah persekitaran yang sering kali dihadapi kepada beliau sebagai seorang wakil rakyat di kawasan yang pertama kali beliau wakili dan menangi iaitu Parlimen Taiping. Jadi di sinilah kita berharap Yang Berhormat Menteri yang sudah tentu tidak boleh mengangkat segala masalah ini berseorangan, memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak terutama kami yang dalam Kerajaan Barisan Nasional ini untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini bagi meneruskan segala dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Oleh sebab itu, saya sekali lagi berharap Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai yang lain, Alhamdulillah, ada seorang Timbalan Menteri yang begitu dedikasi seorang *giant killer* yang mati hidup semula, saya kata ini bukan kerana beliau telah menewaskan presiden PAS yang dahulu merupakan Ketua Pembangkang di dalam Dewan Rakyat ini, ya saya tahu, sebab itu saya hendak mengingatkan. Ini amat penting kadang-kadang kita terlupa pada sejarah dan kita berharap adanya sokongan Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri masalah ini dapat segera diatasi.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kemaman.

12.02 tgh

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih diucapkan dan yang juga kepada Berhormat Menteri yang telah mengemukakan satu akta baru yang dirasakan amat penting di saat negara kita berada di persimpangan dalam menghadapi cabaran globalisasi yang memerlukan ramai tenaga mahir yang perlu dilatih dan perlu disusun dalam bentuk organisasi institusi-institusi pendidikan yang melahirkan tenaga-tenaga mahir yang berkenaan.

Saya sekadar ingin mengukuhkan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Larut sebentar tadi bahawa apabila sahaja disebutkan program MLVK terutama sekali selepas pilihan raya 1999 telah memberi harapan baru kepada banyak anak-anak muda dalam negara ini bahawa tidak ada seorang pun dalam negara kita yang ingin belajar tetapi tidak boleh belajar semata-mata kerana kekurangan kewangan. Maka program itu telah memberikan nafas baru di mana telah dicanangkan di seluruh peringkat tanah air kita, belajarlah dan tuntutlah ilmu dan tuntutlah kemahiran dalam apa bentuk sekali pun yang mereka mahu dari segi komputer, dari segi kemahiran yang berkaitan dengan teknikal-teknikal yang tidak pernah disebutkan selama ini dan mereka boleh belajar dan banyak pusat-pusat latihan bertauliah dan sebagainya disediakan dan bantuan sebanyak RM5,000 bagi satu tempoh yang tertentu akan dibayar, tetapi dalam masa yang sama program ini telah memberi harapan banyak operator ataupun pusat-pusat latihan yang menganggap ini adalah merupakan satu peluang perniagaan mereka di samping memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada tenaga-tenaga pengajar.

Maka sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Larut sebentar tadi telah tumbuh di setiap negeri, di setiap kawasan dan setiap daerah tempat-tempat pusat latihan yang sebegini rupa tetapi akhirnya ia lebih indah khabar daripada rupa. Banyak yang gulung tikar hanya selepas setahun, dua tahun mereka menubuhkan pusat-pusat tersebut semata-mata kerana harapan yang telah diberikan oleh pihak kementerian yang pelajar yang belajar di tempat mereka akan ditampung dengan dana yang telah dinyatakan sebelum ini tidak sampai.

Kemudiannya ada yang dijanjikan tetapi tidak ada, ada yang dijanjikan 100 orang tiba-tiba akhirnya 20 orang sahaja pelajar yang dapat ataupun tidak ada ataupun dana yang sama dilihat, ataupun dipersepsikan dan dipindahkan kepada kolej-kolej lain yang boleh menimbulkan tanggapan-tanggapan terdapat pilih kasih daripada pihak

yang membuat keputusan tentang siapakah yang perlu mendapat bantuan ataupun daripada dana tersebut dan sebagainya.

Jadi suasana begini telah menimbulkan satu keadaan terdapat banyak program –program kerajaan yang bersifat apa yang disebutkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *superficial*, yang bersifat *superficial*. Kita ada program besar untuk bantu soal perumahan seperti SPN dan akhirnya yang dapat 120 sahaja daripada beribu yang memohon. Terdapat program besar MLVK sehinggakan beribu pusat latihan bertauliah, tiba-tiba akhirnya yang dapat hanya segelintir sahaja. Terdapat PTPTN yang dikatakan akan menjanjikan siapa yang hendak belajar setinggi mana tetapi akhirnya tidak semua yang mendapatnya.

Jadi perkara-perkara ini menyebabkan rakyat akhirnya akan merasakan kekecewaan yang berterusan sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi. Sebab itulah saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Larut di mana terdapat 100 operator di pusat-pusat latihan kemahiran terutama sekali yang dikaitkan dengan operator bumiputera yang berada dalam keadaan yang sangat tenat sekarang ini.

Apa jaminan yang boleh dikemukakan oleh pihak kementerian bahawa mereka ini mesti diselamatkan kerana jumlah yang disebutkan RM1.9 bilion ataupun RM500 juta sekurang-kurangnya yang disebutkan tadi bukan sedikit. Sudah tentu tabung ini kadang-kadang tidak dapat menampung wang sebanyak itu yang telah dikorbankan selepas kementerian telah memberi harapan kepada mereka. Apakah jaminan mereka ini mesti diselamatkan?. Bukan sekadar akan diselamatkan tetapi mereka ini mesti diselamatkan!

Saya menaruh harapan bahawa dengan akta tersebut memperbadankan tabung ini dapat memberi harapan bukan sahaja jangka pendek tetapi juga jangka panjang kepada mereka yang terlibat tadi. Saya minta supaya pihak kementerian dapat memberikan jaminan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

12.11 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama saya juga mahu memuji Yang Berhormat Menteri kerana sudah dua hari di sini bertanggungjawab untuk membentangkan Rang Undang-undang. Sungguhpun ini luar biasa dalam Dewan ini tetapi ia patut menjadi satu kelaziman di mana Menteri-Menteri yang bertanggungjawab ke atas setiap Rang Undang-undang dan perbahasan

patut ada di sini. Saya harap sekarang ia boleh menjadi satu contoh kepada Menteri-Menteri yang lain supaya apabila Menteri-Menteri ada di sini kita tidak perlu memuji mereka untuk menjalankan tugas mereka.

Rang Undang-undang ini untuk tabung pembangunan kemahiran sebenarnya ialah sekurang-kurangnya dua tiga tahun terlalu lewat. Kita sudah bercakap sangat lama mengenai betapa perlu dan pentingnya bahawa negara kita boleh menyahut cabaran globalisasi yang menukarkan daripada satu *production economy* kepada satu ekonomi yang berasaskan maklumat. Pada tahun 2002 kita ada *master plan, K-knowledge based economy master plan*. Berapa orang Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini adalah baca mengenai *K-economy master plan* ini? Saya terperanjat kalau ada!

Sebenarnya saya mahu tanya berapa orang ada tengok atau lihat *K-economy master plan* ini. Sebenarnya sudah lama kita mencadangkan betapa penting bahawa ada kemahiran khasnya *knowledge skills* kalau kita mahu berjaya untuk mahu menjadi satu *information economy*. Satu *knowledge-based economy*. Kita ada Multimedia Super Corridor, satu cadangan di mana supaya kita boleh buat satu - dengan izin - *quantum leap* menjadi satu *K-based economy* pada tahun 1996. Tetapi apa keadaannya sekarang?

Baru-baru ini ada satu majalah *Malaysia Week* dalam bahasa Mandarin yang berkata - dengan izin - [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] ialah bahawa cadangan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir mengenai Multimedia Super Corridor sekarang sudah menjadi *real estate corridor*. Multimedia Super Corridor sudah menjadi satu *real estate corridor!* Ini majalah antarabangsa dan ingatan ini dibuat kepada Hong Kong mengenai cadangan Hong Kong untuk mengadakan juga satu IT *centre*. Jadi mereka mahu belajar daripada kegagalan, kesilapan, kelemahan yang telah berlaku di Malaysia.

Ini mengenai apa yang kita bincangkan sekarang, mengapa dalam Dewan ini selalu timbul masalah *unemployed graduates* atau graduan yang menganggur. Sebenarnya masalahnya ialah bukan sahaja *unemployed graduates* tetapi *unemployable graduates* juga iaitu mereka yang tidak dapat pekerjaan. Kita bukan sahaja ada masalah *unemployed graduates* tetapi *unemployable graduates!* *Unemployable graduates* oleh kerana universiti-universiti dan sistem pendidikan kita sudah gagal! Dan kita dapat bahawa angka-angka terkini yang telah diberi oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 24 November bahawa berdasarkan data yang didapati daripada elektronik *level exchange* Kementerian Sumber Manusia bilangan graduan yang mendaftar dengan kementerian sehingga 11 Oktober 2004 adalah serama 9,755 orang. Daripada bilangan angka itu 90.9% adalah orang Melayu, 2.4% orang Cina, 3.1 orang India, 3.26 lain-lain dan apa yang kita perlu perhatian yang serius ialah mereka adalah daripada institusi-institusi pendidikan. Mereka daripada kolej, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 63.8% dan daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 2.4%. Bukankah ini satu *indictment* bahawa sistem pelajaran kita sudah gagal?

Untuk membuat persediaan supaya generasi muda boleh menghadapi cabaran terkini *world of globalization paradigm shift* daripada *production-based* kepada *knowledge-based economy*, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri pun selalu berkata bahawa masalah timbul oleh kerana mereka kurang *soft skills* iaitu *communication skills*, IT dan bahasa Inggeris khasnya Inggeris yang sangat penting sekarang. Di Negeri China pun menjadi demam untuk penduduk-penduduk di sana untuk belajar bahasa Inggeris.

Di Perancis baru-baru ini ada satu suruhanjaya pendidikan yang mencadangkan bahawa dalam sistem sekolah-sekolah menengah dan juga rendah, bahasa Inggeris patut menjadi satu mata pelajaran yang wajib, *compulsory language*. Kita tahu ini sangat mustahak kerana di France yang kita sendiri tahu satu negara yang begitu kuat untuk mempertahankan bahasa Perancis yang mereka anggapkan sebagai - dengan izin - *language of diplomacy* dan *language of civilization* juga. Perkataan *chauvinist* berasal daripada France oleh kerana seorang yang menunjukkan begitu mempertahankan bahasa mereka. Bukankah itu menunjukkan betapa penting bahasa Inggeris khasnya dalam ekonomi dunia?

Di negara kita, kita tahu bahawa perkara ini ada diberi tekanan bukan sekarang sahaja tetapi sepuluh tahun dahulu. Bekas Perdana Menteri juga ada menegaskan betapa penting bahasa Inggeris ini. Kenapa sampai sekarang kita masih menghadapi masalah ini? Walhal pada tahun 60'an kemahiran kefasihan rakyat Malaysia mengenai bahasa Inggeris adalah yang terbaik sekali di antara negara-negara di dunia.

Sekarang *unemployable graduates* satu sebab utama ialah oleh kerana mereka tidak fasih dalam bahasa Inggeris, tulis atau berucap. Masalahnya ialah kenapa sampai sekarang, masalah ini masih ada? Yang Berhormat Menteri sudah menjadi

Menteri Sumber Manusia berapa tahun? Lima tahun dan semenjak beliau menjadi Menteri Sumber Manusia, dia sudah cakap masalah ini, *unemployable graduates*.

Mereka tidak ada kemahiran yang sepatutnya ada, bahasa Inggeris dan IT. Lima tahun, empat tahun dan sebenarnya masalah ini bukan semenjak Yang Berhormat menjadi Menteri. Dahulu pun ada. Ini ada satu artikel dalam tahun 2000 dengan izin, saya baca ini *New Straits Times*. *The problem of unemployed graduates is not a recent one. Not a recent one. In 1995 for example, 8.9% of total unemployed persons at tertiary education. In 1998, the figure was 12.8%. In April this year ialah 2,000. Ministry of Human Resources noted that existence of 40,000 unemployed graduates. Setiap tahun berpuluh-puluh ribu graduates, khasnya daripada IPTA yang unemployable, yang perlu retrain.*

Kita perlu satu Tabung Pembangunan dan Kemahiran untuk menghadapi masalah *transition* daripada *production economy* kepada *knowledge-based economy*. Bukan untuk mengatasi kegagalan dan kelemahan sistem pendidikan, tetapi supaya semua *graduate* fasih dalam bahasa Inggeris, tahu mengenai IT. Itu patut menjadi tujuan tabung ini atau rancangan-rancangan kemahiran yang dalam empat, lima, enam tahun ada belanja beratus juta ringgit setiap tahun. Kenapa? Ini kegagalan sistem pendidikan. Kenapa masalah ini tidak selesai hari ini?

Betul, sekarang kita dalam *transition production economy* kepada *knowledge economy*. Banyak kerja tidak boleh diteruskan. Kita perlu kemahiran-kemahiran yang baru. Kita ada tabung, ada rancangan-rancangan ini. Itu kita sokong. Tetapi untuk mengatasi kegagalan yang pokok, sistem pendidikan, supaya setiap *graduate* fasih dalam bahasa Inggeris, tahu mengenai IT, itulah wang rakyat jelata. Itulah kegagalan sistem pendidikan, kegagalan Kerajaan Barisan Nasional. Itu bukan masalah sekarang sahaja dan saya harap kita boleh menumpukan dalam masalah ini. Kita perlu *reskill* rakyat Malaysia. Tetapi bukan untuk masalah-masalah yang *busy*. Saya haraplah bahawa kita boleh dapat satu *direction* yang *clear*, sama ada Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran ialah untuk mengisikan kegagalan sistem pendidikan atau lebih murni, lebih tinggi supaya kita boleh *shift*, *paradigm shift*, *knowledge-based economy* dan memastikan *unemployable graduates* boleh menjadi *employed*. Kita mahu semua yang keluar daripada universiti-universiti, IPTA atau IPTS *employable*, mungkin dia menganggur. Tetapi mereka menganggur bukan mereka *unemployable*.

Masalah yang ada sekarang oleh kerana mereka *unemployable*. Saya berharap ini patutlah menjadi satu *basic direction, policy direction* kerajaan ini dan kalau tidak, *master plan* ini, “Strategic Initiative One, 21st Century” nampaknya, tulis sahaja. Wang rakyat tetap, tetapi tidak dihiraukan, tidak ada. Sampai sekarang, saya tidak pernah ada satu laporan dalam Dewan ini mengenai *progress report*. Strategic Initiative One, *master plan blueprints* dan bagaimana *Human Resources Ministry*, tanggungjawab *Human Resources Ministry* mengenai *master plan* ini. Apakah yang sudah dibuat? Dengan itu, apa yang saya berucap di sini, saya ingat sudah tamat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tangga Batu.

12.24 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka ambil kesempatan di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 ini, di mana saya yakin penglibatan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak kerajaan ataupun kementerian di dalam memastikan bahawa sebanyak 1,115 pusat latihan kemahiran seluruh negara ini yang mempunyai lebih kurang 1,116 pelajar semenjak tahun 2002 ini, akan dapat kita jaga kepentingan serta masa hadapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini sebenarnya ingin mengambil beberapa artikel yang telah dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab di bawah kementerian ini, di mana antaranya telah menyatakan bahawa hasrat Menteri ataupun kementerian yang begitu bercita-cita tinggi di dalam memastikan pelajar-pelajar kita yang tidak berkesempatan di dalam bidang kebijaksanaan ataupun keilmuan ini untuk mengalihkan tumpuan mereka kepada kemahiran agar sedikit sebanyak, sekali gus dapat menyumbang kepada keperluan tenaga mahir negara. Hasrat Menteri untuk mensasarkan kemudahan pinjaman kepada kira-kira 100,000 pelatih apabila perbadanan ini diluluskan nanti, mungkin akan jadi satu kenyataan.

Apa yang ingin saya sarankan di sini, sebelum kita menjangkau kepada angka 500,000 pelatih pada lima tahun yang akan datang, perlulah kita mengambil satu pendekatan yang begitu komprehensif, menyeluruh, kerana saya khuatir nanti berlaku satu sindrom iaitu *paralyze before analyze*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *paralysis before analysis*. Apa yang berlaku pada hari ini, jika kita kembali kepada 800 kolej

yang mendakwa kerugian sejumlah RM1.9 bilion apabila kerajaan telah mengumumkan untuk menamatkan, menghentikan Tabung Pembangunan Kemahiran.

Jadi di sini, saya khawatir berlaku suatu perkara yang mungkin bukan sahaja menjadi *hiccup*, tetapi juga akan membantutkan segala usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara pengeluar kepakaran ataupun tenaga mahir yang memadai untuk keperluan negara di masa hadapan. Pihak kerajaan perlu melihat perkara ini supaya di dalam sudut-sudut atau faktor-faktor yang telah diberitahu kepada kita iaitu faktor manusia, faktor kewangan, faktor persekitaran dan juga faktor kejiiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti kerajaan mempunyai niat yang baik di dalam memastikan setiap pelatih ini memperoleh pinjaman untuk kursus ataupun bidang kemahiran ini dalam keadaan yang begitu mudah, selesa dan tidak menghadapi sebarang masalah. Jadi, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian, sesuai dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam belanjawan yang lepas, mengingatkan kepada kita, kecekapan kepada kaedah penyampaian perkhidmatan ini perlu diambil kira.

Apabila kita bercakap tentang kecekapan kepada kaedah penyampaian ini, *excellence service delivery* ini, perlulah kita berikan penekanan kepada faktor produk dan servis. Saya minta pihak kementerian supaya mengenal pasti siapakah sebenarnya pelanggan mereka. Dalam hal ini, yang pastinya pelatih-pelatih kemahiran ini adalah merupakan pelanggan kepada pihak kementerian. Benar-benar pastikan bahawa alat untuk menyampaikan perkhidmatan ini, dalam urusan ini adalah mereka yang diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir perbadanan ini nanti. Mereka yang mengurus dan mentadbir perbadanan ini nanti, kenalah mereka yang benar-benar memahami aspek perkhidmatan kepada pelanggan, terutamanya peminjam-peminjam tabung ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian, supaya benar-benar melihat tentang struktur organisasi perbadanan ini nanti, di mana biarlah ketua eksekutifnya, pengerusinya mereka yang benar-benar bebas di dalam membuat keputusan. Dalam hal ini, setiap keputusan perlulah berlandaskan pendapat-pendapat menyeluruh daripada setiap Ahli Lembaga Pengarah ataupun struktur organisasi tersebut. Apa yang ingin saya bayangkan kepada pihak kementerian supaya tidak berlaku satu sindrom yang pernah disebut di dalam Dewan

yang mulia ini, *power corrupts absolute power corrupts absolutely*. Jadi, ini perlulah dilihat secara *detail* di mana tidak berlaku penyalahgunaan kuasa oleh seorang ketua eksekutif ataupun pengerusi yang diberikan kuasa penuh di dalam menentukan pengaliran dana ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan beberapa perkara yang berkaitan dengan *unemployment* ataupun *unemployed graduates*. *Unemployed graduates* ini jika dapat dilihat, bidang yang paling banyak menyumbang kepada kemajuan angka ini adalah bidang ICT. Pada masa yang sama, kita dapat melihat juga bahawa bidang kemahiran yang dibiayai oleh pihak Tabung Kemahiran ini, yang paling banyak dibiayai oleh tabung ini adalah bidang ICT. Jadi, terdapat ketidakseragaman di sini ataupun *inconsistency* di sini di mana, apabila kita memberikan perhatian kepada bidang ICT, pada masa yang sama, bidang ini juga menyumbang angka yang besar di dalam masalah pengangguran negara.

Jadi, perlulah dilihat secara terperinci, sama ada, adakah pihak kerajaan telah melaksanakan pelan-pelan tindakan ini mengikut apa yang sebenarnya, angka-angka serta fakta-fakta yang telah dibawa kepada pihak kementerian. Saya percaya bidang ICT ini mempunyai pasaran yang luas. Jika ianya benar-benar menepati cita rasa pasaran, tidak akan timbul masalah seperti bidang ICT ini mempunyai masalah tidak mempunyai pekerjaan ataupun menghadapi masalah pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang telah dibangkitkan tadi akan diambil perhatian oleh pihak kementerian dan akan sekali gus membawa negara kita ini sebagai pengeluar tenaga mahir, menepati cita rasa di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pulai.

12.32 tgh.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada peranan dan sikap Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia Berhad dalam mengenal pasti dan menentukan industri-industri yang diwajibkan membuat bayaran levi kepada Tabung Pembangunan Kemahiran Negara ini.

Saya mendapati bahawa pengurusan di Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini mengambil sikap sambil lewa dalam menjalankan tugas di atas. Mungkin mereka tidak faham atau ada *lack of understanding* mengenai sifat industri-industri

yang dikenal pasti untuk membayar levi ini. Sepatutnya PSMB ini mengkaji dengan lebih mendalam mengenai keperluan latihan yang sedia ada di industri-industri yang dimestikan untuk membayar levi kepada tabung ini dan juga penilaian yang dibuat dalam proses untuk menentukan sama ada industri tersebut diwajibkan untuk membayar levi atau tidak.

Penilaian ini perlu kerana ada industri-industri yang telah melaksanakan program-program latihan yang lebih baik dan terbukti berjaya daripada program latihan yang disediakan oleh PSMB ini. Saya ingin mengambil contoh industri perakaunan dan audit. Industri ini mempunyai sejarah melatih berpuluh-puluh ribu akauntan dan *auditor* selama berpuluh tahun di Malaysia dengan berjaya.

Malah syarikat-syarikat gergasi di Malaysia ini seperti Telekom dan Tenaga diketuai oleh akauntan. Industri ini juga terus menjalankan program-program latihan dalaman atau *in-house training* seperti seminar, kursus-kursus *career development programs* untuk memantapkan kemahiran pekerjaannya sejajar dengan projek *learning for life* yang juga mengikut piawaian dan standard dunia. Latihan seperti ini dibiayai sendiri oleh majikan atau firma-firma akauntan itu sendiri dan dilihat sebagai perbelanjaan yang perlu kerana firma akauntan terlibat dalam perniagaan perkhidmatan yang sentiasa memerlukan kemahiran pekerja yang *up-to-date*.

Oleh itu, tidak wajarlah bagi PSMB memaksa firma-firma akauntan di Malaysia membayar levi kepada tabung ini, kerana levi ini tidak akan menambah kepada hasil program-program latihan yang diguna pakai oleh firma-firma akauntan sekarang ini dan akan membebankan firma-firma ini, dan sekali gus meningkatkan kos perniagaan secara keseluruhan. Oleh itu saya ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri mengarahkan PSMB untuk mengkaji semula keperluan mewajibkan industri akauntan dan audit membayar levi kepada tabung ini dan seterusnya kalau boleh mengecualikan industri tersebut daripada membayar levi kepada tabung ini. Saya juga ingin mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri menimbangkan untuk menerima kursus-kursus dan program latihan yang dilaksanakan oleh badan-badan akauntan seperti Institut Akauntan Malaysia ini supaya program-program ini dapat diterima pakai dalam program-program latihan dan kemahiran yang dilaksanakan oleh PSMB selaras dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan *financial awareness* dan juga *financial an ethical responsibility* di kalangan tenaga pekerja kita untuk menghindarkan perbuatan rasuah dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

12.36 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya mengenai masalah mengenai membayar balik. Sekiranya pelajar ini ataupun pelatih ini dia telah mengikuti satu kursus dengan satu *institution* dan pinjaman telah dibuat melalui institusi ini tetapi institusi ini tidak menjalankan program dan terus ditutup dan gulung tikar. Pelatih ini tidak menerima apa-apa latihan atau latihan dijalankan di separuh jalan sahaja dan sekarang pihak kementerian ataupun pihak yang berkenaan ingin menuntut balik pinjaman ini. Adakah pelatih ini bertanggungjawab untuk membayar balik pinjaman tersebut?

Saya juga ingin tahu berapakah jumlahnya institusi seperti ini dan pelatih ini yang telah gulung tikar setelah mendapat pinjaman daripada kementerian? Memang kita sudah ada beberapa institusi yang memberi latihan kemahiran seperti MARA ataupun *Vokasional School* ataupun Kolej Komuniti. Jadi apakah perbezaannya tabung ini berlainan dengan institusi-institusi ini? Untuk rancangan jangka panjang adakah lebih baik supaya kita mewujudkan Kolej Komuniti di semua kawasan Parlimen yang telah lama dikatakan akan diwujudkan supaya Kolej Komuniti ini akan mengambil alih pembangunan kemahiran yang dijalankan oleh tabung ini. Bukankah ini lebih baik dalam masa jangka panjang kerana saya mengalu-alukan penubuhan tabung ini kerana ia memberi kawalan yang lebih berkesan kepada pembekal-pembekal latihan. Saya ada rasa ada ramai pelatih yang tidak menerima latihan yang mempunyai *standard* yang baik. Ada pelatih-pelatih yang sendirinya, saya rasa mereka ada sendirinya tidak melalui latihan formal tetapi hanya melalui pengalaman dan mereka mengadakan perniagaan mereka seperti solekan. Saya rasa ramai di antara mereka yang tidak mempunyai latihan formal, tetapi mereka juga dipilih sebagai pelatih dan selalunya masalah akan timbul. Jadi, apakah kawalan yang akan diadakan dengan tertubuhnya tabung ini? Saya rasa adalah sangat penting kita membangunkan kemahiran tetapi kita perlu mempunyai *mekanisme* yang baik dan bukan untuk mengatasi masalah pengangguran ataupun *unemployable graduate*. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.41 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah mengemukakan banyak pandangan secara konstruktif tentang kepentingan mengadakan tabung seperti ini. Saya akan cuba menjawab semua soalan yang telah dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu mengatakan pentingnya seseorang Pengerusi Lembaga itu mempunyai seorang yang asing daripada kementerian dan sebagainya. Memang saya juga mengkaji perkara ini dan nanti ada satu usul untuk dibentangkan dan saya sendiri akan bersetuju supaya Menteri diberi kuasa untuk melantik sesiapa sahaja yang ia fikir wajar sedangkan mempunyai pengalaman untuk dijadikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah ini.

Selain dari itu ingin saya sebutkan sebagai langkah permulaan memang ada fungsi tabung ini ada banyak berkaitan dengan fungsi-fungsi tabung yang dahulu diperkenalkan melalui satu bahagian dan sebagai satu fasa transisi, kita perlulah melantik seorang Pengerusi yang faham tentang sejarah dan proses transisi tersebut.

Berkaitan dengan *mekanisme* untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman ini, dalam akta ini kita telah mengadakan *mekanisme* yang lebih tegas dan juga kita akan penalti yang lebih tegas, sedangkan saya sendiri rasa untuk menentukan kejayaan skim ini adalah penting. Saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bahawa kita perlulah ada satu ciri perasaan baru dan budaya baru di mana kita mesti tanamkan di kalangan pemuda pemudi apabila mereka mendapat pinjaman untuk mendapatkan latihan atau mendapat pendidikan, mereka perlulah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan masyarakat yang membolehkan pinjaman tersebut disalurkan, yang membolehkan ia dapat satu transformasi dalam cara kehidupan beliau. Selepas kejayaan dalam kursus, pelatih tersebut perlulah ada satu sikap mengucapkan terima kasih kepada tabung tersebut dan perlulah mula mengambil tindakan membayar balik demi untuk menentukan tabung tersebut yang telah menolongnya, yang akhirnya boleh memberi pertolongan kepada orang lain.

Kita akan bekerjasama dengan izin, *Income Tax Department*, supaya ia boleh menolong kita dalam soal kutipan dan kita akan bekerjasama dengan pihak majikan.

Yang lebih penting saya cadangkan dalam perjanjian pinjaman yang akan ditandatangani oleh pelatih, kita juga ada dua orang *guarantor* yang akan menjadi *guarantor* kepada pinjaman tersebut. Kalau kita tidak dapat mencari pelatih tersebut, sekurang-kurangnya kita boleh menghubungi kedua-dua orang *guarantor* yang akan menolong kita untuk menghubungi pelatih itu dan dengan itu akan menentukan kejayaan skim ini.

Berkaitan dengan pekerja-pekerja atau pelatih-pelatih yang memerlukan dengan izin, *self employed* yang tidak ada majikan, dan dalam konteks ini kalau dia membayar *income tax*, dengan izin, memang kita akan bekerjasama dengan *Income Tax Department* supaya kita boleh mendapatkan bayaran balik dari pinjaman tersebut. Memang ada kes-kes tertentu di mana pelatih selepas dapat latihan, selepas mendapat pinjaman, mereka lari ke negara lain berkhidmat dan sebagainya. Dalam konteks ini kes-kes *exceptional* ini, kita akan mengkaji bagaimana kita harus menghubungi majikan-majikan tersebut sungguhpun di luar Singapura ataupun di Brunei untuk proses membayar balik pinjaman tersebut. Dalam konteks ini memang saya bersetuju, kita akan terus ada

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sama ada kerajaan akan melihat balik apakah perlunya penjamin-penjamin ke atas permohonan untuk mendapatkan pinjaman ini. Itu satu. Sama ada *guarantor* ini kerajaan melihat di masa akan datang melihat sebab ada pinjaman lain yang tidak memerlukan penjamin untuk memudahkan lagi ramai mereka yang memerlukan pinjaman.

Keduanya, mungkin masalahnya ialah tidak ada satu jaminan untuk pelatih-pelatih ini setelah mereka mendapat latihan, menamatkan kursus, jadi kita hendak satu jaminan di mana mereka hendak bekerja, majikan mana yang boleh menyediakan satu peluang kepada mereka. Saya minta kalau boleh supaya pihak kementerian melihat satu jaminan, selepas mereka menamatkan kursus mereka boleh ada pendapatan pekerjaan yang boleh mereka lakukan, kalau tidak kursus habis begitu sahaja dan wang kerajaan pun habis begitu sahaja. Terima kasih..

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Dalam peraturan yang kita ada sekarang kita kuatkuasakan peraturan bahawa dalam *agreement* ataupun dalam syarat pinjaman tersebut memang kita perlukan dua orang *guarantor*. Sama ada *guarantor* itu merupakan saudara, *uncle* atau ibu bapa peminjam dan mereka

memenuhi syarat untuk menjadi *guarantor*, kita ambil. Ini adalah prosedur sekarang di mana kita perlu dua orang *guarantor* ini. Saya rasa adanya *guarantor* ini lebih elok dan sedangkan tidak akan membebankan orang-orang kampung, kerana mereka boleh mencari ibu bapa, ahli-ahli keluarga mereka untuk bersama-sama menolong kita, bukan hendak membebankan tetapi kita hendak menentukan selepas dia tamat, memang ada *channel* tertentu yang kita boleh hubungi pelatih tersebut. Pinjaman ini RM5,000 sahaja bukan seperti PTPTN RM100,000 atau RM200,000. Jadi dalam konteks ini kita ada ramai pelatih, tiap-tiap orang RM5,000 dan dalam konteks ini kita mesti ada satu *network* dengan lebih licin untuk menghubungi pelatih tersebut. Kita tidak mahu menyusahkan dia, sedangkan.....

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Kadang-kadang saya kasihan betul melihat murid-murid ini pergi tengok orang itu, tengok orang ini hendak menjadi penjamin tetapi kadang-kadang sukar betul lebih-lebih lagi kalau budak itu orang kampung, kedudukan dan sosialnya tidak berapa, jadi susah hendak cari *guarantor*. Kata orang Sarawak hujung-hujung dan kata orang Semenanjung akhir-akhirnya mereka cari Yang Berhormat. Ini penyakit besar juga kepada Yang Berhormat.

Jadi, dapatkah kementerian mempertimbangkan supaya kita tidak usah ada penjamin, kita carilah jalan ikat si peminta ataupun peminjam itu sahaja. Oleh kerana ini akan menjadi *zero some game* juga oleh kerana anak saya meminta Yang Berhormat Menteri jadi penjamin ini, Yang Berhormat Menteri minta saya jadi penjamin. So dapatkah kita *do away with* penjamin ini. Sekian.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman. Memang seperti yang saya telah terangkan amaun yang kita beri pinjaman itu bukan begitu besar dan dalam konteks ini kebanyakan kes-kes kita perlukan ahli keluarga mereka menjadi penjamin bukan Ahli Yang Berhormat. PTPTN itu lainlah, itu RM100,00, RM200,00 itu lain, ini RM5,000 sahaja dan

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tadi saya ada dua soalan Yang Berhormat belum jawab lagi.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya, saya akan

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okay, saya bagi contoh, TEKUN yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan tidak ada

penjamin. TEKUN tidak ada penjamin tetapi mereka bayar balik. Jadi, adakah mungkin kementerian melihat perkara ini untuk ditimbang untuk masa yang akan datang, tidak perlu RM5,000 tidak payahlah ada penjamin ya. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya, terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua, Memang selepas penjelasan saya akan kaji dan kemungkinan kita memberi kelonggaran dalam konteks ini di mana ada kes-kes tertentu, ada di antara mereka yang susah hendak mendapatkan penjamin dan sebagainya, saya akan kaji. Tetapi saya harap juga Ahli Yang Berhormat faham tentang masalah yang kita hadapi dalam konteks ini.

Berkaitan dengan majikan, bagaimana kita boleh menentukan majikan boleh menolong. Dalam konteks ini, saya telah mencadangkan kepada tabung ini supaya kita juga bekerjasama dengan pusat-pusat yang bertauliah. Sebelum pelatih itu tamat kursus, kita perlukan pusat bertauliah tersebut menyalurkan kepada tabung alamat majikan atau tempat mereka akan bekerja dan juga maklumat-maklumat lain berkaitan dengan pelatih, sedangkan kita kaji satu jalan di mana kita boleh juga melalui tabung ini, melalui sijil yang akan mereka perolehi itu agar mereka ada satu keperluan untuk datang berjumpa tabung sebelum mereka mula bekerja dan dengan itu kita boleh mendapatkan sedikit maklumat dan butir-butir penting berkaitan diri mereka dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menyebutkan tentang cara atau model yang kita gunakan. Sebenarnya model latihan yang kita gunakan adalah mengikut model German dan juga British di mana kebanyakan program adalah ditentukan kurikulumnya mengikut taraf antarabangsa seperti *London Cambridge Exam* dan sebagainya, cuma kurikulum itu kita ambil dan kita tafsirkan untuk keadaan *local* sedangkan ada juga banyak kursus yang memerlukan peralatan yang canggih dan sebagainya. Kita semua mengikut tahap antarabangsa atau *international bench marking*, dengan izin.

Memang adalah menjadi tujuan dalam akta ini untuk memberi kuasa kepada tabung supaya ia lebih *strict* atau lebih tegas tentang syarat-syarat yang perlu diletakkan kepada pusat-pusat atau penyedia-penyedia latihan supaya hanya penyedia-penyedia latihan yang mempunyai kepakaran dan kemudahan sahaja diberikan peluang untuk mendapat pinjaman menyalurkan latihan.

Kita memang kluatir tentang keadaan di mana sesetengah sahaja pusat latihan tersebut ditutup dan yang menjadi mangsa itu ialah para pelatih. Itulah kita kluatir. Dalam konteks ini, saya akan menentukan bahawa tabung akan mengenal pasti secara lebih dekat terhadap pusat-pusat bertauliah yang mereka izinkan untuk memberi latihan dalam program ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan soalan berkaitan implementasi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan kepada *point* sebelum ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Batu Gajah. Lagi satu ada.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri, sebelum ini saya ada membaca sebanyak lebih 200 buah pusat yang menyediakan latihan ini didapati tidak mematuhi syarat dan juga tidak menyediakan program. Setakat ini apakah tindakan yang telah diambil terhadap lebih 200 buah pusat ini sebab kalau sebelum ini pun tidak berjaya untuk menangani masalah pusat yang sedemikian yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan mengaut keuntungan. Apakah selepas ini dengan tabung ini diperbadankan, masalah ini boleh dielakkan.

Walaupun ada diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini yang merupakan suatu kesalahan dan akan didenda terhadap penyelia latihan ini sebanyak tidak melebihi RM50,000, kalau sudah 'gulung tikar' sudah lari, bagaimana kementerian boleh cari mereka. Saya bagi contoh yang paling jelas ialah kolej swasta di mana mereka telah mengambil pelajar dari negara China dan tidak menyediakan kursus disebabkan gulung tikar, kementerian pun tidak mengambil apa-apa tindakan walaupun wang pelajar dari negara China telah diambil.

Inilah masalahnya, saya hendak tahu selepas tabung ini diperbadankan dan dengan peruntukan, tindakan yang boleh diambil ialah penalti ia dapat dipakai bukan di atas kertas sahaja.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menyalurkan masalah berkaitan dengan pusat-pusat bertauliah yang tidak sampai ke tahap yang kita tentukan. 200 itu memang kita telah batalkan pendaftaran mereka dan kita tidak akan izinkan mereka mengambil pelatih-pelatih sebelum mereka memenuhi syarat-syarat yang dikenakan, kalau mereka perlu mengambil pelatih-pelatih dalam skim ini.

Selepas perbadanan, memang badan tersebut akan mempunyai kuasa untuk menentukan atau untuk memberi pengiktirafan kepada pusat-pusat yang bertauliah. Sebelum ini kerana ia hanya satu bahagian dalam Kementerian Sumber Manusia, pusat-pusat bertauliah diiktiraf oleh satu bahagian yang lain. Tabung tersebut tidak mempunyai kuasa.

Selepas ia dijadikan suatu badan, memang ia mempunyai kuasa, ia akan bertanggungjawab sendiri untuk menentukan bahawa pusat bertauliah yang ia akan pilih, ia akan diiktiraf sekiranya mempunyai syarat-syarat yang diperlukan, yang ditentukan demi untuk menjamin kepentingan para pelatih dan juga kepentingan kedudukan dana.

Ahli Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan berkaitan dengan kepentingan untuk tabung ini bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran. Memang ini adalah hasrat saya juga dan juga khuatir tentang dasar pelaburan sedangkan mungkin ada salah guna kuasa dan sebagainya. Dalam konteks ini saya ingin terangkan bahawa semua pelaburan yang akan dibuat oleh tabung ini mestilah sebelum itu diluluskan oleh panel-panel tertentu. Ia juga mestilah diluluskan oleh saya dan juga mesti mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Dalam kes-kes yang penting juga mesti diluluskan oleh Menteri Kewangan. Ini adalah dasar yang telah ditentukan. Saya yakin kita tidak ada ruang sehingga berlaku salah guna kuasa dalam konteks ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pusat-pusat bertauliah khususnya pusat-pusat bertauliah bumiputera yang dikatakan telah mengalami kerugian RM1.9 bilion. Memang saya sendiri juga ada banyak perbincangan dengan ahli-ahli pusat bertauliah bumiputera dengan persatuan tersebut, mereka telah membangkitkan masalah mereka dan kita sudah dengar, kita sudah faham dan mereka juga telah faham tentang bagaimana cara-cara kita berfungsi.

Tak payahlah di sini saya sebut siapa yang salah dan siapa yang tidak bersalah, sedangkan masalah utama ialah kekurangan peruntukan kerajaan untuk disalurkan kepada bidang tersebut. Saya sendiri telah membangkitkan masalah ini dalam Jemaah Menteri. Perkara ini telah banyak kali dibincangkan dan sekarang pegawai saya dalam proses perbincangan dengan pegawai-pegawai dari kementerian Kewangan untuk membuat rayuan supaya satu peruntukan tambahan secara *One-Off*

diberikan khidmat menyelesaikan masalah itu dan saya berharap boleh dapat sedikit peruntukan sebelum perbadanan ini ditubuhkan supaya masalah ini dapat dipikul atau diselesaikan.

Dalam konteks ini, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Ahli Yang Berhormat bagi Larut juga telah membangkitkan berkenaan dengan pentingnya kita agihkan pinjaman ini secara adil kepada sesiapa yang membuat permohonan khususnya kepada orang-orang kampung dan sebagainya. Dalam konteks ini, saya ingin menerangkan bahawa memang tabung tersebut telah berfungsi secara adil. Kita tidak ambil kira sesiapa pun asalkan ia memerlukan pinjaman, kita beri.

Mengikut rekod saya, lebih kurang 80% permohonan yang kita luluskan untuk pinjaman ini adalah permohonan Melayu sementara lebih kurang 4% sahaja Cina dan yang baki itu lebih kurang 10% India termasuk bumiputera dari Sabah dan Sarawak. Sekarang saya sendiri ada satu masalah di mana berlaku di kalangan masyarakat Cina ini, mereka tidak percaya tentang latihan-latihan yang disediakan oleh kerajaan.

Saya sendiri ada satu *road show* untuk menerangkan skim-skim pinjaman inidan skim-skim latihan yang disediakan Kementerian Sumber Manusia kepada budak-budak daripada kampung Cina dan sebagainya untuk merayu mereka untuk membuat permohonan demi untuk kepentingan bagi mempelbagaikan keadaan di pusat-pusat bertauliah tersebut.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Memandangkan Yang Berhormat Menteri benar-benar dapat melihat dan tidak memahami kenapakah anak-anak kaum Tionghoa tidak berminat dengan skim latihan kemahiran yang ditawarkan oleh kerajaan sedangkan kita dapat melihat *on the ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kaum Tionghoa ini benar-benar menghayati program kemahiran mereka melalui penurunan daripada orang tua mereka, abang-abang dan mungkin dari mereka yang dipelajari.

Di sini bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan kenapa ini sebenarnya berlaku dan sebaliknya kepada orang-orang Melayu pula diberikan latihan oleh pihak kerajaan secara sistematik dan teratur tetapi tidak dapat menghayati agenda ini di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat Menteri, sila sambung jawapan.

2.30 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah membangkitkan berkaitan dengan cara-cara tradisi latihan yang digunakan oleh pemuda-pemuda kaum Tionghua ini. Dalam konteks ini, saya akan meminta pusat-pusat yang bertauliah di bawah Kementerian Sumber Manusia berbincang lebih mendalam dengan masyarakat umum khususnya dengan persatuan-persatuan *subsector industry* untuk lebih memahami tentang cara-cara mereka menggunakan program-program latihan yang dikendalikan supaya kita ada satu interaksi dan program-program yang digunakan oleh kerajaan juga mencerminkan cara-cara yang telah digunakan lebih berkesan oleh persatuan-persatuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Maksud saya tadi adalah oleh kerana Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa penglibatan pemuda-pemuda/belia-belia kaum Tionghua ini amat kurang sekali di dalam program-program latihan vokasional ini, tetapi apa yang berlaku di pasaran adalah mereka ini belajar daripada ibu bapa, orang-orang lama dan sebagainya. Apa yang berlaku di pasaran di sebaliknya iaitu minat pasaran contohnya menghantar kereta mereka kepada pemuda-pemuda ataupun belia-belia Tionghua ini untuk dibaiki. Jadi adakah pihak kementerian mendapati sistem ataupun *syllabus* latihan yang ada di dalam kolej-kolej ini tidak sesuai sehingga pasaran memerlukan

perkhidmatan belia-belie kaum Tionghua ini yang tidak menerima latihan secara rasmi daripada pihak kementerian? Itu maksud saya.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Sememangnya pengalaman praktikal adalah amat penting dan dalam kursus-kursus yang dikendalikan oleh pusat-pusat bertauliah. Mereka juga mesti mengadakan elemen-elemen yang sebahagian besarnya berkaitan dengan pengalaman praktikal. Bagi projek ini, mulai tahun hadapan Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan satu sistem yang dinamakan sebagai *dual training system*, dengan izin, yang sudah lama dikendalikan di negara-negara seperti Jerman di mana sebahagian latihan tersebut adalah penglibatan mereka dalam syarikat dan hanya pada *weekends* sahaja, dengan izin, mereka menghadiri kursus untuk mendapat sedikit teori. Lebih kurang 75% atau 80% masa mereka adalah dalam *factory*, dalam keadaan pekerjaan untuk mendapat pengalaman praktikal. Ahli Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, di Kedah, sekarang ini PERWAJA ada tempat latihan kursus untuk belia-belie kita mendapatkan kemahiran. Sekarang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, yang pentingnya selepas mereka meninggalkan kursus dan tempat-tempat latihan atau pekerjaan ini, bukan sahaja di PERWAJA, malah di mana-mana sahaja tempat yang mereka mengadakan kursus-kursus sambil ataupun pengalaman-pengalaman yang di hadapi, ialah masalah untuk menempatkan mereka ini. Apakah dengan pertumbuhan kilang-kilang contohnya motor dan kereta, keutamaan tidak boleh diberi kepada mereka? Kadang-kadang kilang-kilang ini mungkin lebih mementingkan pekerja-pekerja asing daripada pekerja-pekerja separuh mahir dalam negara kita ini. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Dalam program, dengan izin, *dual training system* yang kita akan mula laksanakan pada tahun hadapan, kita akan mewajibkan majikan supaya selepas mereka membuat praktikal dalam kilang, bukan sahaja mereka harus diberi keutamaan tetapi juga memberi satu perjanjian perkhidmatan kepada pelatih-pelatih demi untuk kepentingan kedua-dua pihak. Kita akan terus menentukan bahawa dalam apa jua bentuk kilang-kilang dalam negara kita akan terus memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja mahir tempatan dan kita tidak akan

mengizinkan mereka menggunakan pekerja-pekerja asing sebagai, dengan izin, *cheap labour* untuk menggantikan pekerja-pekerja tempatan ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, saya ada membangkitkan berkenaan apakah di dalam kementerian di bawah tabung ini mempunyai dasar untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah mempunyai keseimbangan untuk *gender*, bukan sahaja penekanan kepada kerja-kerja latihan kemahiran jentera dan mesin sahaja tetapi memberi penekanan yang sama terhadap tawaran khusus untuk pelatih-pelatih wanita.

Saya juga ingin tahu apakah penekanan dalam jenis kursus yang akan diberi oleh tabung ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang dalam konteks latihan-latihan kemahiran jentera-jentera ini kita tidak hadkan kepada pemohon-pemohon lelaki ataupun perempuan. Ada ramai juga remaja perempuan yang berminat dan sanggup untuk menjadi mekanik atau *supervisor* dan sebagainya.

Selain daripada itu, dalam tabung ini kita juga ada kursus-kursus berkaitan dengan kecantikan, jahitan dan latihan sebagai *fashion model*; dan semuanya ini adalah dari pemohon-pemohon wanita yang berminat. Saya sudah mengarahkan pegawai-pegawai supaya tidak *biased*, kalau ramai di antara mereka yang berminat kita mesti salurkan sama ada lelaki atau wanita. Kalau ada lelaki yang ingin menjadi, dengan izin, *fashion designer*, *fashion model* dan *hair stylist*, kita pun menggalakkan dan memberi pinjaman kepada mereka untuk mendapatkan latihan.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut ada membangkitkan berkaitan dengan adanya keadaan-keadaan pekerjaan di mana majikan ini yang disebut sebagai diskriminasi kepada pekerja-pekerja Melayu. Dalam konteks ini, pendirian Kementerian Sumber Manusia ialah semua pekerja di kilang-kilang dan tempat pekerjaan mesti memberi keadilan dan penjagaan yang sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mencadangkan kalau boleh kementerian ini memberi jaminan supaya mereka yang berkelayakan meminjam daripada tabung ini, tidak menunggu terlalu lama, tidak terdapat birokrasi dan sebagainya, dan

permudahkanlah peminjaman ini, sebab inilah matlamat kita memberi peluang kepada mereka yang telah dilatih, yang mempunyai kepakaran. Jadi, supaya mereka diberi kemudahan, cepat dan sebagainya, tidak lagi menunggu berbulan-bulan, bertahun-tahun. Itu kurang, ini kurang. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, inilah sikap saya. Saya banyak kali sebut kepada pegawai supaya jaga tabung tersebut. Jangan jaga itu sebagai cara kedai runcit kerana kita mesti ada satu sistem untuk memberi pertolongan kepada pelatih-pelatih mereka. Jangan kita tanya selepas dapat borang ini belum isi, selepas itu baru diisi, lain hari boleh isi, ini kita tidak akan bayangkan sebagai sebuah kerajaan yang sayang-menyayang. Sedangkan kalau pemohon-pemohon itu memenuhi syarat yang *basic*, yang minimum, yang boleh jaga kepentingan dana itu, kita mesti bagi pinjaman tersebut dengan secepat mungkin. Syarat yang *basic* ialah mereka mesti tandatangani perjanjian tersebut. Bila perjanjian itu telah sah, boleh disimpan dan kalau ada apa-apa masalah, kita ada asas untuk mengambil tindakan. Itu adalah secara asas. Asalkan secara asas itu dipenuhi, kita mesti luluskan secepat mungkin.

Saya selalu bayangkan, dahulu bila seorang menjadi pengurus bank, dahulu dia duduk di pejabat, tunggu orang datang sahaja, sekarang *bank-bank manager* pun mesti ke luar cari perniagaan, kalau tidak mereka akan dibuang kerja. Macam ini juga. Selepas perbadanan, kita mesti pergi luar cari perniagaan, cari pemuda-pemuda yang perlukan pinjaman supaya kita boleh, dengan izin, *stretch our outlet*, supaya kita boleh mempertingkatkan tahap kualiti perkhidmatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman telah membangkitkan berkaitan dengan tabung ini telah memberi, dengan izin, *hope* kepada pemuda-pemudi, kepada juga pusat-pusat bertauliah. Dalam konteks ini saya telah terangkan bahawa oleh kerana dana ini dilakukan sebagai pinjaman, oleh kerana selepas perbadanan, perbadanan tersebut akan mendapat pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dari bank-bank yang lain, di mana kita mesti bayar balik kepada institut-institut kewangan. Jadi, adalah penting di mana kita iktiraf pusat-pusat bertauliah yang mempunyai syarat, yang mempunyai kemudahan, yang mempunyai pengalaman dan kita tidak mahu mereka seperti yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat, di mana mengatakan ada pusat-pusat bertauliah, sebelum latihan mereka tamat, pusat

bertauliah tersebut jadi bankrap, tutup, dan pelatih itu tidak boleh dapat latihan yang sempurna. Jadi, kita tidak mahu keadaan tersebut diulangi lagi.

Tentang apa yang terjadi kepada pelatih-pelatih yang pertengahannya pusat bertauliah tutup. Dalam konteks ini Kementerian Sumber Manusia akan mengambil satu sikap kemanusiaan, kita akan tolong pelatih-pelatih tersebut untuk mengikuti kursus di institut latihan perindustrian yang dikendalikan oleh kementerian tanpa yuran supaya mereka sekurang-kurangnya boleh habiskan latihan mereka, dan kita akan cuba hubungi pusat bertauliah yang telah tutup supaya dia boleh pulangkan yuran tersebut kepada pelatih dan kita akan ambil satu sikap kemanusiaan untuk memikul masalah tersebut.

Memang kita akan terus berbincang dengan persatuan pusat bertauliah bumiputera. Kita akan juga bincang dengan Kementerian Kewangan untuk mendapat satu peruntukan, *one off*, dari segi memberi bantuan kepada pusat-pusat ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah, dengan izin,

Tuan Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Yang Berhormat Menteri, saya ingin meminta penjelasan sedikit. Dalam akta ini bagi pusat-pusat bertauliah yang ingin mendaftar, kalau tidak dapat boleh merayu kepada Menteri. Menteri ada kuasa dan muktamadlah kuasanya. Siapa yang membantu Menteri untuk menganalisis atau menyiasat, sama ada pusat bertauliah itu berkualiti atau tidak? Saya rasa memang sekretariat Tabung Pembangunan Kemahiran akan membuat siasatan tersebut. Adakah tabung ini akan mewujudkan satu jalan kuasa seperti Majlis Tabung Pembangunan Sumber Manusia, kerana kita sudah ada satu tabung di sana untuk melihat kualiti *training providers*? Adakah satu lagi jawatankuasa akan diwujudkan untuk melihat kualiti pusat-pusat bertauliah ini?

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagi peminjam pula, bagi pelatih yang hendak memohon pinjaman, kalau di sini hanya mengatakan bahawa Ketua Eksekutif berhak untuk meluluskan pinjaman ataupun menolak pinjaman itu. Apakah cara-cara rayuan? Kalau tidak dapat pinjaman, boleh kita rayu kepada Menteri? Menteri ada kuasa atau tidak untuk membuat keputusan dalam hubungan pinjaman kepada pelatih-pelatih? Saya harap Menteri dapat memberi penjelasan sedikit.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bentong. Memang dalam konteks ini saya bersetuju kita mesti ada satu majlis atau satu jawatankuasa penasihat yang tolong Menteri dalam konteks ini. Saya akan kaji cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Bentong – ada jawatankuasa tertentu untuk memberi nasihat kepada Menteri dari segi kualiti institusi tersebut dan dari segi bagaimana kalau permohonan pinjaman itu telah ditolak. Ada cara, kita mesti ada satu cara di mana si pemohon itu boleh membuat rayuan dan boleh dikaji. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah secara dengan izin, *give a backhanded complement* kepada tabung ini, tidak lewat dari tiga tahun ini. Sebenarnya, sebelum ini kita telah bercadang untuk mengadakan badan seperti ini, tetapi atas nasihat dari pihak-pihak tertentu kita mula dengan satu bahagian di Kementerian Sumber Manusia dan selepas pengalaman tersebut adalah didapati bahawa bahagian tersebut tidak boleh berfungsi dengan lebih luas. Kita sekarang ini balik ke Parlimen untuk memperbadankan tabung tersebut.

Berkaitan dengan siswazah-siswazah yang sukar mendapat pekerjaan. Dalam konteks ini saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor, di mana dikatakan graduan-graduan kita bukan sahaja *unemployed* tetapi *unemployable*, sedangkan kita tahu kebanyakan pelajar-pelajar yang masuk IPTA di negara kita merupakan pelajar-pelajar yang cemerlang. Kebanyakan mereka datang daripada keluarga miskin. Maka IPTA itu merupakan satu saluran. Mereka dapat keputusan STPM yang bagus, mereka dapat juga asas-asas teori yang kukuh di universiti-universiti tempatan, namun demikian oleh sebab ada *mismatch* di antara keperluan sektor swasta dan program latihan yang disediakan untuk mereka, mereka menghadapi masalah dari segi semasa interview oleh kerana mereka tidak ada pengalaman, mereka tidak ada kefasihan dalam bahasa Inggeris dan juga mungkin mereka tidak ada *exposure* kepada dengan izin, Jadi cara-cara mereka maklum balas mungkin kalah kepada *graduate* daripada luar negara. Kementerian saya telah kendalikan program-program latihan semula untuk siswazah yang menganggur ini. Didapati selepas enam bulan lebih daripada 74% telah dapat pekerjaan setanding dengan kelayakan mereka. Dengan latihan seperti ini boleh memberikan mereka satu alat untuk membayangkan potensi mereka untuk membayangkan *capability* mereka dan kementerian ini sekarang sedang dalam proses perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Adalah pentingnya universiti-universiti tempatan serapkan ciri-ciri seperti ini, ciri-ciri atau komponen-komponen berkaitan dengan bahasa, komponen-komponen berkaitan dengan *soft skill* yang penting dan yang membolehkan *graduates* dari IPTA berinteraksi dan ada mencapai satu prestasi yang cemerlang dalam proses *interview*, ini adalah penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan di sini ialah masalah *unemployed graduate* dan *unemployable graduate*. Kita tahu ada *mismatch* dan mungkin ada *mismatch supply and demand* dalam pasaran, tetapi kalau mereka menganggur oleh kerana tidak fasih dalam Bahasa Inggeris atau kekurangan, kelemahan dalam *communication skill* dan *IT knowledge*, bukankah semua ini patut diberikan kepada mereka supaya dapat menguasai apabila mereka *graduate*. Bukan dapat satu *retraining* serta merta selepas *graduation* yang membayangkan kegagalan sistem pendidikan dan kenapa selepas 10 tahun lebih pihak kementerian tahu mengenai masalah inidi mana *graduate* ialah *unemployable* kalau mereka tidak di *retrain*.

Kenapa masalah ini tidak diatasi dalam sepuluh tahun dan khasnya mengenai kedudukan Bahasa Inggeris oleh kerana betapa pentingnya khasnya dalam globalisasi dan mengenai kedudukan dan darjat Inggeris, adakah satu kajian dibuat oleh kementerian supaya mengenai tahap yang dicapai. Apa masalah yang dihadapi, kenapa masalah ini kerap kali berlaku. Sedangkan di dunia dalam satu laporan baru-baru ini yang menganggarkan bahawa dalam 2020, sepuluh tahun lagi, 2 bilion orang lagi di dunia akan belajar Inggeris dalam laporan *The Future Of English* oleh *Gradock* baru-baru ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan semua orang termasuk kerajaan Barisan Nasional peka dan prihatin tentang kepentingan Bahasa Inggeris. Dalam konteks ini kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan program-program tertentu untuk mempertingkatkan tahap itu. Dari segi Kementerian Sumber Manusia kita akan terus mengadakan banyak perbincangan dengan sektor-sektor swasta dan menyalurkan keperluan mereka kepada universiti-universiti tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sabah akan mengeluarkan - saya suka faktor-faktor ini. Sabah akan mengeluarkan graduan, saya difahamkan 150 ribu orang dalam masa sepuluh tahun ini dan kita lihat bahawa sektor kerajaan dan juga swasta tidak akan dapat menampung bilangan yang begini ramai. Saya ingin tahu lebih lanjut tahap keseriusan tentang faktor bahasa ini sebagai satu faktor untuk mengemaskinikan graduan mendapat kerja. *How serious is this factor?* Selain daripada faktor bahasa, faktor *mismatch*, apa faktor-faktor yang lain yang harus diambil kira oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pendidikan dalam masa sepuluh tahun ini untuk menentukan graduan-graduan kita *employable* boleh mendapat pekerjaan di pihak swasta ataupun awam.

Saya melihat bahawa ini harus diaddress dalam satu bentuk Jawatankuasa yang lebih tinggi bukan sahaja pada peringkat Kementerian Sumber Manusia tetapi pada peringkat kementerian-kementerian yang lain, *alliance* antara kementerian-kementerian yang lain dalam aspek ini untuk dalam aspek ini untuk menentukan bahawa graduan-graduan kita ini tidak celik bahasa, tidak celik IT seperti Ipoh Timor katakan dan juga menentukan mereka ini tidak akan menjadi beban kepada negara pada masa akan datang. Apa tahap keseriusan kegagalan dalam penguasaan bahasa ini dan juga langkah yang diambil oleh kerajaan menerusi kementerian.

Saya rasa *retraining* ini merupakan satu sumbangan yang kecil, tetapi isu yang besar merupakan penguasaan pada peringkat universiti itu penting, pada peringkat pengambilan ijazah itu penting dan tentulah input daripada Kementerian Sumber Manusia ini penting untuk dijadikan input bagi Kementerian Pengajian Tinggi untuk dijadikan sebagai satu dasar yang mementingkan dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Beluran, memang selain dari bahasa, selain dari ICT ada banyak ciri-ciri yang lain yang akan tolong seseorang dari segi pekerjaan. Misalannya dari segi *soft skill*, misalannya dari segi kebolehan bercampur gaul, misalannya dari segi *presenting*, dari segi *presentable* dalam proses *interview* dan yang lebih penting ialah satu sikap dengan izin *open mind* yang membolehkan seseorang pekerja tersebut berfungsi di keadaan yang berbeza. Bukan sahaja dalam *air-con office*, kalau diperlu untuk keluar bertemu dengan pelanggan, ada *lunch*, ada *dinner appointment*, bercampur gaul.

Semua itu adalah penting dan saya sudah banyak kali terangkan, seorang majikan apabila dia *interview*, apabila dia temu duga seorang pekerja, dia anggap *qualification* atau kelayakan itu sebagai minimum sama ada *first class owner*, *second class owner* itu tidak penting. Apa yang penting, orang itu boleh cerminkan kebolehan dia dalam proses *interview*, apa yang penting si *interview* itu boleh bagi satu keyakinan kepada majikan dia akan terus berfungsi dalam keadaan berbeza dan terus akan menambahkan nilai kepada majikan, itu adalah majikan.

Semua elemen ini kita telah serapkan dalam kursus latihan semula. Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor juga tanya tentang kemajuan k-ekonomi. Sebenarnya satu misi utama Kementerian Sumber Manusia ialah terus mempertingkatkan kursus-kursus latihan yang disediakan oleh Institut-institut Latihan Perindustrian supaya ia sebenar-benar membayangkan keadaan sekarang di mana banyak kerja dilaksanakan dengan melalui cara-cara teknologi canggih. Dalam kursus-kursus tersebut, kita bukan sahaja merupakan *front line*, tetapi juga merupakan kursus-kursus setanding dengan dunia, *world class standard*.

Saya akan terus minta dan arah penjaga-penjaga institut-institut latihan dan program pusat-pusat bertauliah supaya selalu berbincang, bekerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa seperti *Mercedes*, *BMW* dan sebagainya supaya peralatan yang kita gunakan untuk latihan kita adalah setanding apa yang diperlukan oleh syarikat-syarikat tersebut atau setanding oleh k-ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Dua minggu lepas, dalam masa soal jawab saya ada bertanya mengenai cadangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya *overhaul* sistem pendidikan untuk menyesuaikan keperluan dan supaya *mismatch* pasaran *supply and demand* boleh diatasi. Masa itu Timbalan Menteri mengesahkan ada satu *blue print* sedang disiapkan. Adakah satu cadangan boleh ditimbang oleh kementerian berkenaan dalam *blue print* ini supaya satu *overhaul* boleh dibuat dalam sistem pendidikan selaras dengan objektif k-ekonomi bahawa pengambilan pelajar-pelajar ke IPTA *ratio Sains and Arts* ialah 70:30 supaya keperluan k-ekonomi boleh ditunaikan dan menentukan, memastikan bahawa masalah *unemployability and unemployed graduates, unemployable graduates* dikurangkan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada pegawai-pegawai dari Kementerian Pengajian Tinggi yang ada rekodkan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Namun demikian saya akan bangkitkan masalah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat di mesyuarat Jemaah Menteri supaya ia boleh dibincangkan. Memang ada hasrat kerajaan untuk mengemaskinikan sistem pendidikan kita supaya ia selaras dengan keperluan semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai k-ekonomi, sebenarnya kalau kita melihat laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN 2) dan dalam laporan tersebut menyatakan bahawa kita memerlukan satu pelan tindakan k-ekonomi. Saya hendak minta pandangan dan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat dari perspektif Kementerian Sumber Manusia, sejauh manakah pencapaian kita setakat ini tentang k-ekonomi dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak kementerian dalam mempertingkatkan kemahiran kita selari dengan kehendak kita untuk mencapai k-ekonomi. Minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara kita telah membuat banyak persiapan, kemajuan dari segi penguasaan ICT dan dari segi menyediakan negara kita untuk k-ekonomi, memang kita menghadapi cabaran-cabaran dibandingkan dengan negara-negara Asia Timur seperti Korea Selatan, Jepun, Singapura. Memang tidak boleh dinafikan bahawa Malaysia agak terkebelakang dari segi *broadband usage*, dengan izin, dari segi peratusan penduduk yang mempunyai *personal computer*, dengan izin, dan sebagainya, namun demikian Malaysia adalah di depan negara-negara yang lain.

Jadi, kerajaan kita tidak ada *benchmark* – perbandingan negara kita dengan negara-negara yang maju yang lain dan kita akan terus berusaha, pertama untuk meningkatkan penggunaan peralatan ICT dalam semua bidang. Di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad, kita ada program-program yang khusus untuk menggalakkan, untuk memberi bantuan, untuk memberi bimbingan kepada syarikat-syarikat dan industri-industri sederhana dari segi memberi pertolongan kepada mereka dalam konteks membeli komputer,

mengadakan *computer lab*, menggunakan ICT, cara-cara ICT dan memproses pengeluaran sedangkan di bawah PSMB kita juga ada menyediakan geran-geran tertentu kepada SMIs untuk membeli komputer dan sebagainya dan untuk mendapat kepakaran. Dalam konteks ini kerajaan akan terus berusaha demi untuk kepentingan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyebut tadi mengenai penggunaan *broadband*, South Korea dan lain-lain, bolehkah Yang Berhormat Menteri sebutkan mengapa Malaysia begitu terkebelakang jika dibandingkan dengan Korea Selatan sebagai contohnya, oleh kerana apabila Malaysia mengisytiharkan rancangan Multimedia Super Corridor, masa itu Malaysia lebih terkehadapan daripada South Korea, lebih maju daripada South Korea dalam IT tetapi sekarang, sekarang dalam lapan tahun South Korea sudah menjadi satu *power house* dunia dalam *broadband* dengan hampir 80 peratus *penetration rate* sedangkan Malaysia hanya 0.8 *percent* sahaja. Kenapa kita menghadapi kegagalan yang begitu ketara? Adakah ini kerana Kementerian Sumber Manusia juga gagal dalam melatih, memperuntukkan tenaga mahir yang sepatutnya? Adakah ini salah satu sebab?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tadi saya terus terang bantahkan tentang kedudukan Malaysia dibandingkan dengan negara-negara yang maju tetapi ada banyak negara-negara yang di belakang kita, kita tidak sebut. Namun demikian, saya ...

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk] Macam Rwanda?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Bukan Rwandalah. [Ketawa] Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, apa jua yang kita buat mesti ada negara-negara yang di depan kita, mesti ada negara yang di belakang kita sedang di Malaysia kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masa itu kita sama, bukan di hadapan. Kenapa sekarang begitu terkebelakang? Itu masalahnya, masa itu kita di hadapan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tapi Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak mengambil kira di mana ada sektor-sektor tertentu yang mana Malaysia lebih maju jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk Korea Selatan seperti dalam sektor-sektor elektronik, di sektor-sektor *electrical equipments* dan sebagainya.

Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang terbaik sekali dari segi pembekalan *electronic components*, dengan izin, dan banyak syarikat-syarikat di Pulau Pinang, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tahu, dulunya adalah kedai-kedai runcit tetapi sekarang, dalam masa 10 tahun sudah menjadi syarikat-syarikat antarabangsa. Itu adalah kekuatan kita, memang ada bidang-bidang yang kita kuat, memang ada bidang-bidang lain yang kita lebih kuat.

Tetapi apa yang penting, kita sekarang tahu negara kita sudah tubuhkan satu kementerian baru khusus untuk menjaga perkara seperti ini berkaitan komunikasi dan sebagainya. Ini membayangkan kerajaan kita peka tentang kepentingan masalah ini. Saya yakin masalah tersebut akan dapat dihadapi dan diselesaikan.

Tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga membangkitkan tentang masalah berkaitan dengan kerugian pusat-pusat bertauliah dan juga berkaitan dengan kekhuatiran beliau kalau "*power corrupts, absolute power corrupts absolutely*" di peringkat Lembaga Pengarah. Dalam konteks ini, seperti yang saya terangkan tadi semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong, saya akan adakan majlis atau jawatankuasa penasihat yang akan menasihatkan saya supaya permohonan-permohonan yang ditolak atau pusat-pusat bertauliah yang ditolak mereka boleh buat rayuan, sementara jawatankuasa yang lain itu boleh buat dan mengkaji rayuan dan tolong saya dalam konteks ini – ada *check and balance* dan dengan itu saya yakin masalah itu tidak timbul. Saya juga beri jaminan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, kenyataan saya itu lebih kepada sikap *preventive* ataupun berjaga-jaga supaya ia tidak berlaku, supaya kita tidak tengadah apabila kita terhantuk. Yang Berhormat Menteri, mungkin di dalam Fasal yang akan disebutkan nanti, kita lebihkan kepada Ketua Eksekutif yang akan dipegang oleh mereka yang berjawatan Ketua Setiausaha kementerian dan sebagainya, perlu kita ada satu pemantau dalam struktur ini, perlu kita ada satu unit yang memantau.

Bagaimanakah ketua-ketua ini akan memainkan peranan dan tanggungjawabnya supaya tidak berlaku *self-checking mechanism* yang mana akan lebih membawa kita ke arah kesilapan di dalam membuat keputusan dan saya harap Yang Berhormat Menteri faham akan maksud saya, di mana perlu diadakan satu

jawatan, sebagai contoh, Ketua Setiausaha kementerian diletakkan untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi. Ini mungkin tidak akan mendatangkan satu cara yang berkesan untuk kita adakan satu sistem pemantauan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya rasa itu adalah penting dan saya akan terus kaji bagaimana kita boleh wujudkan cara-cara seperti ini – *self-regulation*, dan juga *check and cross-check*, supaya tidak ada sesiapa pun yang rasa keputusan mereka tidak boleh dicabar atau tidak boleh dikaji semula.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga membangkitkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh graduan-graduan dalam bidang ICT tetapi masalah dari segi pekerjaan, ini merupakan satu *inconsistency* atau satu dilema. Dalam konteks ini memang benar ada sebahagian ICT *graduate* yang *unemployed* dan Kementerian Sumber Manusia dapati bahawa mereka adalah dalam bidang-bidang asas, dalam bidang-bidang *basic* dan sekarang sudah ada banyak *graduate* di dalam bidang tersebut. Kita akan menasihati mereka supaya mendapat kelayakan profesional *seperti professional website rider* dan sebagainya untuk membolehkan mereka digajikan di peringkat yang lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada tak kemungkinan *graduates* ICT ini yang menyumbang kepada peningkatan angka pengangguran di kalangan siswazah itu tidak berkebolehan berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris? Umpamanya saya pernah melalui satu keadaan di mana apabila *graduate* ini ditanya, *name*, akan menyebutkan nama mereka Si Polan binti Si Polan. Alamat, *address*, dia akan beritahu di mana kedudukan mereka. Kemudian *age*, dia akan letakkan umur. Apabila *comes to sex*, dia kata, “*Never*”. [Ketawa] Ini satu kenyataan, Menteri, yang mana *graduate* di bidang ICT tidak berkebolehan berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris dengan berkesan. Ini kenyataan dan perlu kita berikan perhatian dan perlu dimasukkan dalam *syllabus* pusat latihan bertauliah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini, saya rasa itu jarang berlaku tetapi kadangkala ada dengar contoh-contoh

seperti itu. Kementerian Sumber Manusia akan cuba menyelesaikannya melalui program-program latihan semula.

Yang Berhormat bagi Pulau telah bangkitkan berkaitan dengan levi yang dikenakan dalam sektor bidang perakaunan untuk latihan. Sebenarnya levi yang dikenakan terhadap perakaunan dan *auditing* itu, levi yang dikenakan bukan cukai, levi yang dikenakan itu ialah merupakan, dengan izin, *trainable reclaimable fees*, yang boleh digunakan oleh syarikat tersebut dari segi latihan. Kita buat macam ini untuk menentukan semua firma dalam bidang perakaunan dan *auditing* itu sekurang-kurangnya menggunakan tabung tersebut dari segi latihan untuk pegawai-pegawai.

Levi itu bukan cukai, kita tidak simpan. Apabila syarikat itu ada program-program latihan kita akan bayar balik supaya program-program latihan itu boleh dijalankan, dengan syarat bahawa mereka mesti ada program-program latihan tersebut untuk menggunakan levi ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah bangkitkan masalah berkaitan dengan pusat-pusat bertauliah yang tutup dan ada sebahagian pelatih-pelatih yang program latihan mereka belum siap, bagaimana kedudukan mereka. Dalam konteks ini saya sudah terangkan, kita akan menggunakan satu sikap kemanusiaan. Kita akan tolong pelatih-pelatih tersebut supaya mereka boleh mengikuti program-program di institut latihan perindustrian yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia, tentukan mereka boleh habiskan latihan mereka.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga tanya apakah bezanya program latihan ini dibandingkan dengan program-program latihan atau pinjaman yang dianjurkan oleh MARA dan sebagainya. Program-program pinjaman ini adalah untuk menggalakkan pelatih menceburi program-program latihan di bidang-bidang kemahiran, khususnya, dengan izin, *hard skills* yang amat diperlukan oleh negara kita. Keutamaan akan diberi kepada program-program yang meliputi *machinery*, dengan izin, atau peralatan termasuklah *CNC equipments*, *robotics*, *automotive repair* dan sebagainya, dan itu merupakan kursus-kursus yang akan diberi keutamaan. Kita rasa negara kita masih kekurangan pekerja-pekerja mahir, *entrepreneurs* yang mahir dalam bidang-bidang ini dan adalah diharapkan dengan adanya skim ini, kita akan terus memajukan bidang-bidang tersebut.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga bertanya apa bezanya kolej komuniti dengan MLVK. Sebenarnya MLVK merupakan badan yang tentukan program-program

latihan yang menentukan program-program yang ada kurikulum yang boleh dikendalikan oleh pusat-pusat bertauliah termasuk *community college*. *Community college* yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, mereka ambil pelatih-pelatih tetapi pelatih-pelatih tersebut mesti mengikuti program-program atau kurikulum *content of the program* yang telah diluluskan atau ditentukan oleh MLVK, barulah mereka boleh dapat Sijil Kemahiran Malaysia. Jadi kedua-dua badan itu memainkan fungsi yang berasingan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 16 – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang, sila kemukakan..

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan usul iaitu di bawah rang undang-undang ini pindaan kepada Perkara 2 Fasal 16 yang meminda keseluruhan perenggan A dan menggantikan seperti berikut, iaitu:

“Seorang pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam

Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

3.17 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya mahu tanya bukan sahaja mengenai jawatan pengerusi tetapi juga timbalan pengerusi. Bagaimana cara pelantikan timbalan pengerusi oleh kerana dia ada sebut mengenai cara pelantikan timbalan pengerusi dalam rang undang-undang ini? Sama ada Ketua Setiausaha kementerian berkenaan patut secara automatik menjadi pengerusi tabung ini mungkin Menteri nanti boleh beri keterangan sebab peruntukan asal yang ada di mana KSU kementerian menjadi pengerusi dan sekarang satu pindaan bahawa tidak perlulah KSU menjadi pengerusi, sama ada Menteri yang berkenaan setuju atau tidak setuju, kita mahu tahu rasional cadangan yang asal. Tetapi mengenai timbalan pengerusi, siapa melantik timbalan pengerusi? Cara atau kaedah pelantikan timbalan pengerusi.

Kita tidak boleh lihat daripada rang undang-undang ini sungguhpun dalam *schedule* yang ada disebut dalam Fasal 16 adalah mengenai *deputy chairman*, timbalan pengerusi, tetapi tidak sebut sebagaimana kaedah perlantikan *deputy chairman*, mungkin ini satu *lacuna* yang juga perlu dibetulkan.

Di sini saya juga mahu sebut mengenai Fasal 1 dalam *schedule* itu yang berbunyi, mengenai subseksyen 16(5) dalam muka surat 49, *Revocation and resignation*, “*The Minister may at any time revoke the appointment of any member or alternate member of the Board...*”

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kita cuma bahas di mana ada pindaan sahaja. Selebihnya dibahaskan di peringkat dasar tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai Fasal 16. Saya timbulkan mengenai masalah berbangkit..,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, berbangkit mengenai Fasal 16. Sekarang kita bincang mengenai Fasal 16.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 16(2)(a).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, 16. Saya mahu tanya mengenai *schedule* 1(1) di bawah seksyen 16(5), “*The Minister may at any time revoke the appointment of any*

member or alternate member of the Board appointed by him without assigning any reason for the revocation.” Itu pun ada dalam 16(4).

Yang pertama, mengapa kita perlu satu peruntukan “... *without giving any reason for such revocation*”? Kita ada dalam satu masa *accountability, transparency and openness* dan kalau ada anggota-anggota cuai atau tidak sesuai, kita pun perlu *transparency* dan saya rasa ini satu peruntukan yang tidak selaras dengan satu zaman *transparency* dan *accountability*.

Tetapi dalam *schedule* ada sebut mengenai *alternate member*, atau ‘anggota silih’. Saya ada tengok mengenai 16(1) dan (2) *alternate member*, nampaknya tidak ada peruntukkan untuk *alternate member*, mungkin kita ada di sini:

“16(2)(c) *the Director General of the National Vocational Training Council or his representative.*”

Tetapi itu bukan peruntukkan untuk *alternate membership*. Oleh kerana satu keputusan perlu dibuat sama ada *Director General of the National Vocational Training Council* menjadi anggota atau *his representative*. Saya percaya ini tetap, ini satu pelantikan yang tetap bukan bererti bahawa dalam mesyuarat tabung ini, *Director General* boleh hadir atau boleh hantar siapa wakil boleh tukar, tetapi satu anggota tetap, kalau anggota yang tetap maknanya ada *alternate member*. Saya harap ada penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanjong.

3.42 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, sukacita saya memberi sedikit pandangan untuk mendapat penjelasan sebab usul ini dibawa dan nampaknya pembawa usul untuk meminda Fasal 16(2)(a) ini tidak memberi apa-apa alasan, mengapa beliau mencadangkan supaya seorang Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri dan bukan seperti mana terkandung dalam rang undang-undang ini, di mana Ketua Setiausaha akan menjadi Pengerusi secara automatik. Ini mungkin merupakan satu percanggahan di kalangan ahli-ahli kerajaan yang sentiasa inginkan ahli-ahli politik dilantik untuk menjadi Pengerusi kepada lembaga-lembaga yang begitu banyak dan *civil servant* yang seharusnya menjadi Pengerusi.

Saya ingin Menteri memberi penjelasan sekiranya pindaan ini diterima Tuan Pengerusi, ini bermakna Ketua Setiausaha akan dikeluarkan sama sekali dalam

Lembaga ini sebab kalau pindaan ini diterima bermaksud Fasal 16(2)(a) ini yang asal tidak akan menjadi sebahagian dari undang-undang, dan Fasal 16(2)(a) asal memperuntukkan peranan yang boleh dimainkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini akan ketepikan sekiranya pindaan ini diterima. Jadi, saya rasa ini bukanlah satu cadangan yang baik sebab sememangnya Ketua Setiausaha sungguhpun kalau tidak menjadi Pengerusi bolehlah, dan seharusnya terus memainkan peranan yang penting dalam Tabung Pembangunan Kemahiran ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

3.44 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin melibatkan diri sama di dalam perbahasan Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran ini berkaitan dengan pindaan pada Fasal 16(2)(a) dengan meminda keseluruhan perenggan bagi menggantikan seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya perkatkan di dalam perbahasan di peringkat majlis sebenar tadi, nampaknya usul ini benar-benar menepati kenyataan "*power corrupts absolute power corrupts absolutely*", tetapi ia tidaklah membayangkan keterlampauan kami di dalam membawakan apa-apa juga cadangan demi kebaikan kita bersama.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah apabila seorang Ketua Setiausaha dilantik untuk menjadi Pengerusi kepada suatu lembaga ataupun suatu badan dan ia akan membuat keputusan berasaskan kepada jawatan yang dipegangnya, di mana beliau akan dibayar ganjaran tetap sebagai gaji bulanan setiap bulan dan pada masa yang sama mempunyai tugas dan peranan serta tanggungjawab mempengerusikan satu lembaga yang juga mempunyai pengaruh di dalam membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengan tabung ini.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya perlu ada suatu kedudukan lain yang memantau segala peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Pengerusi ini selaku Pengerusi kepada Lembaga Perbadanan ini. Apa yang cuba ditunjukkan di sini adalah setiap peranan dan tanggungjawab yang dimainkan itu akan disemak secara automatik oleh badan yang lain, yang sekali gus menjadi pemantau, sekali gus menjadi pengawal supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, mungkin apabila

kita menyatakan Pengerusi mestilah dilantik bukan di kalangan ketua pemegang-pemegang jawatan awam ini, pihak pembangkang memandang keperluan ahli-ahli politik untuk memegang jawatan tersebut, itu adalah satu tanggapan yang saya kira begitu prejudis yang tidak mempunyai asas-asas tertentu.

Kami sebenarnya ingin melihat kementerian menubuhkan satu badan, perbadanan yang mana akan boleh dipercayai oleh rakyat, yang mendukung kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, di sini ingin juga saya memberikan sedikit cadangan kepada pihak kementerian di peringkat Jawatankuasa ini supaya, jika Pengerusi ini dilantik oleh Menteri, maka pelantikan ini perlulah dipertimbangkan serta dibincang, diperhalusi di peringkat Kabinet, supaya apa yang dilaburkan oleh rakyat di dalam perbadanan ini akan mendatangkan hasil yang memulangkan manfaat balik kepada rakyat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Dungun.

3.47 ptg.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Secara ringkasnya saya menyokong kepada cadangan pindaan Fasal 16(2)(a) supaya seorang Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri.

Saya seperti rakan-rakan yang lain dapat melihat Lembaga yang hendak ditubuhkan ini, yang kita cadangkan ini adalah sebuah Lembaga yang juga di bawah Menteri dan juga KSU yang sama, Ketua Setiausaha yang sama. Jadi, dalam hal ini kita merasakan ianya boleh memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri untuk melantik siapa sahaja yang difikirkan layak oleh Menteri dan kerajaan, kerana kita tahu bahawa Akta ini adalah untuk memperkukuhkan beberapa program baru kementerian yang sebelum ini sebagaimana kita tahu bahawa sebagaimana laporan Menteri dan juga Timbalan Menteri telah membawa sedikit sebanyak kekesanannya kepada kelicinan dan perjalanan usaha-usaha kementerian melalui Akta ini. Insya-Allah kita berharap apabila seorang Pengerusi itu yang difikirkan lebih sesuai untuk mengetuai dianya akan membawa suatu kebaikan yang lebih baik kepada cadangan organisasi kita ini, dan saya rasa bukan kita memperkecilkan kuasa Menteri, tetapi kita mencadangkan supaya Menteri boleh melantik dengan tidak begitu *rigit* menetapkan KSU semata-mata. Jadi sebagai cadangan ataupun sokongan saya kepada rang undang-undang ini supaya Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 ini dapat

dijalankan dengan lebih berjaya, kita berharap Menteri dapat mencadangkan seseorang yang bukan dalam *within the ministry*, iaitu Ketua Setiausaha dan kita tahu bahawa apa jua penterjemahan dasar yang dikehendaki oleh Menteri akan dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha, dan ianya akan berubah dari masa ke masa dan ini akan memberi suatu kesan yang kurang baik kepada tabung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seri Gading bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh. Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun. Kalau saya fahami atau yang saya faham pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ledang ini, maknanya Pengerusi ini tidak hendak Ketua Setiausaha atau orang kementerian, lantik orang lain, yang tidak ada kena mengena dengan kementerian. Mungkin orang profesional, mungkin orang politik, yang baik orang politiklah, pembangkang jangan hendak kisah, dia punya hallah, orang politik ini orang yang memerintahlah, apakah Yang Berhormat bagi Dungun setuju dengan saya lantik orang politik? Orang politik ini kadang-kadang lebih luas pemikiran dia dan lebih adil serta lebih takut pasal kalau dia menyeleweng, kita hentam beramai-ramai. Itu pentingnya atau baiknya orang politik jadi Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Itu kita serahkan kepada kebijaksanaan Menteri kerana akhirnya Menteri juga akan bertanggungjawab di atas kelicinan undang-undang terutama sekali dalam pelaksanaan Tabung Pembangunan Kemahiran 2004. Saya juga ingin menyangkal seperti rakan yang lain iaitu kadang-kadang ada rakan kita dari pembangkang menyatakan bahawa peluang untuk dilantik dari ahli-ahli politik. Ingin kita jelaskan bagi saya, sama ada kita ahli politik atau ahli profesional, kadang-kadang ianya bergantung kepada latar belakang seseorang. Ahli Parlimen yang ada pada hari ini sama ada kita setuju atau tidak setuju, bagi saya adalah *over qualified*, kebanyakan daripada kita terutama sekali daripada Barisan Nasional. Pembangkang banyak *dead wood*.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan dalam Dewan ini dapat mempersetujui untuk membantu Menteri supaya dapat

membuat pilihan yang lebih saksama untuk melihat Tabung Pembangunan Kemahiran ini akan menjadi sebuah organisasi yang tidak *rigid* kepada peraturan yang kita sendiri buat pada hari ini. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ketereh.

3.32 ptg.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut sama menyokong cadangan daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ledang mengenai pindaan Fasal 16(2) iaitu untuk menggantikan perlantikan KSU dengan perlantikan seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Sebenarnya kita berbincang panjang mengenai perkara ini dengan *clause* yang sedia ada; perlantikan KSU kalau disebut, ianya spesifik; mesti lantik KSU, tidak boleh lantik orang lain sedangkan KSU sudah jadi KSU di kementerian tersebut tetapi dengan meletakkan *clause* yang baru ini, ianya menjadi terbuka, boleh juga lantik KSU sebenarnya, tetapi tidak semestinya lantik KSU, itu sahaja, memberi ruang yang lebih luas kepada Menteri untuk membuat perlantikan untuk memastikan tabung yang sebegini besar, yang sebegini mustahak, yang sebegini dikehendaki oleh negara berjalan dengan baik.

Sekiranya perlantikan ini adalah perlantikan seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri, Menteri pula terikat dengan peraturan, setiap perlantikan oleh Menteri mengenai Pengerusi Tabung biasanya mengikut peraturan mesti merujuk kepada Perdana Menteri tetapi kalau pakai *clause* lama, tidak payah rujuk kepada sesiapa, automatik KSU mana-mana pun. Kalau KSU itu hanya ada dua tahun, maka dua tahunlah dia, kalau KSU itu satu tahun dia pencen, satu tahunlah dia. Jadi sebenarnya kita memperluaskan skop ini kepada keadaan yang lebih baik daripada membiarkannya dimiliki oleh seseorang. Sama ada hendak lantik orang politik atau tidak, itu terpulanglah kepada keadaan semasa dan tidak salah untuk melantik orang politik, di mana salahnya? Apa salahnya orang politik jadi Pengerusi?

PTPTN - tabung pembangunan pelajaran untuk pelajar-pelajar tinggi lebih banyak daripada ini, lebih daripada RM500 juta, orang politik juga jadi Pengerusi, tidak jadi masalah sebab orang politik sekarang ada etikanya tersendiri. Orang politik kalau salah boleh diambil tindakan, tetapi kalau kita biarkan ia spesifik seperti ini maka KSU secara automatik dan KSU pula kalau kata pembangkang tadi KSU akan tertinggal, tidak betul. Dalam 16(2)(g), Menteri masih ada kuasa untuk melantik dua orang yang

mempunyai pengetahuan khas atau pengalaman dalam hal kewangan dan perdagangan. Siapa lagi yang mempunyai pengetahuan khas dalam hal kewangan dan perdagangan mengenai MLVK, mengenai sumber manusia kalau tidak KSU? KSU boleh masuk di sini. KSU juga boleh diletakkan dalam *clause* ini. Maksudnya kita menjadikan akta ini lebih terbuka daripada ia *rigid* menuju kepada satu hala sahaja.

Tetapi saya yakin permintaan ini, kehendak ini adalah untuk memperkukuhkan Tabung MLVK sebab tabung ini telah menjadi masalah yang banyak kepada orang, kepada PB atau *provider*, bahasa Inggeris, minta maaf, kepada pihak yang memberi latihan. Saya salah seorang di antaranya dahulu, atas nama Yayasan Kemiskinan Kelantan, saya mengadakan program seperti ini, ada masalah banyak, masalah dari segi tabung. Kadang-kadang tabung ini lambat lulus, kita sudah ambil *student* tiga bulan, tiba-tiba *student* yang masuk, dengan izin tidak dapat kelulusan tabung. *Student* ini sudah masuk tiga bulan, kita kena belanja, dia kena keluar ataupun sesetengah itu tidak dapat kelulusan, ada syarat baru. Syarat baru ini pula, ada sesetengah PB yang sudah tahu syaratnya, ada setengah yang tidak tahu. Jadi ada orang yang dapat gambaran lebih awal, ada orang yang dapat gambaran yang lebih terawal.

Ada syarat baru yang diketahui oleh PB yang baru, ada syarat baru yang tidak diketahui, ini masalah selama ini. Jadi penubuhan tabung ini adalah untuk menyelaras bahawa Tabung MLVK ini adalah untuk membina negara, untuk membina latihan vokasional yang lebih baik kepada bangsa kita supaya kita jadi negara yang aman, makmur dan baik serta mempunyai tenaga mahir yang cukup. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, sungguhpun Yang Berhormat bagi Ledang berkata bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional *over qualified*, tetapi pindaan ini ialah setengah masak, bagaimana orang *over qualified* boleh datang dengan satu pindaan yang setengah masak, saya tidak tahulah. Selain daripada anggota-anggota itu sendiri setengah masak, bukan *over qualified* dan tentulah 16(1), saya di sini tertarik dengan hujah-hujah yang dikemukakan bahawa *power tends to corrupt* dan *absolute power corrupts absolutely*. Saya sangat seronok dengar itu daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sama ada beliau membayangkan

bahawa sistem yang ada di kerajaan sini ialah mirip kepada keadaan ini oleh kerana kita tahu bahawa adanya KSU-KSU yang sangat bermaharajalela di mana menteri-menteri menjadi boneka sahaja, bukan sahaja di Malaysia, tengok di UK, *Yes Minister*, *Yes Minister*, KSU lebih kuasa daripada Menteri, Menteri *puppet* sahaja sama ada dibayangkan dalam Kementerian Sumber Manusia, saya tidak tahu, sama ada cadangan ini ditujukan kepada KSU Kementerian Sumber Manusia, saya pun tidak tahu. Tetapi sebelum kita bincang mengenai sama ada kita perlu mengadakan seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri yang tidak terikat kepada KSU, kita perlu bincang bahawa kalau pindaan ini diterima, apa Yang Berhormat bagi Tanjong kata itu benar bahawa Kementerian Sumber Manusia diketepikan.

Yang Berhormat bagi Ketereh kata bahawa adalah di bawah peruntukan 16(1)(g) di mana KSU boleh dilantik. 16(2)(g) ialah "*two persons who possess special knowledge or experience in financial or commercial matters to be appointed by the minister*". Mana boleh KSU di dalam *come under this ridiculous outrageous and shocking*. Bagaimana boleh KSU datang dalam ini? Ini menunjukkan *over qualified*. Kalau *over qualified, unqualified*. Kita mahu tahu apakah tujuan dan kalau sebenarnya kita perlu satu *check and balance* dan daripada satu segi, saya mengalu-alukan satu usaha supaya kita ada *check and balance* mengenai perlantikan Pengerusi semua badan-badan berkenaan, ini mustahak bukan sahaja mengenai KSU tetapi sungguhpun semua *political appointee*, Yang Berhormat bagi Sri Gading kata bahawa *political appointee* semua baik, itu pun tidak boleh masuk akal.

Tetapi kalau pindaan ini diterima, yang pertama, Kementerian Sumber Manusia diketepikan, tidak ada bahagian dalam tabung ini, ini tentulah tidak kena mengena. Apa yang kita perlu ialah satu peruntukan yang berbeza daripada yang ditambah bahawa selain daripada KSU yang menjadi anggota, bahawa menteri ada kuasa untuk melantik seorang pengerusi, bukan macam *as it is*, itulah *bad law*, itu tidak boleh dan tentulah tidak baik untuk perjalanan tabung yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit.

3.40 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan ini seperti juga rakan-rakan yang lain saya bersetuju supaya pindaan ini dibuat atas beberapa alasan.

Yang pertamanya dengan adanya pindaan ini ia memberi pengasingan kuasa kepada Pengerusi ini sendiri kalau asalnya dicadangkan Ketua Setiausaha Kementerian sedangkan kita tahu Ketua Setiausaha kementerian mempunyai kuasa-kuasa yang besar di bawah kementeriannya. Dan kita juga tahu Ketua Setiausaha mempunyai tugas yang amat berat menjaga sebuah kementerian yang mempunyai fungsi yang besar. Jadi sudah semestinyalah bagi Pengerusi Perbadanan ini dilantik seorang yang lain yang mempunyai masa yang secukupnya untuk menjaga sebuah Perbadanan yang kita fikir mempunyai tanggungjawab yang cukup besar.

Kita tidak mengetahui berapa peruntukan yang diperuntukkan kepada Perbadanan ini tetapi saya percaya dengan tugas-tugas dan matlamatnya Perbadanan ini akan diberi peruntukan yang cukup besar. Oleh itu sangat sewajarnya supaya Ketua Setiausaha kementerian tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang begitu besar ini. Kita tidak mempertikaikan keupayaan dan kebolehan Ketua Setiausaha kementerian kerana kita percaya semua Ketua Setiausaha kementerian di negara kita ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup luas.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah seperti juga rakan saya daripada Dungun tadi, dengan adanya pindaan ini ia memberi ruang yang lebih kepada Yang Berhormat Menteri untuk memilih seorang yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang cukup dan tidak khusus kepada Ketua Setiausaha kementerian. Jika pindaan ini tidak dibuat, Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai pilihan langsung, semata-mata kepada Ketua Setiausaha kementerian.

Yang ketiga pada pandangan saya ialah seperti yang saya sebutkan di awal tadi, perbadanan ini mempunyai tugas yang amat berat, oleh itu sudah sewajarnya kita memerlukan seorang Pengerusi yang sepenuh masa dan tidaklah menjalankan tugas yang ada dua tugas pada satu masa yang sama - satu sebagai Ketua Setiausaha kementerian dan satu lagi sebagai Pengerusi.

Jadi, atas alasan-alasan itu saya menyokong seperti mana rakan-rakan saya yang lain dan saya tidak berharap Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini dan juga sebelah sana salah faham bahawa seolah-olah pindaan ini tidak memberi kepercayaan kepada Ketua Setiausaha kementerian yang saya katakan tadi mempunyai

pengalaman dan pengetahuan yang luas tetapi semata-mata dengan niat supaya Perbadanan ini diterajui oleh seorang yang mempunyai masa yang secukupnya bagi memastikan perjalanan Perbadanan ini dapat disusun dengan baik untuk mencapai matlamat perubahan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau. Selepas Rembau, Menteri boleh menjawab ya, sila.

3.43 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut serta membahaskan dan menyokong usaha oleh Ahli Parlimen Ledang iaitu seorang Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 16(2).

Seperti yang disebut oleh rakan-rakan yang lain, dari segi *check and balance* saya ingat tidak ada masalah sebab pertamanya apabila Pengerusi itu dilantik oleh Menteri, Menteri mempunyai pilihan yang tersangat luas. Malah kalau difikirkan hendak dilantik Ketua Setiausaha sendiri pun boleh dan melantik profesional pun boleh dan hendak melantik orang politik pun boleh tetapi dari segi *check and balance* memanglah baik seseorang yang bukan Ketua Setiausaha dilantik sebagai Pengerusi dan dalam masa yang sama ini selaras dengan amalan yang lazim dipakai oleh badan-badan berkanun yang lain seperti FAMA, MADA, KADA dan sebagainya.

Sebuah badan yang besar seperti Tabung Pembangunan Kemahiran ini memerlukan seorang Pengerusi yang boleh menumpukan sepenuh masa dan tenaga untuk memastikan bahawa Perbadanan ini dapat berjalan dengan baik. Dari segi *check and balance* kita juga ada wakil mengikut Fasal 16(2), wakil daripada Kementerian Kewangan dan juga wakil daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi kedua-dua wakil ini akan memastikan bahawa tabung ini akan berjalan mengikut sebagaimana yang diperuntukkan oleh akta dan mengikut kehendak-kehendak kerajaan.

Jadi saya rasa tidak timbul seperti yang dibangkitkan oleh pembangkang tadi bahawa tidak akan ada *check and balance* jika seseorang Pengerusi itu dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

3.45 ptg.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Ipoh Timor, Tanjong, Tangga Batu, Dungun, Ketereh, Parit dan Rembau yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor telah membangkitkan tentang kuasa Menteri batalkan pelantikan. Sebenarnya kuasa membatalkan ini adalah terhad kepada pilihan di bawah perenggan (f) and (g). Oleh sebab kesemua ahli-ahli itu adalah dilantik secara terus oleh Menteri, saya rasa Menteri kalau tidak puas hati dengan prestasi mereka bolehlah batalkan pelantikan mereka.

Berkaitan dengan pelantikan Timbalan Pengerusi, itu adalah merupakan satu kuasa biasa dan saya akan bincang dengan Ketua Lembaga untuk menentukan seorang yang sesuai dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dengan tugas untuk menguruskan mesyuarat apabila Pengerusi itu tidak dapat hadir atas alasan-alasan.

Selain dari itu juga memang sukacita dimaklumkan bahawa pihak kementerian bersetuju dengan usul-usul di mana Menteri diberi kuasa melantik seorang sebagai Pengerusi tidak terhad kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Saya sendiri rasa ini tidak ikat tangan Menteri dan sesiapa pun yang menjadi Menteri mempunyai kuasa untuk mencari seorang yang pada pendapatnya elok dan mempunyai kebolehan. Sedangkan tidak terhad kalau dia hendak atas alasan-alasan tertentu melantik Ketua Setiausaha pun boleh tetapi itu mengikut budi bicara beliau selepas berbincang dengan ahli-ahli Jemaah Menteri selepas berbincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini merupakan kemenangan UMNO *Backbenchers revoke* terhadap Menteri dan terhadap Ketua Setiausaha dalam perkara ini? Oleh sebab saya hendak tanya apakah *Backbenchers*, MCA, Gerakan, MIC, kemenangan UMNO *Backbenchers revoke*?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya rasa soalan ini langsung tidak timbul [*Tepuk*] Saya sendiri pun sebelum perkara ini

dibangkitkan oleh *Backbenchers* dalam mesyuarat, saya sendiri di dalam kementerian, boleh tanya pegawai-pegawai saya sebelum ada *meeting* dengan *Backbenchers* saya juga menyuarakan perkara ini mereka telah bayangkan ini sudah siap, tidak boleh pinda dan sebagainya, saya okaylah. Tetapi sebelum itu saya ingin membangkitkan perkara itu kerana saya sendiri telah rasa tidak mahu satu pilihan yang ikat tangan Menteri ini sedangkan kalau dia diberi satu peluang yang lebih luas dia boleh buat satu keputusan yang lebih elok.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu kenapa Yang Berhormat Menteri tidak bercadang bahawa selain daripada menerima cadangan bahawa jawatan Pengerusi dilantik oleh Menteri sebagai satu *clause* yang berasingan tetapi ada terdengar satu peruntukan di mana ada wakil daripada Kementerian Sumber Manusia adalah satu wakil automatik. Oleh sebab kalau tidak, tidak ada wakil dan bukannya ini menjadi satu anomali.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab di bawah 16(2), perenggan 2 (a), (b) dan (c) – (c) ini adalah seorang Ketua Pengarah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau wakilnya. Ketua Pengarah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan itu merupakan pegawai saya di dalam Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada itu juga, saya yakin Pengerusi Lembaga Pengarah yang saya lantik akan terus bekerjasama dengan kementerian sama ada dia merupakan seorang pegawai kementerian atau tidak. Saya yakin dia akan terus bekerjasama, akan terus mengambil kira pandangan Menteri ataupun sesiapa pun termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Ini merupakan semangat bekerjasama dan kalau Pengerusi Lembaga tersebut tidak ambil kira dan tidak bekerjasama memang kedudukan asas di mana selepas tempohnya tamat kita memilih seorang pengerusi yang boleh bekerjasama. Saya rasa ini merupakan satu semangat yang *Backbenchers* hendak dan saya sendiri.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi. DAP mengatakan perkataan "*revolt*". Selepas itu kemenangan *Backbenchers* daripada

UMNO. Sebenarnya ini kami ada bincang bersama. Kita tidak berada di Dewan tadi dan kita semua tidak sempat berbahas tetapi kita menyokong, sebenarnya. DAP ini kalau ada perubahan dikatakan “*revolt*” tetapi dia berkali-kali mengatakan “*first world Parliament, first-world Parliament*”. Kalau kita tidak ubah sesuatu di sini itu bererti Parlimen ini hidup. Tetapi dia katakan pula ini “*revolt*”.

[Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Cepat tarik baliklah perkataan “*revolt*” itu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Kalau mahu *first-world Parliament*, tarik balik perkataan yang Ipoh Timor bilang itu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan sekarang?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini soalan saya. DAP ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri kalau kita buat perubahan dikatakan ini “*revolt*” tetapi balik-balik ini dikatakan *first-world Parliament, first-world Parliament*. Kita minta Menteri minta DAP ini kalau ada perubahan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Alih kepada perkara lain pula.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri *confirm* sama ada UMNO *Backbenchers revolt*? Kenapa tidak ada ahli daripada MCA, Gerakan dan MIC yang berdiri menyuarakan perkara ini? Ini *confirm*, bukan? Ini satu UMNO *Backbenchers revolt* yang benar. MCA *Minister have to kowtow, knuckle under!*

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highland.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Kita menyokong penuh Menteri-Menteri kita. Ini adalah satu tohmahan yang tidak betul.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highland bangun.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy:oleh Pengerusi Pembangkang! Kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab!

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, soalan itu langsung tidak timbul kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ialah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, dan pembangkang bukan.....

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Ahli-ahli Yang Berhormat yang sungguh bertanggungjawab. Terima kasih. Bukan sekadar hendak cerita boleh cerita, jadi syok sendiri!

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, usul itu dipersetujui kerana pindaan ini membolehkan Menteri melantik seorang pengerusi lembaga yang bukan sahaja boleh terdiri daripada Ketua Setiausaha bagi kementerian yang bertanggungjawab tentang sumber-sumber manusia tetapi juga selain daripadanya.

Oleh itu adalah dipersetujui supaya perkataan Ketua Setiausaha bagi kementerian yang bertanggungjawab tentang sumber-sumber manusia di dalam perenggan 16(2)(a) digantikan dengan perkataan seperti berikut: "...seorang pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri".

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 17 hingga 98 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau ringkasnya FAMA telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] dan mula beroperasi pada September 1965. Pada peringkat awal penubuhannya fungsi dan tugas FAMA ialah untuk mengawal selia aktiviti pemasaran keluaran pertanian termasuk padi, ikan, ternakan dan tanaman kontan.

Pada masa sekarang tugas dan fungsi FAMA adalah untuk mengawasi, menyelaraskan dan mempertingkatkan pemasaran apa-apa keluaran pertanian di Malaysia tetapi tidak termasuk padi, ikan, nanas, koko, tembakau dan kelapa sawit yang kini dikawal selia oleh agensi lain. Dalam menghadapi era globalisasi dan usaha memperbaikiimbangan dagangan bahan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang melaksanakan program mentransformasi sektor pertanian ke arah pemodenan supaya ianya lebih berdaya saing sekali gus meningkatkan lagi pengeluaran bahan makanan dalam negara.

Sebagai agensi pemasaran dalam sektor pertanian dan makanan khususnya bagi pengeluaran yang mudah rosak seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga, FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pemasaran keluaran pertanian tersebut sama ada keluaran segar mahupun yang diproses.

Bagi mencapai matlamat ini dan berdasarkan kepada kelemahan pemasaran yang sedia ada, FAMA telah merangka untuk melaksanakan sepuluh inovasi pemasaran yang dianggap sebagai mekanisme dan kaedah untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang berkaitan dengan pemasaran. Antaranya ialah pelaksanaan Projek Terminal Makanan Negara ataupun ringkasnya TEMAN, pasar tani alaf baru, promosi dan pengiklanan, maklumat pasaran, penggredan, pembungkusan dan pelabelan.

Selaras dengan tanggungjawab yang lebih besar ini maka Akta FAMA perlu dipinda. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan beberapa peranan FAMA yang sedia ada diperjelaskan dan diperkukuhkan. Di samping itu beberapa peruntukan baru

perlu dimasukkan supaya ianya mencakupi skop dan menepati tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada FAMA untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dicadangkan ialah dalam Fasal 3 iaitu dalam takrif “keluaran pertanian”.

- i) perkataan “kelapa sawit” dimasukkan dalam Senarai Pengecualian kerana telah ada agensi khusus yang bertanggungjawab mengenainya;
- ii) selain itu pindaan dibuat untuk memasukkan takrif “eksport” dan “import” supaya lebih jelas tentang tanggungjawab FAMA mengawal selia eksport dan import keluaran pertanian.
- iii) Di samping itu takrif perkataan “*marketing*”, dengan izin, diperluaskan dan kini termasuk perkataan, dengan izin, “*labeling*”, “*preserving*”, “*exporting*” dan perkataan “*importing*”;

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru (7) ke dalam Seksyen 2 Akta 141 yang mengadakan peruntukan bagi perlindungan anggota FAMA daripada liabiliti peribadi berkenaan dengan perkara yang mungkin berbangkit semasa anggota sedemikian mentadbir hal ehwal FAMA. Suatu seksyen baru 6C sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai FAMA termasuk Ketua Pengarah dan pegawai yang diberi kuasa daripada dikenakan apa-apa tindakan atau prosiding yang berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dibuat dengan suci hati oleh pegawai FAMA semasa melaksanakan peruntukan akta itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminta Seksyen 3 akta itu bagi mengadakan peruntukan yang memberi FAMA kuasa tambahan. Kuasa tambahan ini termasuk kuasa bagi menentukan perkara yang berhubungan dengan pemberian kemudahan kredit oleh FAMA. Di bawah perenggan 3(2)(c) FAMA mempunyai kuasa menetapkan pelabelan, tujuannya ialah untuk memudahkan *traceability* dengan izin. Melalui fasal ini juga dicadangkan supaya kuasa FAMA di bawah perenggan 3(2)(d) Akta 141 ditambahkan lagi untuk membolehkan FAMA menubuhkan, membina, melengkapkan, menyenggara, menyewakan, memajakkan, mengawal, mengurus atau mengendalikan pasar atau premis pasar bagi maksud memudahkan dan mengawal selia jualan keluaran pertanian.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 7, 8, 9, 12 dan 14 bertujuan untuk memotong Seksyen 6, 6A, 6B, 11A dan 12A Akta 141 memandangkan Akta Badan-

badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 terpakai berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan tatatertib, penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam dan surcaj bagi pegawai dan perkhidmatan FAMA.

Pindaan kepada Seksyen 9 Akta 141 sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 11, mengadakan peruntukan bagi pembayaran ke dalam Tabung Sumber Wang Tambahan yang diterima oleh FAMA semasa FAMA menjalankan fungsi tambahan yang dicadangkan dalam Fasal 5.

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru 15A ke dalam Akta 141 untuk mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan di bawah akta itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta itu. Kesalahan tersebut ialah kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun di bawah pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 13. Kuasa seseorang pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis untuk menggeledah mana-mana premis dengan suatu waran di bawah Seksyen 19 akta itu dan untuk menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 22 akta itu, ditambahkan lagi melalui pindaan yang dicadangkan masing-masing dalam Fasal 18 dan 20.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru 24A ke dalam Akta 141 yang menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk membuat atau memberikan akuan, penyata, sijil atau dokumen atau maklumat lain yang palsu, tidak betul atau yang mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan serta tambahan peruntukan baru seperti yang dicadangkan bertujuan memberi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kuasa untuk bertindak, dan menentukan polisi yang berkaitan dengan pemasaran keluaran pertanian dan menguatkuasakannya di seluruh negara selaras dengan tanggungjawabnya sebagai Menteri yang bertanggungjawab di dalam bidang pertanian.

Dari aspek kepentingan industri pertanian khususnya dalam sektor pemasaran, pindaan yang dibuat juga akan memberi kuasa yang jelas kepada FAMA bagi mewujudkan sistem pemasaran yang cekap, telus, adil dan sistematik supaya dapat menjana pembangunan sektor pengeluaran pertanian dan makanan terutama keluaran pertanian mudah rosak melalui pasar borong dan aktiviti pemborongan. Kuasa ini adalah selaras dengan peranan FAMA sebagai pihak berkuasa pemasaran kerajaan yang bertanggungjawab bagi menyediakan mekanisme yang dapat menghasilkan

sistem pemasaran yang baik, telus dan efisien bagi keluaran pertanian mudah rosak tersebut. Peranan ini dapat memastikan pengeluar mendapat pulangan yang berpatutan sementara pengguna mendapat bekalan yang mencukupi dan selamat. Ini kerana lebih daripada 60% hingga 70% hasil keluaran mudah rosak di negara ini adalah dipasarkan menerusi pasar borong sebelum ianya sampai kepada pengguna, sedangkan sistem pemborongan yang sedia ada kurang berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan sektor pertanian.

Selain itu, pindaan ini juga memberi FAMA kuasa bagi menggubal peraturan yang lebih komprehensif dan kondusif berhubung dengan pelaksanaan standard kualiti, pembungkusan dan pelabelan keluaran pertanian supaya ianya seiring dengan sistem pemasaran moden yang akan dilaksanakan dan dasar liberalisasi pemasaran dunia. Ini termasuklah membantu Kementerian Kesihatan bagi melindungi dan menjamin keselamatan pengguna melalui pembekalan bahan makanan yang berkualiti, bebas daripada sebarang pencemaran dan keracunan. Melalui peraturan pelabelan FAMA dapat mengesan pengeluar atau pembekal yang terlibat dalam pembekalan keluaran pertanian yang tidak berkualiti.

Melalui pindaan ini juga FAMA akan mempunyai kuasa untuk mengumpul dan menyebarkan maklumat yang dapat menggalakkan pewujudan sistem pemasaran yang moden dan penggunaan teknologi maklumat. Pindaan ini juga bertujuan memberi FAMA kuasa melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan cara lebih berkesan melalui pengenalan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan di bawah Akta FAMA dan peraturan di bawahnya berbanding dengan tindakan menerusi mahkamah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada peruntukan akta sedia ada dan tambahan peruntukan baru seperti yang dicadangkan tidak akan melibatkan pertambahan perbelanjaan secara langsung atau pengambilan kakitangan baru Lembaga. Sebarang keperluan perbelanjaan akan menggunakan peruntukan kewangan Lembaga yang sedia ada. Walau bagaimanapun, dengan adanya pindaan ini peningkatan perbelanjaan secara tidak langsung mungkin akan dialami di mana Lembaga terpaksa melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan baru yang dirangkumi di bawah pindaan dan sungguhpun demikian peningkatan perbelanjaan tidak langsung adalah minimum.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan akta pindaan Akta 141 akan membolehkan FAMA mengambil bahagian cergas dalam mewujudkan dan membentuk sistem pemasaran keluaran pertanian yang lebih progresif, moden bersistematik, adil dan telus. Langkah ini akan dapat menjana pembangunan sektor pengeluaran pertanian dan makanan negara ke arah yang lebih maju dan dinamik. Kuasa yang diberikan kepada FAMA dalam menyelaras aktiviti pemasaran akan menjadi faktor penentu ke arah mencapai matlamat mentransformasikan sektor pertanian sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pertanian. Sebaliknya fungsi dan kuasa FAMA yang agak terbatas sekarang akan menyukarkan FAMA dalam menyelesaikan isu pemasaran dengan berkesan.

Pindaan ini juga akan membolehkan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan FAMA lebih mudah khususnya dalam mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang melanggar akta dan peraturan-peraturan pemasaran yang dikuatkuasakan oleh FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004 dibentangkan untuk bacaan kali kedua. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jasin.

4.10 ptg

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut serta untuk sama-sama membahaskan pindaan rang undang-undang Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 ini yang mana kita lihat pada hari ini FAMA ini dia punya nama sahaja gah Tuan Yang di-Pertua – *Federal Agricultural Marketing Authority* dan apabila kita lihat bahawa FAMA ini sudah wujud sudah lebih 39 tahun, kita lihat bahawa setakat hari ini prasarananya lengkap. Tiap-tiap negeri ada bilik sejuk. Tiap-tiap negeri di kawasan-kawasan ada lori, ada apa.

Tetapi malangnya setakat hari ini bagi pihak saya mewakili kawasan luar bandar di Jasin, saya amat dukacitalah peranan FAMA setakat hari ini.

Kita berharap dengan akta yang kita sama-sama akan pinda ini supaya FAMA dengan akta yang baru, dengan kuasa yang baru, kita hendakkan supaya ia berubah kerana pada hari ini hasrat kerajaan hendak menjadikan pertanian sebagai suatu *growth* ekonomi yang baru hanya akan tercapai sekiranya *marketing* agensi FAMA ini bertindak dengan sewajarnya. Kalau tidak ada, masalah dia kita tengok akan berlarutan sehingga ke mana-mana.

Pernah saya bincangkan semasa perbekalan Kementerian Pertanian yang mana orang kampung ini Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja kita suruh, suruh tanam produk-produk baru, tanaman-tanaman baru, mereka akan buat. Mereka akan kerjakan. Tetapi masalah yang paling besar yang kita hadapi pada hari ini ialah tentang pemasarannya. Ini pernah berlaku pada tahun 1993 apabila kerajaan negeri Melaka telah membuat suatu dasar untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar.

Satu produk telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri Melaka, di kawasan Jasin sahaja telah berbelanja lebih daripada RM3 juta untuk orang-orang kampung yang mana ada kawasan tanah terbiar ini menanam dengan pokok mangga yang dinamakan *Malacca Delight*. Sambutan orang kampung sehingga pada hari ini 1,000 ekar telah ditanam dengan mangga *Malacca Delight* ini. Tetapi akhir-akhir ini, kebanyakan daripada kawasan tanaman mangga ini tertinggal begitu sahaja kerana soal FAMA tidak dapat mengatasi masalah pemasarannya. Pada peringkat awal, memang cantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila. Masalah yang sama.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya, apabila Yang Berhormat bagi Jasin menyebut tentang *Malacca Delight* ini, Tangga Batu tidak terlepas daripada masalah yang serupa.

Apabila di kawasan Tangga Batu sahaja kita mempunyai lebih 500 ekar yang telah diusahakan untuk menanam *Malacca Delight*. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jasin bahawa oleh kerana kesungguhan petani-petani kita ini, penanam-penanam *Malacca Delight* kita ini, mereka telah pun menghasilkan satu jenama mangga iaitu

Malacca Delight yang hari ini kalau dibandingkan dengan apa juga produk pertanian serta pengeluaran, *Malacca Delight* ini adalah mangga yang paling manis sekali dan memang diakui cita rasanya ini oleh banyak pihak. Hari ini kita dapati lambakan yang begitu banyak *Malacca Delight* bukan sahaja di seluruh negara bahkan di negeri Melaka sendiri hari yang harganya merudum hingga ke RM1.50 satu kilogram. Boleh beri penjelasan Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat sama ada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Yang sebenarnya *Malacca Delight* ini namanya sahaja yang orang Melaka bagi. Mangga yang kita tanam ini daripada spesis daripada Thailand – *Choknum* nama dia. Hanya kita sahaja di Melaka letakkan sebagai *Malacca Delight* Yang menjadi masalah itu benar. Kalau harga mangga ini di bawah daripada RM1.50 sekilogram, maka petani-petani akan buang masa kerana hendak ditaruh bajanya (*fertilizer*), kimianya dan sebagainya dan upah kerja dan sebagainya. Pada hari ini mengapa? Tidakkah boleh FAMA bekerjasama dengan pasar raya-pasar raya besar. Biarlah kalau *Malacca Delight* tidak mahu pakai nama Melaka, marah sangat pun. Mungkin Melaka, *Choknum* ini menjadikan FAMA 'best'. Ambillah nama FAMA 'best', jenama ini tetapi kita harap pemasaran yang lebih baik pada masa akan datang.

Kalau tidak ada begitu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat usaha kita ini habis begitu sahaja. Saya percaya dan yakin di kawasan Parlimen Jasin sahaja 1,000 ekar pokok sudah ada. Hanya pada hari ini kawasan itu terbiar kerana masalah pemasaran yang kita hadapi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Mungkin yang tersirat saya memang faham Yang Berhormat bagi Jasin mempunyai masalah pertanian ini. Kita selalu sangat hendak bercakap fasal FAMA. Kebetulan saya balik kawasan saya semalam, FAMA sedang mempromosikan barang-barang tempatan di Bukit Merah Lake Town. Bermakna FAMA telah menembusi satu pusat pelancongan. Setidak-tidaknya ada pelancongan datang. Ini yang kita harapkan, kerana kita minta supaya FAMA - pasar tani kita lupakan, kita bagi kepada JKKK untuk mengendalikan. Kita hendak mereka pergi jauh ke peringkat lebih global.

Setujukah Yang Berhormat, mungkin FAMA kepimpinan baru ini akan ditukar. Saya difahamkan sahabat saya daripada Pontian akan mengambil alih. Dia pun

senyum. Setidak-tidaknya dia merasai apa yang kita rasai. Ataupun dia boleh sediakan dua atau tiga tempat untuk Ahli Parlimen turut sama dalam promosi yang dibuat di peringkat antarabangsa. Macam mana Yang Berhormat setuju atau tidak? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju sangat. Yang sebenarnya Yang Berhormat bagi Larut, prasarana kita sudah cukup. Di FAMA kalau kita lihat melalui anak syarikat ataupun jenama dia kalau kita lihat dekat *highway* pun ada kedai dia bernama LAZARIA. Di Melaka, kawasan pelancongan ada dia punya kedai - LAZARIA tetapi kalau kita tengok kedai yang ada pada hari ini kalau Yang Berhormat datang ke Melaka, balik singgah dekat dia punya kedai, bukan dia jual buah-buahan ataupun keluar pertanian yang dikeluarkan oleh petani. Dia jual rokok dan gula *hacks*. Ini yang kita hairan.

Itulah sebab kita berharap dengan adanya penggubalan akta undang-undang baru ini, kita berharap jangan sangat kita hendak pergi *commercialize*. FAMA ini ialah badan yang hendak membantu. Badan yang bukan hendak mencari untung tetapi badan yang hendak menyelesaikan masalah petani-petani. Kalau kita hendak ikutkan untung rugi ini, tidak ada guna kita guna FAMA. Ini suatu badan kerajaan. Kita kena servis orang-orang kampung.

Kita minta mereka tanam, buat ini buat itu, mereka buat. Kerana saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, tahun 2000 apabila kita kekurangan kelapa di Malaysia. Saya kebetulan berniaga di *Barter Trade Port* Melaka. Orang FAMA minta saya import kelapa. Saya telah menghubungi rakan-rakan saya di Indonesia dan import kelapa, berpuluh-puluh ribu. FAMA ambil nama, besok keluar surat khabar mengatakan FAMA mengimport kelapa untuk mengatasi masalah kekurangan kelapa. Tak apalah, saya import dia bayar dekat saya.

Tetapi malangnya apa yang tengok FAMA ini tidak bertanggungjawab. Kali pertama – *shipment* yang pertama dia ambil semua. *Shipment* yang kedua, dia ambil semua. Saya pun seronok. Kali yang ketiga dia *order*, akhirnya dia bawa satu kawan, yang mana kelapa yang besar sahaja diambil, yang kecil dia tinggalkan kepada saya. Tiga trip saya bawa masuk kelapa melalui Pelabuhan Melaka, kali yang ketiga itu rugi, yang untung kali yang pertama dan kedua itu pun ranap habis semua.

Dia hendak nama tetapi dia memikirkan soal keuntungan. Ini yang kita tidak mahu. Sebagai agensi pelaksanaan, kita berharap supaya FAMA ini kita kena ada

satu *fund* yang mana untung rugi kita kena bantu dan apa sahaja yang dikeluarkan oleh orang kampung di bawah Kementerian Pertanian ini akan kita lancarkan kelak ini, FAMA terpaksa ambil dan menggunakan prasarana yang ada dekat FAMA melalui kedai LAZARIA dia dengan *cold room* yang sudah ada, dengan segala prasarana yang ada, lori pun ada, kita minta supaya FAMA tolong pasarkan keluaran pertanian orang-orang kampung ini.

Ini jangan besok bila kira-kira dia rugi, dia pun buat tak tahu dia tinggal sahaja. Ini berlaku kepada *Malacca Delight*. Hari ini FAMA telah menyiapkan prasarananya, pusat pengumpulan dia di kampung. Tempat mencuci buah, menjaga kualiti, semua ada. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pegawai pun yang duduk di situ untuk mengawal mutu.

Apa yang pegawai ini buat ialah datang dua-tiga kali seminggu. Dia datang berjumpa dengan kita, Pengerusi JKK ataupun ketua tani di kawasan kampung itu ambil data – berapa mangga dijual. Orang kampung pun termenung, dia kata, “Semalam saya jual 500 kilo”, dia pun letak 500 kilo. Hanya seronok atas data sahaja, pelaksanaannya dan fizikal di kampung itu, kadang-kadang tidak ada keluar pun buah mangga tetapi hendak menyeronokkan pegawai FAMA ini.

Kalau kita hendak lihat supaya pertanian ini dan bahan-bahan pertanian ini di peringkat antarabangsa, kita berharap FAMA juga memainkan peranan, jangan biarkan kepada Jabatan Pertanian kerana FAMA ini juga hendakkan kualiti buah-buahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa FAMA ini jangan hanya diharapkan Kementerian Pertanian sahaja yang hendak menguruskannya. Kalau Yang Berhormat bersetuju, apabila Ahli Yang Berhormat bagi Pontian mengambil alih FAMA ini, mungkin dia boleh membawa jauh, kita cadangkan dipinda akta ini dijadikan sebuah perbadanan supaya ia boleh berkembang dengan lebih jauh sebagai sebuah badan yang lebih hebat lagi. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Kita minta supaya diubah Lembaga FAMA ini menjadi lebih luas dan besar – menjadi sebuah perbadanan apabila diterajui oleh sahabat kita Ahli Yang Berhormat bagi Pontian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Apa yang kita minta supaya FAMA pada masa yang akan

datang kalau boleh diterajui oleh sahabat kita yang akan datang, kita hendakkan FAMA ini menjadi *global player*, janganlah menjadi hero kampung.

Kita tahu bahawa *emerging market* pada hari ini ialah negeri China dan kita tahu negeri China pada hari ini, masalahnya hendak menanam kelapa sawit pun tidak boleh fasal dia ada empat musim. Saya bertanya kepada rakan-rakan saya yang balik daripada negeri China dia katakan buah papaya mahal harganya sehinggakan RM10 ataupun RM20 sebiji dan kebanyakan papaya yang dimakan oleh rakyat negeri China sekarang ini diimport daripada Hawaii. Mengapa tidak FAMA hantar pegawainya duduk di sana, di negeri China.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Apa dia? [*Ketawa*] Sila, orang kampung lagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Jasin, banyak rungutan tentang FAMA dan nampaknya usaha FAMA memasarkan barangan Malaysia ini memang gagal. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, di negara Eropah dan di negara China pun saya nampak produk negara kita, orkid tetapi dieksport dan kalau sampai ke negara lain itu adalah barang yang diimport dari Singapura, itulah masalahnya. Bagaimana Yang Berhormat dapat memberi cadangan untuk membuat *revamp* balik FAMA ini? Bagaimana kita mempertingkatkan keberkesanan FAMA dan apakah strategi kita mengenai masalah ini? Minta pandangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, orang Jasin juga. Masalah buah mangga di kampung dia pun memeningkan kepala saya juga [*Ketawa*]. Kita berharap supaya FAMA ini dilihat dari kegagalannya yang di belakang ini. Apakah kegagalannya? Tubuhkan satu *think-tank group*, kalau perlukan pertolongan Ahli Parlimen kita sanggup berkorban bersama-sama. Ini, kadang-kadang dalam *Ministry of Agriculture (Incorporated)* tetapi hak engkau hak engkau, hak aku hak aku. Sudah macam cerita P.Ramlee.

Sepatutnya kalau kita menghadapi masalah yang disebutkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ini, MARDI di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini juga kena buat *research* bagaimana hendak membaiki mutu buah-buahan dan pokok-pokok. Ini masalah buah ini, Tuan Yang di-Pertua. Ha, ini orang hendak *consume*, orang hendak makan.

Itulah sebabnya kadang-kadang kita lihat di negara luar orang lebih memilih produk yang dikeluarkan oleh Singapura, mengapa? Kalau kita tengok di luar negara, minuman nanas ataupun nanas di dalam tin ini, kebanyakan nanas ditanam di Pontian, Batu Pahat dan Pekan Nanas tetapi kalau kita tengok pada kotak (*can*) di luar negeri "*Produce of Singapore*". Bagaimana boleh berlaku macam ini? Tidakkah nanas ini datang daripada Malaysia? Mengapa tidak kita buat? Ini mungkin kerana cara *Singapore marketing* lebih hebat daripada kita. Jadi, kita sebagai *Federal Agriculture Marketing Authority [Disampuk]* kenalah baiki perkara ini. Kalau perlu *research* yang lebih mendalam, kita buat *research*.

Sejak 39 tahun ceritanya bak kata sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Larut, kejayaan FAMA hari ialah mengadakan Pasar Tani. Kalau kita tengok pun Pasar Tani di kawasan saya di Jasin pun ada juga tetapi bukan petani yang menjual barang-barang dia, masih orang tengah lagi. Kita kena buat lebih R&D fasal kadang-kadang kita kena mengubah cara selera orang kita.

Sebagai contoh, kalau kawan kita sakit di hospital. Dalam kepala kita ini, mesti beli buah epal atau buah anggur. Mengapa tidak boleh fikir kita bawakan jambu batu, jambu air, jambu berteh atau pisang untuk dihantar kepada rakan-rakan kita? Yang ini kerja FAMA supaya menukar selera orang Malaysia. Kadangkala kita melihat jamuan-jamuan besar negara, kita kena pastikan bahawa buah-buah tempatan kita yang dikeluarkan oleh orang kampung ini menjadi menu istimewa. Ini, buah lai atau buah anggur walhal buah-buahan kita ini khasiatnya tidak ada beza dengan buah-buahan ini malah ada kajian mengatakan bahawa buah-buahan keluaran negara kita ini lebih baik daripada yang diimport.

Saya berharap dengan adanya akta yang baru ini, yang kita perbaiki pada hari ini FAMA perlu berubah wajah. Kita lihat di negara jiran kita pada hari ini, soal *marketing* buah-buahan - orang FAMA adakah pergi ke Indonesia? Kita pergi ke Medan, Pekan Baru, Jakarta, Jogja dan sebagainya, mereka sekarang ini menjual buah-buahan di kedai yang besar-besar atas jenama *Fruit King* dengan *airconditionnya* sudah macam kedai 7-Eleven mereka buat di Indonesia tetapi di Malaysia, Lazaria, Syarikat FAMA menjual Hacks, Hudson dan rokok, buah-buahan tidak ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta Penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Baguslah, Yang Berhormat. Saya tidak tahu kawasan Yang Berhormat ini memang kawasan pertanian. Selama hari ini saya nampak Melaka ini Bandaraya Bersejarah sahaja. Syabas, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun sama. [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya memang kawasan pertanian. Yang Berhormat mungkin bersetuju tempat kita sendiri pun yang menjual buah-buah tempatan, baik rambutan, ciku, dokong raja atau manggis ialah orang Indonesia. Mana ada orang lain lagi, tidak ada. Inilah, kalau boleh kita minta sebagaimana yang saya katakan tadi, FAMA mesti menjadi sebuah perbadanan, bukan lagi Lembaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jasin. Apa yang hendak ditambah sekarang?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak kuatkan lagi, supaya Yang Berhormat pun bersetuju juga. Jadi, bersetujukah Yang Berhormat supaya kita melihat perkara ini agar pegawai-pegawai FAMA yang ada ini mestilah turun ke bawah, turun ke padang melihat petani-petani yang begitu gigih hendak memajukan pertanian kita tetapi mereka pun tidak memakan buah tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini pun sudah cukup kuatlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Itulah sebabnya kita berharap supaya FAMA di masa akan datang, kita tahu kelemahan kita dan kita harus mewujudkan usahawan-usahawan di kalangan orang kita, orang-orang kampung yang menjadi pengedar, pemborong buah-buahan kerana pada hari ini FAMA ada semua, di tiap-tiap negeri ada.

Macam apa yang berlaku saya lihat apabila merayau-rayau masa pemilihan UMNO. Saya lalu di Terengganu, buah binjai, buah binjai masam. Buah binjai masam di Terengganu tidak laku, dijual longgok. Satu baldi dekat 15 biji, RM5. Kalau binjai ini dibawa ke Melaka, buah kemang ini, sebiji RM3. Di mana *marketing research* yang disebut dalam Akta ini?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita ini, minta maaflah Yang Berhormat bagi Jasin, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang macam hangat-hangat tahi ayam. Dahulu Setiausaha Parlimen jawab, saya ketengahkan ini, jus *roselle* ini, yang mana khasiatnya enam kali, tujuh kali, sembilan kali lebih baik daripada oren.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti boleh berucaplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Jadi, benda-benda macam inilah kadang-kadang kita tengok tidak konsisten, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, mintalah Kementerian Pertanian, saya tahu Setiausaha Parlimen memang gigih. Setiausaha Parlimen yang ada ini, kadang-kadang di luar pun berdebat kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lebih elok mohon berucap nanti.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat supaya baik FAMA, agensi-agensi kerajaan yang lain lebih konsisten kalau mempromosikan bahan-bahan tempatan kita ini? Kalau tidak, esok kita ini sudah tidak tinggal apa sudah. Ada sepak takraw pun, minta maaflah Yang Berhormat bagi Sri Gading,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hey! Janganlah!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Contoh, hari ini orang mengatakan sepak takraw.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada kena-mengena dengan FAMA.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Contoh, contoh, contoh! yalah, ini bab pertanian. Contoh! Sedangkan sepak takraw ini diasaskan zaman Tun Perak, di Melaka. Yang Berhormat bagi Sri Gading adalah Presiden Sepak Takraw Johor, walaupun kalah dengan Myanmar. Masalahnya sekarang, orang mengatakan sepak takraw, hari ini adalah diasaskan oleh Thailand. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Jasin? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Larut punya fasal *roselle*, tidak habis-habis dengan dia punya *roselle*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, berapa minit diperlukan lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya boleh pergi lagi, Tuan Yang di-Pertua. FAMA ini memang darah daging saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau banyak hendak cerita, tolong bantu kawal masa sedikit, jaga sedikit masa.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk rakan-rakan yang lain.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Okay, Tuan Yang di-Pertua. Fasal masalah yang kita hadapi ini besar sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak kawan-kawan ini janganlah kacaukan? Masalah ini besar, kita hadapi. Negara kita ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, apa yang tidak ada? Cucuk, tanam, hidup! Cucuk, tanam, hidup, jadi! Apa sahaja! Tetapi masalahnya apa yang dicucuk ini, apabila dia hidup, mengeluarkan hasil, ini yang menjadi masalah kita pada hari ini. *[Ketawa]* Ini masalah kita hari ini!

Jadi, saya berharap demi untuk menjimatkan masa, rakan-rakan saya sudah *signal*, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands banyak hal lagi, saya berharap dengan akta, undang-undang yang kita bahas

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, fahamkah, cucuk, hidup, keluar hasil?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bangun atas mana satu Peraturan Mesyuarat? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya berharap FAMA ini biarlah menjadi Federal Agricultural Marketing Authority yang sebenar-benarnya. Jangan kita retorik sahaja. Retorik semua hendak, semua. Banyak lagi pengeluaran-pengeluaran orang kampung yang saya katakan tadi masih kita tidak dapat selesaikan. Hanya sekarang ini, prasarana dia ada.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Satu kawasan dengan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Nampaknya pengkhususan Yang Berhormat bagi Jasin ini ke arah *marketability*, iaitu sistem pemasaran produk pertanian ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jasin, saya mencuba satu produk pertanian kita iaitu kerepek ubi yang dipakejkan dalam keadaan yang begitu cantik, setanding dengan pakej luar negara. Apabila kita buka, kandungannya separuh, kerepek ubi di dalamnya pecah-pecah dan saya rasa tiga keping berbau hapak. Ini salah satu daripada perkara yang berlaku, peristiwa yang berlaku yang boleh menjejaskan kebolehan pasaran produk-produk pertanian kita. Apa komen Yang Berhormat bagi Jasin dari segi apa yang berlaku ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Macam saya sebutkan tadi, di bawah MOA, semua lengkap. Kita ada MARDI. Yang dihebohkan sangat hendak buat *research* pokok-pokok baru ini fasal apa? Pengeluaran yang ada ini. Bagaimana ubi kayu kita hendak pelbagaikan? Bagaimana supaya ubi kayu ini kalau dihiris leper-leper menjadi *chips*, dia akan terus tegak. Apa jadi pun tegak. *[Ketawa]* Ini seharusnya dibuat *research*. Hasil daripada *research* itu bagi pada FAMA, kontrak *farming* atau apa semua kita pastikan bahawa keluaran-keluaran kita berkualiti.

Ini kita dengar cerita sahaja. *Research* tidak dibuat pemasaran yang benar. Saya dengar kata dodol, pengeluaran orang kampung. Orang Jepun punya seronok makan dodol, tetapi berapa ramai. FAMA adakah buat hasil-hasil petani ini, dodol yang dibuat di kampung ini, sudah dihantar ke Jepun? Cencaluk di Melaka? Saya dapat berita awang-awangan, Tuan Yang di-Pertua, dia kata orang Korea makan cencaluk ini macam kita makan kicap! Punya seronok dia! Kalau macam ini sahabat saya di Tangga Batu, industri cencaluk akan menjadi yang terbesar di dunia!

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga belacan. Tetapi kadang-kadang kita ini, Tuan Yang di-Pertua, kita terlampau retorik, Tuan Yang di-Pertua. Terlampau retorik! Cakap sahaja! Benda tidak ada! Jadi, kita kena buat kajian balik ke belakang, yang mana yang diusahakan oleh petani-petani kita pada hari ini, tanaman-tanaman tradisional kampung-kampung

kita pada hari in, yang di luar bandar ini, harus dimainkan peranan oleh semua agensi di bawah Kementerian Pertanian. Kalau perlu diperbaiki, kita perbaiki, *packaging* dan sebagainya dan FAMA memasarkannya di peringkat antarabangsa.

Barulah gah Federal Agricultural Marketing Authority! Ini setakat main jadi hero kampung, pasar malam, pasar tani. Standard JKKK, Tuan Yang di-Pertua! Jadi, kita berharap dengan adanya akta-akta yang kita akan meminda pada petang ini, memberi satu kuasa kepada FAMA supaya ia akan bertindak dengan lebih hebat pada masa akan datang supaya dapat meninggikan pendapatan orang-orang kampung. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

4.38 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ribuan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang FAMA ini. Terlebih dahulu saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada betapa murninya strategi FAMA dalam DPN ke 3. Saya terharu kerana strateginya ialah meningkatkan keselamatan makanan dan mengawal inflasi. Meningkatkan produktiviti, meningkatkan pelaburan sektor swasta, saya tekankan sektor swasta, meningkatkan produktiviti sektor swasta, meningkatkan eksport pertanian, pembangunan sumber manusia dan rasionalisasi institusi kerajaan.

Maka, perkara pertama yang ingin saya bahaskan di sini adalah perkara yang berkaitan dengan perubahan dalam Rang Undang-undang ini di mana, dengan izin, disebut,

“No member of the Authority shall incur personal liability for any loss or damage caused by any act undertaken by him in administering the affairs of the Authority, unless the loss or damage is occasioned by an intentionally wrongful act on his part.”

Maka, saya balik kepada Lembaga, Ahli-ahli Lembaga, maka kuasa dan liabiliti ahli-ahli Lembaga. Adakah FAMA ini merupakan satu institusi kerajaan ataupun swasta? Katakan kerajaan, maka kita tidak boleh menjalankan satu institusi yang harus ada *accountability* dengan adanya klausa-klausa yang sebegini di mana kalau dia melakukan apa-apa kesalahan yang mengikut interpretasi, *unintentional*.

Interpretasi ini macam-macam boleh buat. Di dalam *court of law*, dengan izin orang yang bunuh pun boleh lepas keluar. Maka *clause* ini mungkin memberi satu kesenggangan kepada tatatertibnya kerana terlebih dahulu ada diceritakan di sini, dengan telus, adil dan saksama segala keputusan yang perlu dibuat mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, seorang sahabat saya juga. Beliau banyak berbicara di luar. Maka saya rasa kekurangan-kekurangan ini, yang ada di sini mungkin akan memberi peluang untuk penyalahgunaan kuasa, peluang untuk membuat keputusan-keputusan di mana kesannya tidak ditanggung sendiri.

Maka inilah kelemahan yang sedia ada, mungkin FAMA perlu mengubah strategi ke arah prinsip-prinsip *business* dan akauntabiliti yang harus tersemat dalam proses mengambil keputusan. Kalau seorang tauke, misalnya di Cameron Highlands ada banyak pekebun yang melabur berjuta-juta ringgit untuk menjalankan satu *business*. Maka apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah menanggung risiko. Tetapi FAMA Lembaganya diberi banyak duit. Saya dengar, saya tengok RM43.7 juta diberi kepada FAMA untuk 2005. Maka duit sebanyak itu diberikan kepada mereka dan apabila ada kerugian, tiada keuntungan, maka dia kata tidak boleh itu, tidak boleh ini, inilah masalahnya di peringkat akar umbi tidak boleh juallah, macam-macam cerita.

Maka segala kerenah itu perlu diperbetulkan dan orang-orang yang masuk ke sana sebagai Lembaga mesti ada rekod *business*. Maka salah satu cadangan yang mungkin kita sama-sama boleh bicara dan memberi ketakulan, *reasoning* dengan izin adalah, bolehkah satu entiti FAMA yang mencampurkan kedua-dua kepakaran orang swasta yang pakar dalam sesuatu *business* digabungkan dengan kakitangan kerajaan supaya FAMA benar-benar relevan kepada dunia perniagaan sekarang. Maka ini saya tidak tahu, ini berkaitan mungkin dengan dasar dan sebagainya.

Sebagai contoh saya bagi Syarikat Holland, *joint venture* (JV) dengan izin, dengan sebuah syarikat di Malaysia dan membuka satu R&D di mana dia menjual benih-benih tomato. Bagi 1,000 benih tomato dijual RM250. Apakah ini tidak boleh dibuat oleh FAMA – JV dengan MARDI? Boleh saya rasa. Dia boleh cari duit ini dan semua petani kena beli daripada dia kerana kalau benih itu ditanam, ambil dari dia sendiri, dia buat sendiri, dia akan jadi kuning, dia punya tomato cacat, tidak cantik dan tomato ini untuk dieksport *market*nya cukup luas di Taiwan, di Japan, di Singapura.

Maka dia harus menggunakan benih itu baru boleh jadi. Dia akan merah-

merah. Apabila potong *slice*, makan manis betul. Tomato yang kita makan di pasar-pasar kita, rasanya tidak berapa sedap, dia masin sedikit, tetapi yang ini manis. Ada satu tomato kecil sekarang masuk dalam kuah, terus makan sahaja. *Fantastic* tomato itu. Dia macam *strawberry* rasanya kalau dimakan. Tomato yang *distrawberry*kan atau *strawberry* yang ditomatokan, ini dia yang kelebihannya.

Saya rasa inilah masalahnya, maka segalanya adalah indah khabar dari rupa, menanam tebu di bibir sahaja, membina mahligai di udara. Maka kita kena melihat isu secara jujur, secara serius...betul tidak?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Membina mahligai di udara? Wayang-wayang belaka.. Terima kasih. Maka kita balik ke sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benar-benar prihatin kepada rakyat jelata di bawah untuk memperkasakan mereka supaya menjadi petani-petani global yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, maka hala tuju FAMA perlu dijuruterakan semula.

Reengineer. Kalau tidak 10 tahun lagi kita akan balik ke Dewan ini tepuk dada tanya selera, syok sendiri. Seperti ketua pembangkang tadi bising-bising, syok sendiri, maka inilah ceritanya. Kita balik ke cerita lama, cerita lama, akan dikaji semula, betul tidak? Inilah ceritanya. Maka saya rasa inilah boleh dilihat secara serius kerana potensinya saya nampak di Cameron Highlands. FAMA jauh ketinggalan. Tidak boleh pasar sehingga sekarang pusatnya sudah *slow down*, semua tidak boleh bersaing dengan petani di sana yang boleh buat pasaran kerana pasaran itu terlalu menggunakan akal fikiran dan *business accrue*. Tidak boleh disenanglenangkan.

Maka *transports* yang *control*, yang bawa kubis ini, yang bawa sayur ini, dia *control* petani dan juga pasar borong. Dia tentukan harga kerana dia memberi pinjaman kepada petani-petani terlebih dahulu kerana kos untuk mereka tanam terlalu tinggi, untuk segala prasarana dia bagi. Selepas itu dia bagi tahu, "Okay, you i tidak payah bayar, balik sekarang". Apabila you sudah habis pengeluaran itu, bagi dekat saya, saya akan tentukan harga. Inilah perkotak-katikkan para petani.

Seorang Ahli: Dipermain-main.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Dipermain-mainkan. Maka petani kita jadi mangsa. Tetapi FAMA dalam strategi mereka adalah untuk memperkasakan petani. So, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adakah kita membuat *business*? *Are we doing Business in FAMA or are we going to give support for the farmers to grow as meant*

to be itself. Maka apa peranan kerajaan. Peranan kerajaan adalah untuk memperkasakan rakyat. Rakyat itu petani juga. Adakah kita hendak memainkan peranan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kita hendak membuat *business*, bukan ini tempatnya. Lebih baik kita dapatkan mereka, kita perkasakan dasar-dasar dan asas-asas untuk mereka cari makan dengan lebih baik dan memperkasakan lagi industri pertanian kita. Itu peranan kita. *Support them.* Itu ceritanya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, maka saya balik kepada yang tadi, Ahli-ahli Lembaga mesti dicampurbaurkan dengan yang swasta dan kerajaan. Baru betul tempatnya. Mungkin sensitif isunya, tetapi boleh...kalau di dalam Dewan yang mulia ini kita tidak boleh cerita yang sensitif, ini tidak payahlah banyak cerita ya.

Yang ketiga, bunga, sayur dan *strawberry*. Lambang Cameron Highlands. Saya balik ke Cameron Highlands kerana pengalaman itu saya taburkan di sini. Kenapakah para petani di sana amat berjaya dalam pemasaran mereka ke luar negara?

Bunga *Chrysanthemum* merupakan dua yang terbanyak dibeli di Jepun dan di Taiwan. FAMA tidak boleh pasaran, tetapi orang perseorangan, persatuan-persatuan penanam bunga - berjaya. Maka apakah kekurangan di sini dan kelebihan di sana? Kita boleh duduk berbincang bersama. Inilah masalahnya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *why the farmers can succeed, but we cannot succeed?* Inilah masalahnya. Maka salah satu sebab saya rasa adalah ketidakinginan pegawai-pegawai kita untuk duduk sembang, bincang.

Ir. Dr. Wee Ka Siong Hitam: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Jiran saya yang ini selalu kacau, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Okay.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, tahniah kerana memperjuangkan petani di Cameron Highlands dan Yang Berhormat ada menyebut tentang kegagalan FAMA di Cameron Highlands. Ini adalah satu hakikat yang memang tidak dapat kita nafikan dan baru-baru ini juga saya rasa petani-petani yang menanam kubis di Cameron Highlands menghadapi masalah, di mana pandangan pegawai FAMA yang

tidak tepat menyebabkan AP itu melambak untuk mengimport kubis daripada luar negeri, masuk ke Malaysia menyebabkan mereka yang menanam kubis di Cameron Highlands ini harganya memang rendah. Rintihan ini juga dibawa dalam Perhimpunan Agung Pemuda MCA dan ini adalah satu masalah. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah dan bagaimana kita hendak menegur sedikit FAMA agar mereka tidak mengulang lagi kesilapan tersebut.

Tuan Devamany a/l Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang masalah ini masalah sejak zaman dahulu kala. Cameron Highlands mengeluarkan 3,700 tan kubis. Tetapi pada musim-musim perayaan AP dikeluarkan kadang-kadang sepanjang tahun untuk pengimportan kubis-kubis daripada negeri China, Indonesia dan Thailand. Kos 1 kg kubis adalah 67 sen di Cameron Highlands. Tetapi negeri China boleh menjual kubisnya di pasar borong Ipoh untuk 35 sen. Macam mana kita hendak bersaing dengan Negeri China? Lebih-lebih lagi dalam masa depan AFTA akan diperkenalkan, maka tidak boleh kita letakkan apa-apa sekatan. Maka saya amat setuju dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, salah satu masalah adalah maklum balas yang diberi oleh pegawai-pegawai FAMA di peringkat akar umbi kepada peringkat atasan yang secara tidak langsung ada kaitan dengan keputusan yang dibuat untuk pengeluaran AP.

Bila kita sampai musim perayaan, kita rasa bahawa penggunaannya akan melambak, maka kerajaan akan membuat satu andaian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, banyak ini orang akan gunakan kubis, maka pengeluaran kubis dari Cameron Highlands sebanyak 3,700 tan dan mereka perlukan 10,000 tan, maka mereka akan mengeluarkan AP untuk pastikan bahawa 6,300 tan lagi akan diperlukan. Maka maklum balas itu salah kerana ada pegawai-pegawai FAMA, bukan saya hendak menjatuhkan imej pegawai-pegawai, itulah, balik-balik kepada *human factor*, Tuan Yang di-Pertua, maka mereka duduk di kedai kopi kerana kebun-kebun di Cameron Highlands bertaburan di gunung-ganang.

Kalau kita masuk ke sana, you masuk dalam *farm*, kita tidak tahu di mana kita berada, begitu luas, beribu-ribu ekar, susah untuk pegawai FAMA hendak turun dari satu demi satu untuk mengambil perangkaan. Okay, *farm* ini berapa pengeluarannya, bila akan dikeluarkan, bila bulannya akan dikeluarkan, kerana ini berkaitan dengan musim hujan dan bukan hujan.

Tuan Yang di-Pertua, maka apa yang berlaku ialah mereka masuk ke sana, mereka duduk di kedai kopi, mereka minta daripada pekebun maklumat yang dikehendaki, pekebun ini takut. Bila you tanya dia berapa you keluarkan, dia takut hendak bagi tahu, dia ingat mungkin ada ya, *income tax* kah, inilah, itulah dan sebagainya, maka dia pun ambil kutip-kutip sahaja macam itu, tanya-tanya melalui mulut dan mereka terus tulis dan buat laporan.

Maka apa yang berlaku adalah keputusan yang kemudiannya mengikut maklumat yang diberi adalah salah, maka dasar salah, keputusan salah, pengeluaran AP sudah salah, maka segala-galanya adalah tidak betul. *[Disampuk]* Ini masalahnya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sama juga dengan faktor-faktor yang lain. Sama juga ya, Yang Berhormat hendak tanyakah, Yang Berhormat bagi Jasin? Betulkah ini? Tuan Yang di-Pertua, saya kena ada masa lebih sedikit, minta tolong fasal banyak mahu cerita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, setuju atau tidak dengan saya bahawa AP kubis ini ada satu badan yang memegangnya, yang mereka ini bukan pengimport, dia datang ke pelabuhan-pelabuhan, termasuk pelabuhan di Melaka, nak jual AP dengan *charge* RM10 bagi satu tan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, meludah ke langit timpa di hidung sendiri. *[Disampuk]* Oh! Tak tahu erti? *[Ketawa]* Kalau adalah budaya macam ini, kita jahanamkan rakyat kita sendiri, kalaulah AP-AP dijual secara sewenang-wenangnya tanpa bertanggungjawab matilah petani-petani, maka kita makan 'pasi'ak' sahaja, mengikut bahasa Yang Berhormat bagi Jerai, 'pasi'ak', loghat Kedah ni dia ula' belengka' tepi paga'. Ha, itulah. Maka inilah, saya tidak tahu kebenaran, tohmahan yang dilontarkan tadi. Tetapi kalau benarlah, saya minta supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jenguk-jenguklah sedikit supaya benda ini tidak terjadi. Okey, baiklah.

Kita teruskan sedikit. Maka akhirnya saya balik kepada satu lagi kawasan saya, Jelai. Jelai ini dekat Kuala Lipis, semuanya terdiri dari kalangan petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan mereka hidup di pinggiran FELDA, FELDA Koyan Satu, FELDA Koyan Dua, FELDA Koyan Tiga.

Maka bila saya balik ke kampung sini, saya naik perahu pergi berjumpa orang-orang kampung ini, sungainya besar. Maka pekebun-pekebun kecil ini menghadapi masalah dari segi kapasiti ekonomi mereka. Bila musim hujan sekarang ini macam-macam *problem*, tidak boleh menoreh.

Maka FAMA sepatutnya mencari jalan bagaimana untuk memperkasakan keupayaan penanaman dan ekonomi mereka. Contohnya, baru-baru ini ada satu usaha di negeri Kedah di mana di celah-celah pokok getah itu ditanam *vanilla* dan *vanilla* ini adalah satu produk yang sangat laris di peringkat antarabangsa kerana *vanilla* ini digunakan untuk banyak perkara. Maka apa salahnya kalau kita boleh memberi alternatif kepada petani untuk gunakan tanah ini.

Contohnya, di Jelai ini, orang kampung tanam buah salak di celah-celah pokok kelapa sawit dan juga getah. Harga sekilo buah salak ini RM8, *special*, buah salak Jelai rasanya *best*, tidak boleh dapat di lain tempat, kalau ada pun di tempat lain, rasanya tawar sedikit, yang ini rasanya manis tawar, khususnya ia disukai oleh orang-perempuan yang mengandung dua tiga bulan ini, *[Disampuk]* Itu kena tanya Setiausaha Parlimen kita, oh, belum lagi berumah tangga, ya? Maafkan saya. *[Ketawa]* Ohhh. Kena tanya orang lainlah. Maka itulah. *[Disampuk]* Tarik balik ya, saya pun tarik balik kenyataan itu. Yang Berhormat bagi Beluran kacau saya, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Maka kita berbalik ke sana, Tuan Yang di-Pertua, kita minta mencari alternatif kerana buah salak ini berjaya ditanam di beberapa kawasan pekebun kecil. Maka di FELDA dia nampak orang kaya, 10 ekar, dia boleh memiliki kereta tetapi orang kampung yang duduk di pinggir FELDA, tengok depa ini, berkereta sedangkan orang ini basikal pun tidak ada. Maka anak-anak kampung di sana hidup miskin maka Ahli Yang Berhormat macam saya kenalah bagi ongkos untuk membeli beg, kasut dan macam-macam cerita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, dipersilakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya dengar tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang kepelbagaian aktiviti di peringkat hulu dan kita sedar bahawa peranan FAMA ini sebenarnya di peringkat sistem pemasaran produk pertanian. Jadi, nampaknya Yang Berhormat ini satu langkah ke hadapan, iaitu di peringkat awalan, di

peringkat huluhan aktiviti ini kita telah pun memikirkan bagaimanakah produk-produk ini boleh dipasarkan.

Yang Berhormat, setuju tak Yang Berhormat jika kita mempelbagaikan (*diversifying*) peranan FAMA di peringkat huluhan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kualiti mereka sebagai *the only tool for marketing*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam produk pertanian ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, saya ingat memang *interesting*, dengan izin, soalan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Maka pelaburan ataupun kepelbagaian pertanian yang dikatakan tadi, *the diversification of agricultural activity*, boleh dilakukan melalui penglibatan sektor swasta. FAMA boleh menjadi penjana kepadanya kerana salah satu strateginya adalah meningkatkan pelaburan sektor swasta. Maka, *vanilla*, contohnya boleh disimulasikan oleh sektor swasta untuk turut terlibat dalam sektor ini.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Beluran, sekejap ya, saya nak jawab satu perkara lagi, dan juga pemasaran yang dikatakan tadi, ada macam-macam cara. Kalau ada kemahuan di situ ada jalan, betul tak?

Beberapa Ahli: [Menyampuk] Ya, ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, yang di depan mata tidak buat, nak suruh buat kerja lagi pula? Maksud saya, bukankah cadangan Yang Berhormat tadi mungkin akan menjejaskan sedikit peranan FAMA?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, okey.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang depan mata kita buat dulu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Depan itu tidak buat, itu mungkin satu *accusation* yang mungkin melampau. Kita lembutkan kemarahan dan tohmahan kita kerana itu budaya kita kan.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Fong Kui Lun: Duduklah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap, eh belum lagi. Apa mahu duduk, saya *on the floor*, kan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya pegang *floor*, apa mahu duduk? Saya tidak mahu duduk, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Fong Kui Lun: Bagi jalanlah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya minta supaya Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak marahlah. Okey, teruskan.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya dengar tadi cadangan untuk membuat persefahaman dengan pihak swasta, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands cadangkan agar FAMA ini membuat bersama pihak swasta. Saya melihat FAMA dari segi *management*, mereka kurang *strategic alliance* dengan agensi-agensi yang di bawah kementerian itu sendiri – Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan lain-lain agensi.

Di bawah kementerian itu sendiri pun mereka tidak melihat itu sebagai satu keperluan untuk membuat *strategic alliance* dengan mereka ini. Jadi, cadangan Yang Berhormat katakan bahawa FAMA membuat *strategic alliance* dengan pihak swasta, apakah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tidak melihat bahawa FAMA harus mengubah strategi daripada itu, membuat *alliance* dengan agensi-agensi di bawah kementerian itu sendiri. Itu merupakan masalah utama FAMA.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Beluran, terima kasih. Sudah pun, *strategic alliance* dari segi dalaman dan luaran, *intrinsic* dan *extrinsic*. Betul tidak? Dua-dua ada. Maka hala tuju untuk membangunkan pertanian perlu dilihat dari segi *holistic*. Semua *avenue*, semua saluran yang sedia ada perlu dimaksimumkan dari segi perannya. Itulah ceritanya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa cerita tadi. Saya sudah lari sedikit dari tajuk memperkasakan petani-petani. Baik, kita lihat pembangkang, mana pembangkang kita sudah hilang bila kita menceritakan mengenai pertanian yang merupakan perkasaan...

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya belum habis lagi, duduk Yang Berhormat, saya belum habis lagi. *[Disampuk]* Tadi untuk isu-isu yang tidak berapa penting diperbesar-besarkan suara. Bila kita menceritakan mengenai satu masyarakat yang miskin dan daif, yang perlu diberi khidmat bakti, maka saya begitu sedih kerana pembangkang sudah menghilangkan diri untuk berbicara bersama untuk memperkasakan petani. Adakah pembangkang kita hanya menceritakan mengenai

penduduk-penduduk bandar sahaja atau mereka sudah lupa orang-orang miskin yang begitu banyak di negara kita, di Sabah dan Sarawak, di Kelantan dan di Terengganu. Okey.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tidak usah buat tohmahan yang liar. Sepatutnya saya mahu berucap tetapi tadi Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan sebab ada Yang Berhormat lain hendak berucap. Nanti saya minta Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kerana dia seorang sahaja prihatin, yang lain semua sudah hilang.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tepuk dada tanya selera, Yang Berhormat. Bermesyuaratlah dengan *members* lagi, tanya mereka perlukah mereka prihatin kepada masyarakat miskin, pekerja-pekerja ladang dan petani-petani. Yang Berhormat bagi Putatan pun sudah bercerita bahawa di tempat dia pun teruk. Betul kan? Nelayan.

The nation building, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, is to breach the gap between the poor and the rich. The role of the opposition must be also for the poor and they are fighting for the rich. [Disampuk] [Tepuk]

Seorang Ahli: Dengan izin, dengan izin.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dengan izin.

Puan Chong Eng: Jangan cakap banyak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sudah sampai. Maka saya akan kurangkan sedikit bahasa sebelah sana. *[Ketawa]* Eh *sorry*, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, okey. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, okey, terima kasih. Maka sebagai bukan mukadimah tetapi sebagai penutupnya maka saya merayu visi Perdana Menteri kita begitu murni sekali. Saya memang terharu kerana kemiskinan hanya dapat diatasi atau diselesaikan sedikit dengan adanya satu revolusi dalam pertanian. Takziah diucapkan kerana kemiskinan di negara ini dikaitkan dengan pertanian. Kalau

di negara-negara maju, pertanian adalah satu yang begitu berjaya tetapi di sini kemiskinan adalah pertanian.

Maka saya menyeru supaya Kementerian Pertanian melalui FAMA atau sebarang agensi mengambil perjuangan mereka sebagai satu yang suci murni demi memperkasakan orang miskin kerana terdapat kejujuran kita di sana. Bila ada pengundi yang datang, kita jumpa, kita ikhlas. Yang putar belit ini adalah orang-orang yang sudah dipenuhi candu kebendaan di kota. [*Tepuk*]

Maka saya minta supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerima tanggungjawab pertanian ini sebagai satu tanggungjawab murni demi memperkasakan keimanan dan bakti kepada rakyat. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun.

5.04 ptg.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat-sahabat yang terdahulu, semuanya hebat. Saya cuma hendak memberi sedikit pandangan dan bangun menyokong kepada pindaan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Pada keseluruhannya, manis rasanya kita merakamkan tahniah kepada Kementerian Pertanian, apatah lagi sebuah kementerian yang dahulunya dilihat sebagai, dengan izin, *second class* kementerian yang mana kita terpaksa menyatakan pendirian kita untuk sama-sama terlibat dengan harapan dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila mengambil alih kepimpinan negara meletakkan pertanian sebagai suatu sektor yang dilihat mempunyai potensi besar dalam meletakkan program-program pertanian dan membangunkan pertanian dalam negara kita dan membuat perubahan-perubahan dalam beberapa pendekatan di negara kita.

Seperti rakan-rakan terdahulu, dua orang Yang Berhormat yang terdahulu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana dalam keadaan hari ini walaupun kita banyak di antara kelemahan-kelemahan yang telah dilalui, proses jatuh bangun dan kehambaran FAMA sendiri dalam gerak kerjanya dan pada hari ini kita akan sama-sama membahas dan memberikan pandangan kita moga-moga FAMA yang ingin bersama-sama dalam reformasi dan revolusi pertanian sama-

sama dapat duduk supaya kita dapat memenuhi tuntutan semasa, tuntutan *millenium* dalam abad ini yang ingin melihat agenda pembangunan pertanian akan lebih perkasa dan berada dalam, dengan izin, *mainstream* ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada kita nyatakan dalam pindaan rang undang-undang ini supaya FAMA berubah dengan meletakkan asas-asas baru bukan sahaja dalam soal-soal mengurus pasar tani yang lebih baik dan juga proses pelabelan dan penggredan produk, tetapi yang lebih penting saya terpaksa merakamkan tahniah apabila FAMA dapat melihat konsep pemasaran yang lebih luas apabila meletakkan pengiklanan, *promotion*, dengan izin, sebagai satu asas dan agenda penting di dalam pembangunan FAMA pada masa-masa yang akan datang ini.

Sebagaimana yang kita tahu dan bersetuju apabila FAMA dijadikan sebagai sebuah agensi kerajaan, ianya akan dilihat sebagai sebuah struktur dan juga kakitangannya terlibat sebagai pegawai kerajaan. Kita tidak boleh hendak bandingkan bagaimana kita mengurus FAMA apabila kita bukan seorang usahawan. FAMA yang dilihat bekerja sebagai kakitangan kerajaan ataupun separuh kerajaan di bawah Lembaga ini tidak mungkin FAMA akan boleh bersama-sama dengan organisasi-organisasi swasta yang lain di dalam membangunkan produk-produk pertanian.

Sebab itulah pada hari ini saya turut sama-sama ingin membahaskan akta ini, moga-moga FAMA yang ingin kita "*reform*"kan pada hari ini dan selepas ini, insya-Allah, supaya pertamanya definisi pemasaran dalam kaedah menterjemahkan usaha-usaha kita ini dapat dihayati betul-betul supaya FAMA tidak lagi dilihat sebagai organisasi yang menjalankan tugas-tugas pinggiran dalam pembangunan pertanian di negara kita. Pemasaran dalam erti kata yang sebenarnya ialah bukan jualan dan ianya juga bukan belian tetapi ialah satu proses pengurusan pembangunan.

Apa yang kita hendak pada hari ini ialah produk-produk pertanian sebagaimana termaktub di dalam akta walaupun ada beberapa produk yang telah mempunyai Lembaga ataupun organisasi masing-masing tetapi sesuaiilah pada hari supaya FAMA tidak melihat kaedah petani dan usahawan petani sebagai suatu benda yang berbeza. Apa yang berlaku sebelum ini ialah kerajaan dan juga FAMA itu sendiri, apabila kita buat pasar tani atau pasar borong di kawasan Parlimen kita di mana-mana pun sebelum ini, kita menjemput petani yang membuat usaha-usaha pertanian di kawasan kampung kita, kemudian di "*centralize*"kan di sebuah pasar dan akhirnya diurus bersama-sama dengan FAMA yang akhirnya petani kita hanya disediakan payung dan

mungkin meja yang akhirnya kita tidak lagi kompetitif di dalam memasarkan barangan dan produk pertanian kita.

Jadi di sinilah saya rasa harus ada satu gerakan baru dalam pengurusan FAMA supaya dapat membina kekuatan di peringkat usahawan tani, bukan membina kekuatan di peringkat petani kerana petani adalah petani dan usahawan tani adalah suatu kumpulan manusia yang berbeza.

Seorang petani yang baik tidak mungkin menjadi seorang usahawan tani yang baik dan seorang usahawan tani yang baik tidak mungkin boleh menjadi petani yang baik. Jadi dalam hal-hal ini suatu gerakan di peringkat FAMA itu harus mengenal pasti siapakah sebenarnya usahawan tani ini supaya FAMA bukan sahaja dapat meningkatkan kaedah pemasaran FAMA itu sendiri dalam menyusun apa yang dikehendaki oleh kementerian supaya ada kuasa dalam menyusun sistem pemasaran yang lebih moden, yang lebih pragmatik supaya ia akan menjadi seiring dengan organisasi-organisasi swasta yang lain. Saya rasa FAMA bukan bertindak untuk menindas organisasi-organisasi lain tetapi harus ada jalinan dan jaringan kerjasama dengan usahawan–usahawan tani yang lain dan juga membina *outlets* pemasarannya sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini FAMA pertamanya mesti menyelesaikan masalah orang tengah, orang tengah seperti sahabat kita dari Melaka tadi, umpamanya kalau FAMA diberi kuasa untuk mengeluarkan *permit* atau mengeluarkan lesen tertentu untuk import produk-produk pertanian yang tujuannya adalah mengimbangkan kedudukan jenis makanan yang ada di negara kita, maka orang tengah pertanian yang dijadikan batu loncatan yang dijadikan oleh setengah-setengah pihak harus diketepikan 100%.

Sebab itu FAMA harus ada membina *database* sendiri dalam merangka dan mengusahakan supaya usahawan tani di negara kita ini dapat diusahakan, dapat dilatih dan dapat *dipromote*, dengan izin, bersama-sama dengan FAMA supaya mereka mempunyai *link* ataupun hubungan yang langsung dengan FAMA dan akhirnya mereka akan membantu FAMA dan mereka sendiri dalam memasarkan produk-produk pertanian kita.

Yang keduanya, saya berharap apa yang sedang berlaku sekarang ini dapat diubah oleh FAMA dalam bentuk suatu pendekatan membina rangkaian bukan sahaja di peringkat usahawan tani, tetapi juga akan membina di rangkaian yang mempunyai

dan yang dilihat secara positif supaya kita bertanding dalam bentuk yang sihat dengan umpamanya pasar raya-pasar raya yang besar. Dan contoh yang terbaik yang FAMA harus lihat di dalam pemasaran pertanian ini ialah untuk melihat bagaimana TESCO di luar-luar negara, terutama sekali di London, bagaimana mereka pakejkan produk-produk pertanian dengan bentuk yang lebih baik, bentuk yang amat menarik yang akhirnya masyarakat persekitaran dalam sesuatu kawasan dapat membeli barangan produk pertanian ini dengan selesa. Dan apatah lagi FAMA sendiri telah komited agaknya di dalam saranan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu untuk melihat kualiti produk pertanian kita ini dapat kita pertahankan dan kalau model-model tertentu yang telah agak *established* di luar-luar negara harus FAMA mencontohinya.

Sebab itu pendekatan pasar borong atau pasar tani harus direformasikan 100%, sama ada pasar tani ini adalah untuk usahawan tani atau hanya untuk diberikan kepada petani. Mungkin program ini boleh diteruskan di peringkat mukim tetapi program-program memperkasakan pemasaran secara keseluruhannya produk-produk pertanian harus dilihat dalam bentuk yang lebih besar .

Saya bersetuju konsep pasar borong dan pasar tani ini diperluaskan tetapi pendekatannya dengan membantu petani secara langsung. Tetapi apakah petani kita ini mempunyai keupayaan untuk memasarkan? Kadang-kadang FAMA terlepas pandang di dalam beberapa hal yang berkaitan dengan perkara-perkara jualan kepada petani-petani mereka, kadang-kadang terpaksa mereka ini berada di pasar-pasar tani tetapi produk pertanian kita tidak tahan lama. Apabila tidak laku, yang menjadi mangsa akhirnya ialah petani-petani kita sendiri.

Petani kita menjadikan FAMA ini sendiri tempat berteduhnya.. Sebab itu saya berharap FAMA selepas ini bukan membuang terus program pasar tani tetapi; membuat sedikit perubahan supaya petani-petani yang dipakejkan di bawah program pembangunan FAMA atau rangkaian FAMA ini dapat mereka bertumpang teduh supaya mereka tidak dilihat sebagai kumpulan yang gagal lagi. Kita tidak hendak kerana FAMA sebagai sebuah organisasi yang diberi kuasa kadang-kadang oleh kerana di peringkat Majlis Daerah umpamanya FAMA pohon tapak Majlis Daerah cepat-cepat bagi, tetapi ada kumpulan petani yang hendak minta tapak kerana *compete* dengan FAMA mereka tidak bagi. Jadi oleh kerana FAMA dilihat sebagai sebuah agensi kerajaan maka elok rasanya FAMA bekerjasama dengan Majlis Daerah-Majlis Daerah supaya bukan FAMA menjadi *competitor* kepada petani yang

kita hendak bangunkan ini dari segi pemasaran produk-produk mereka tetapi FAMA harus menjadi bapa atau menjadi pengurus yang berwibawa dalam menengahkan petani-petani kita.

Jadi saya rasa sesuai dengan pindaan Akta ini dalam saranan ini supaya FAMA dapat mengekalkan lagi pasar tani tetapi mestilah berubah dari segi pendekatan dan kaedah pengurusanannya.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pertindihan peranan yang dimainkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kadang-kadang FAMA ini kita kata Persekutuan dan kadang-kadang kita berada di negeri. Kadang-kadang perkara-perkara ini banyak dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan kalau kita tengok bagaimana pendekatan yang dibuat oleh negara-negara maju tentang pertanian ini, apabila keadaan tanah mereka diledakkan dengan *utilization* iaitu dengan penggunaan tanah secara *total*, kita banyak membazir tanah.

Saya terpaksa menyatakan kebanyakan rakyat kita yang duduk di pedalaman memohon dengan kita untuk minta tanah pertanian, tetapi tidak diusahakan. Kita hendak tahu perkara-perkara ini dan kita berharap Kementerian Pertanian proaktif melihat bagaimanakah tanah-tanah pertanian di dalam negara kita diberikan kepada rakyat jelata yang tujuannya untuk berusaha mengeluarkan produk-produk pertanian tetapi dibiarkan semak, akhirnya lalang dan sebagainya, maka hasrat pemberian tanah pertanian ini tidak dapat dipenuhi oleh rakyat jelata kita yang ingin bercucuk tanam dan akhirnya matlamat untuk memacukan gerakan pertanian kita tidak mungkin tercapai.

Saya berharap FAMA walaupun di bawah Kementerian Pertanian MOA Inc. yang diperkenalkan oleh Menteri kita yang saya yakin dalam dekad yang akan datang ini kita akan nampak kesan-kesannya, tetapi kita berharap juga FAMA dan Kementerian Pertanian dapat bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri kerana kadang-kadang di peringkat kerajaan-kerajaan negeri banyak peranan pembangunan pertanian ini bertindih dari segi pendekatan dan juga kaedah-kaedah yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan Negeri berbanding dengan yang dibuat oleh di peringkat Kerajaan Pusat kita . Jadi perkara-perkara ini harus diselaraskan di peringkat kita supaya matlamat kita untuk maksimumkan pengeluaran pertanian ini yang berkualiti dapat kita bina di masa-masa yang akan datang ini. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Puteh.

Datuk Rosli bin Mat Hassan : Sila-sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tadi ada terpanggil sikit dalam hati saya apabila disebut Kerajaan Negeri. Saya rasa tidak puas hati. Selepas saya dilantik sebagai Yang Berhormat, saya tengok Kelantan ini kalau Kerajaan Pusat hendak supaya membawakan agenda pertanian ini sebagai agenda yang besar dalam negara tetapi masih lagi dok import daripada luar negara, daripada seberang sana bawa ke pasar-pasar tani. Oleh sebab itu saya setuju kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil tindakan tegas, kalau kita ada Ahli Parlimen, *why not* Ahli Parlimen itu juga diberi peranan untuk menyelaraskan pasar-pasar tani. Bukanlah Yang Berhormat menjaga pasar-pasar tani, tetapi menjaga polisi. Saya tahu Kelantan ialah parti Pembangkang. Ini dia orang tidak ada, saya boleh bercakap banyak. DAP saya tidak boleh campur, kerana tidak ada seorang tidak ada ini.

Jadi, saya rasa amat tidak puas hatilah. Sepatutnya kita menjadi *role model*. Ini Islam Hadhari. Kalau kita dok bercakap *the best Islamic State in the world, in Malaysia* saya tengok belum, serambi Mekah pun belum. Lembu Mekah ada! Jadi, sebab itulah bagi saya kita tidak hendak jadi lembu Mekah, kita hendak serambi Mekah. Kita hendak Islam Hadhari *back to the modern in the modern world*, dengan izin. Jadi sebab itu saya ingat Yang Berhormat setuju tidak, kalau boleh Ahli-ahli Parlimen ini juga diberi peranan khususnya di Kelantan, tidak di Terengganu. Terengganu tidak ada masalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ke arah hendak gulung. Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Memang Ahli Parlimen mesti bertanggungjawab dalam hal menggubal sekurang-kurangnya undang-undang pada hari ini sebab itu kita *participate*.

Di Kelantan, saya ingat dalam pilihan raya yang akan datang, kita berharap Kelantan dapat Barisan Nasional mengambil alih dan kita rasa Kerajaan Pusat akan mereformasikan pertanian di Kelantan, jadi kita minimumkan import daripada Thailand dan kita bangunkan Kelantan sebagai pusat pertanian mungkin yang terbesar. Jadi bercakap tentang pertanian yang terbesar ini, tidak manis rasanya atau tidak elok rasanya saya tidak menceritakan sedikit sebanyak tentang sebuah ladang yang agak besar di kawasan saya. Tujuan saya cerita ini hendak minta tolong dengan Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen dan Menteri iaitu ladang limau madu yang terbesar sekali di Asia Tenggara ialah di kawasan saya, di kawasan yang dipanggil Durian Mentangau, dipanggil Citrus Valley dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa Melayu Lembah Limau Madu.

Kalau Tuan Yang di-Pertua kebetulan ke Dungun, Terengganu, saya bawa. Masuk tidak sangka ianya di Dungun. Saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah melawat atau belum, saya lupa. Saya ingat sudah pergi kot? Kita ada 2,500 ekar dan saya merancang dengan pejabat tanah supaya kalaulah masalah yang dihadapi oleh limau madu di Dungun ini dapat kita atasi dari segi penyakit dan sebagainya. Berkemungkinan kita ada ruang tanah lagi supaya kita boleh perbesarkan - dua, tiga ribu ekar lagi yang diusahakan oleh petani-petani kita di daerah kami supaya kita boleh sekurang-kurangnya menyumbang kepada pengeluaran limau madu dan limau madu ini saya berharap dalam sesi yang akan datang ini, mungkin saya suruh usahawan dari tempat itu bawa datang ke Parlimen ini bagi satu kotak satu orang supaya rasa dia punya manis, macam mana limau madu. Orang kata bermadu pahit, tetapi nampaknya limau madu ini manis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung ini. Saya minta kalau ada program-program seperti ini yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, yang boleh membantu apa yang dinamakan matlamat merevolusikan pertanian ini, saya berharap MARDI dan agensi-agensi di bawah kementerian Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat membantu oleh kerana banyak di antara perkara seperti ini akhirnya kita akan gagal apabila kita tidak boleh menyelesaikan masalah penyakit dan masalah kajian tentang pembangunan di tempat-tempat yang berkenaan.

Tidak salah saya rasa kalau MARDI boleh membuat satu stesen di kawasan ini. Kalau boleh panggil pakar-pakar Ph.D penyakit pertanian dan kalau boleh bawa *student* yang hendak buat Ph.D bersama-sama dan kita akan membantu supaya ladang seperti ini yang telah sah mempunyai dua, tiga ribu ekar yang boleh mengeluarkan produk pertanian yang berkualiti antarabangsa perlu kita perkukuhkan. Jadi secara rasminya saya hendak memohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutama sekali dalam pembangunan Lembah Limau Madu di Dungun ini supaya sebuah stesen MARDI untuk kajian tentang penyakit dan pembangunan limau ini dapat dilaksanakan dengan cepat. Semoga kalau semua ini dapat diselesaikan, saya bolehlah minta tolong dengan rakan-rakan di pejabat tanah memperbesarkan lagi

kerana yang hendak mengusahakannya ini ramai, tetapi kita takut kerana masalah penyakit ini tidak dapat diselesaikan di kawasan ini.

Jadi, akhirun kalam Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama kita rakyat Malaysia khususnya melihat dalam bentuk pembangunan ini mengorientasikan pemasaran bukan lagi orientasi pengeluaran. Apa yang terjadi sebelum ini kita mendekatkan diri kita tentang *production oriented*. Kalau kita tengok bagaimana negara-negara yang telah maju meletakkan pemasaran, menciptakan pemasaran itu, akhirnya baru didedahkan bagaimanakah kaedah-kaedah pengeluaran. Kalau ini kita dapat menukarkan *mindset* pengusaha-pengusaha kita, petani-petani kita dan juga usahawan tani kita dan berkemungkinan FAMA itu sendiri, insya-Allah saya rasa kita akan menemui kejayaan yang cemerlang pada masa-masa yang akan datang.

Dengan kata-kata itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang.

5.25 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang cukup terkenal dengan nama FAMA memang diakui sebagai badan berkanun yang ditubuhkan sejak tahun 1965, telah memainkan peranan dan tanggungjawab yang cukup besar bagi memastikan hasil pengeluaran para petani dan peladang dipasarkan secara optimum sambil membawa peluang yang lumayan kepada mereka ini. Ini adalah benar kerana FAMA telah melaksanakan pelbagai program dan projek ke arah tersebut, namun pencapaian sentiasa pasang surut.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kegiatan FAMA ialah mengadakan pasar tani untuk membantu golongan pengeluar memasarkan hasil pertanian, ternakan, *agriculture* dan sebagainya. Di kawasan saya di Bukit Bintang pernah wujud satu pasar tani di tapak Sulaiman Court Jalan Tunku Abdul Rahman dalam tahun 80-an. Tidak lama kemudian pasar tani itu ditutup dan dipindahkan ke tempat lain. Kini banyak tempat sudah diwujudkan pasar tani tetapi pasar tani ini disifatkan sementara. Jika tidak ada sambutan biasanya ditutup dan dipindahkan ke tempat lain. Saya ingin tahu, sepanjang tempoh ini berapa banyak pasar tani telah diwujudkan; di mana tempat?

Berapa yang kekal sehingga ke hari ini dan berapa pula yang terpaksa ditutup serta sebab-sebab ditutupnya?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tujuan pasar tani diwujudkan bagi memastikan para pengeluar, petani, penternak dan peladang mendapat peluang yang tinggi bagi hasil jualan keluaran di samping para pengguna boleh mendapat barang-barang segar dan bermutu, tetapi umumnya harga jualan di pasar tani kadangkala lebih tinggi di pasar biasa. Sebagai pengguna, mereka dengan membeli keluaran yang mahal, mereka akan pergi membeli di pasar biasa. Pada hari ini, persaingan dengan pasar tani cukup hebat dengan adanya pasar moden, pasar malam, pasar raya mega yang menjualkan beraneka rupa barang yang dikeluarkan. Saya tidak pasti apakah pasar raya mega mendapat bekalan dari FAMA dan para petani, peladang dan penternak secara terus?

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pasar tani lesu, kurang kunjungan dan dagangan berbanding dengan pasar harian, pasar borong dan pasar raya mega. Apa silapnya pasar tani tidak dapat menarik dagangan yang banyak sedangkan hasil jualan adalah segar dan bermutu?

Tuan Yang di-Pertua, FAMA mestilah mewujudkan pasar tani bercorak Malaysia disertai ramai penduduk supaya ia lebih mencerminkan masyarakat Malaysia sendiri. Jika pasar tani tidak mampu menyaingi pasar malam, di manakah silapnya? Pasar malam maju dan mendapat sambutan hangat kerana ia mencerminkan kepelbagaian Malaysia. FAMA jangan terlalu bersikap menggonggong dalam menggerakkan pasar tani. Beri kebebasan untuk para petani dan peladang berniaga bersama-sama dengan penjaja-penjaja kecil yang berminat menyertainya. Pasar tani berkonsep baru hendaklah diwujudkan jika kita benar-benar ingin melihat sebuah lagi sistem pasaran berjaya di Malaysia. Petani dan peladang bukan sahaja mampu memasarkan hasil keluaran mereka di pasar tani tetapi berjaya memasarkan di rangkaian pemasaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju hasil buah-buahan untuk pasaran eksport memakai jenama Malaysia Best yang membuka pasaran seberang laut yang lebih besar. Rangkaian pasar raya seluruh dunia harus dibekalkan dengan buah-buahan segar Malaysia. Inilah peluang FAMA untuk menerokai pasaran yang lebih besar bagi memartabatkan kaum petani dan peladang Malaysia. Tidak ada ertinya hasil petani bermutu tinggi, berjaya dikeluarkan oleh para peladang, tetapi FAMA dan

pengantara pasaran gagal melakukan yang terbaik untuk mereka. Masalah petani bukan masalah pengeluarannya lagi, tetapi bagaimanakah memasarkan hasil pertanian dan keluaran mereka seberapa banyak yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin bahawa pasaran hasil pertanian harus dipasarkan di luar negara seperti di negara China, Jepun dan negara-negara lain. Jika negara jiran boleh berjaya memasarkan hasil buah-buahan Malaysia di luar negara, mengapa Malaysia tidak boleh berjaya? Saya berharap peranan yang dimainkan oleh FAMA haruslah sesuai dengan kehendak pasaran dunia sebab buah-buahan Malaysia Best boleh dikatakan satu jenama yang baik dan saya difahamkan bahawa banyak buah-buahan seperti mangga yang ditanam di negeri Perak dipasarkan di Singapura dengan harga yang lumayan; satu kilogram dengan harga S8 bermakna RM16. Inilah satu contoh yang kita boleh ambil perhatian bahawa di banyak negeri seperti negeri Melaka, Negeri Sembilan khususnya di Jelebu banyak pekebun yang menanam nangka dan tidak berjaya sebab bahan baja kimia yang diimport harganya sangat mahal berbanding dengan negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh habiskan dalam tiga minit lagi?

Tuan Fong Kui Lun: Ya, saya akan gulung. Tetapi kita difahamkan di negara China boleh berjaya dalam pasaran penghasilan mereka sebab baja mereka yang memakai baja organik, berbanding dengan Malaysia yang menggunakan banyak baja kimia. Inilah yang harus diambil perhatian oleh kementerian bagi memastikan bahawa harganya tidak menjadi satu bebanan kepada para petani. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok, 14 Disember 2004.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.

